

**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEDUABELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 13**

**Rabu**

**23 Julai 2008**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL:</b> Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan	(Halaman 32)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 80)

**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Rabu, 23 Julai 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum kita mulakan pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan, saya bagi pihak Dewan ingin mengalu-alukan kehadiran timbalan-timbalan menteri yang mewakili menteri yang sedang mengikut Mesyuarat Jemaah Menteri pada pagi ini. Sebagai makluman, Perkara 43A.(2) Perlembagaan Persekutuan, timbalan-timbalan menteri hendaklah membantu menteri pada menunaikan tugas-tugas dan fungsi-fungsi mereka dan bagi maksud sedemikian hendaklah mempunyai segala kuasa menteri. Ini bagi mengelakkan persepsi orang awam bahawa tidak ada menteri di Dewan Negara pada pagi ini. Terima kasih.

**1. Dato' Kamarudin bin Ambok** minta Menteri Pelajaran menyatakan bagi memperkasakan penguasaan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di seluruh negara, apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan satu skim kelas tambahan untuk diuruskan dan diselia oleh graduan-graduan yang menganggur.

**Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran guru-guru saya dan murid-murid daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Jugra, Banting. [*Tepuk*] Barangkali persoalan hari ini ada kaitannya dengan anak dan murid-murid kita ini.

Persoalan ini ada dua perkara yang ditimbulkan. Yang pertamanya ialah tentang usaha hendak membantu graduan-graduan yang menganggur dan yang kedua tentang usaha memperkasakan tahap penguasaan bahasa Inggeris. Buat masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia belum bercadang untuk mewujudkan satu skim kelas tambahan untuk diuruskan dan diselia oleh graduan-graduan yang menganggur. Ini adalah kerana Kementerian Pelajaran sentiasa prihatin tentang proses perkembangan dan pembangunan anak-anak dengan cara yang tertib dan teratur di mana guru-guru perlu mempunyai latihan, memiliki apa yang disebut sebagai *content knowledge*, yang keduanya dari segi *pedagogical knowledge* dan yang ketiga daripada motivasinya yang tinggi.

Kementerian Pelajaran juga sedang melaksanakan Skim Baucar Tuisyen ataupun SBT mulai tahun 2005 bagi murid-murid yang lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris dan Skim

Baucar Tuisyen ini dikendalikan oleh guru-guru sekolah sendiri yang lebih mengenali murid-muridnya dan setakat ini kira-kira 500 ribu murid-murid yang telah menerima manfaat daripada Skim Baucar Tuisyen ini dengan jumlah peruntukan Kementerian Pelajaran mencecah angka RM232.14 juta.

Bagi menjawab persoalan yang kedua iaitu memperkasakan tahap penguasaan bahasa Inggeris, Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) mengadakan Program Bacaan Awal Berstruktur bagi murid-murid Tahun 1 dan 2 di sekolah-sekolah luar bandar di mana anak-anak yang mencatat prestasi di bawah 40% dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan membekalkan buku-buku bacaan dalam bahasa Inggeris;
- (ii) Program Bacaan Ekstensif iaitu lanjutan daripada program yang pertama iaitu Bacaan Awal Secara Berstruktur untuk murid-murid Tahun 3 dan 4 di 2,880 buah sekolah luar bandar;
- (iii) Program Sastera Kontemporari Kanak-kanak yang dilaksanakan secara berperingkat bagi murid-murid Tahun 4, 5 dan 6 mensyaratkan murid-murid membaca tiga buah buku yang bercorak prosa dan puisi dalam bahasa Inggeris secara intensif;
- (iv) Program *Early Literacy Through English*, ringkasnya ELITE. Program ini adalah memberi intervensi kepada murid-murid Tahun 1 yang menghadapi masalah-masalah dalam penguasaan bahasa Inggeris dari segi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis;
- (v) bekalan perisian elektronik ataupun *courseware* bagi Bahasa Inggeris dengan kerjasama pihak-pihak swasta;
- (vi) Program Penutur Jati yakni dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dengan organisasi luar negara yang menempatkan penutur jati, *native speaker* daripada kalangan belia-belia dari United Kingdom, Australia dan New Zealand yang petah berbahasa Inggeris untuk berinteraksi dalam kegiatan-kegiatan kokurikulum hadir bersama-sama dan membantu guru Bahasa Inggeris di kelas-kelas di sekolah kita;
- (vii) aspek *Teaching of Speaking* yang diperkenalkan di sekolah menengah untuk memantapkan kemahiran mendengar dan bertutur;
- (viii) kerjasama Kementerian Pelajaran dengan agensi bukan kerajaan seperti *Esso*, *Utusan*, *The Star*, akhbar-akhbar tempatan dan *The New Straits Times* yang melaksanakan program ADD, Akhbar Dalam Bilik Darjah ataupun NIE, *Newspaper in Education*.

## ■1010

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bolehkah Yang Berhormat memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tahap peratusan pencapaian menulis, membaca, bertutur dalam bahasa Inggeris di luar bandar dan bandar.

Kedua, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu kaedah baru pembelajaran Bahasa Inggeris yang mana ianya mengambil faktor perbezaan sosial budaya di kalangan pelajar di bandar dan di luar bandar. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih. Pertamanya adalah tentang perbezaan prestasi di antara anak-anak di luar bandar dan dengan bandar. Memang dari segi standard ataupun taraf SES, *social economic status* seperti mana yang telah disebut, keluarga anak-anak daripada keluarga yang berada mempunyai kelebihan di mana mereka mendapat pelbagai jenis sokongan yang membolehkan mereka menguasai bahasa apa yang disebut sebagai *extended code* ataupun *elaborated code* yakni mempunyai ruang untuk mereka berbahasa dalam bahasa Inggeris dengan lebih baik. Berbanding dengan anak-anak di luar bandar yang lebih terhad, dengan izin disebut sebagai *limited code* di mana mereka terhad untuk menguasai bahasa Inggeris.

Kajian-kajian berkala dilakukan oleh Bahagian Jemaah Nazir, EPRD dan juga pusat perkembangan kurikulum. Berhubung dengan persoalan yang satu lagi iaitu tentang apa namanya, saya minta maaf tidak ingat yang satu lagi, *second question* tadi. Tentang...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Kamarudin boleh ulang soalan tambahan.

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu kaedah baru pembelajaran bahasa Inggeris yang mana ianya mengambil faktor perbezaan sosial budaya di kalangan pelajar di bandar dan di luar bandar.

**Dato' Razali bin Ismail:** Ya saya terlupa untuk soalan kedua, ini amat mesra dengan saya. Sebenarnya memang kita membuat tinjauan di sekolah-sekolah di pedalaman. Sekarang apa yang kita amalkan ialah *one size fits all*. Ertinya, saiz kasut kita yang satu itu seolah-olah kita anggap boleh dipakai untuk semua orang. Jadi maknanya kita tidak memberi keluasan, kelonggaran kepada anak-anak kita yang terpencil di luar bandar. Maka, berdasarkan kepada keadaan itu seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, kita ada apa yang disebut sebagai *indigenous pedagogical content knowledge*. Yakni kita menyesuaikan dengan keadaan persekitaran suasana yang bersifat *localize* dan *contextualize*, dengan izin untuk membolehkan anak-anak ini lebih mudah menguasainya.

Contohnya, baru-baru ini Kementerian Pelajaran mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah di pedalaman yakni di Pensiangan dan Salinatan. Kita terpaksa melalui Sungai Pensiangan di Keningau, kira-kira lima jam naik bot menuju ke Sekolah Salinatan di mana di sekolah-sekolah di situ kita dapati anak-anaknya diajar tentang *currency* yakni mata wang.

Sedangkan di situ tidak ada kedai. Jadi konsep *currency* dan mata wang itu seolah-olah tidak dapat difahami oleh anak-anak itu. Maka, dalam konteks ini kita memikirkan bahawa strategi-strategi yang sesuai dengan keadaan.

Strategi-strategi yang bersifat *school based*, yang bersifat *localize*, tempatan, harus dibuat. Dalam hubungan ini juga, dua buah maktab dikenal pasti untuk melatih guru-guru dengan kaedah yang disebut sebagai *indigenous*, peribumi, bukan peribumi dan bumiputera yang bersifat *indigenous localize* iaitu di dua buah maktab, Maktab Perguruan Keningau dan satu lagi ialah Maktab Perguruan Miri untuk mengeluarkan, menghasilkan guru-guru yang mempunyai kepakaran, keterampilan untuk menangani isu-isu lokal itu.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan tambahan saya di mana tahap penguasaan bahasa Inggeris sekarang ini di sekolah rendah terutamanya kepada pelajar Melayu lebih-lebih lagilah Orang Asli masih di tahap yang rendah. Apabila penguasaan ini tidak dapat dicapai dan kita mensyaratkan pula pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, ini menjadikan umpama tidak cukup beban, batu digalas. Jadi masalah yang ada sekarang in pelajar-pelajar di sekolah rendah dengan pelajaran lain, j-QAF umpamanya, Jawi, Bahasa Arab, Agama, Fardu Ain yang begitu banyak mata pelajaran dan ditambah lagi dengan ko-kurikulum di mana pelajar-pelajar ini beban begnya pun sudah 20 kilogram.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Bagaimana dengan beban pelajaran ini? Pertanyaan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula dasar pelajaran kita supaya hala tuju kita ini dapat dicapai agar jangan jadi “Yang dikendong tidak dapat, yang dikejar berciciran”. Eh terbalik, “Yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran”. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Terima kasih. Ini satu pandangan yang jauh ke hadapan untuk melihat reformasi dalam pendidikan kita tetapi mahu tidak mahu kita perlu mengakui bahawa pelaksanaan pengajian pembelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris setidak-tidaknya memberi pengetahuan baru dan juga memperkayakan penguasaan bahasa Inggeris. Ini kerana semua guru sekarang ini disyaratkan untuk mengajar Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris, bahasa Inggeris diperkenalkan. Setidak-tidaknya bahan-bahan dalam bentuk ICT dibekalkan di sekolah. Setidak-tidaknya bahan-bahan bacaan telah dihantar ke sekolah kerana untuk mempelajari Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris.

Ertinya, rangsangan-rangsangan itu diberikan kepada anak-anak kita. Fikirkan kalau sekiranya tidak ada pengenalan Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris. Pendedahan anak-anak kita dalam bahasa Inggeris akan menjadi terhad dan terbatas. Apa yang kita kehendaki ialah supaya anak-anak kita ini sentiasa dengan izin *engage* dengan bahasa itu dan sekarang ini kita telah memberi ruang itu. Jangan pula kita melihat bahawa anak-anak kita tidak

mempunyai potensi. Sesungguhnya setiap anak-anak kita ada potensi. Semalam saya telah sebut apabila Tuan Yang di-Pertua tanya kepada saya apakah anak-anak kita punya potensi? Yes dan saya menyatakan komitmen saya sebagai seorang guru, sebagai seorang pendidik, *my deepest fear is not that we are inadequate. My deepest fear is that we are powerful beyond measure*, dengan izin.

Ertinya, dengan potensi yang ada kita harus menyediakan peluang-peluang kepada anak-anak ini, latihan guru, komitmen. Sebab itulah saya sebut semalam kita mengalu-alukan sumbangan yang besar, dana yang besar daripada kerajaan disalurkan kepada Kementerian Pelajaran sebab agenda kita cukup besar. Murid-murid kita mencecah angka lima juta di 10,000 buah sekolah. Guru-gurunya pula mencecah angka 400 ribu orang guru semuanya. Jadi ini adalah merupakan usaha-usaha kita. Saya lihat sama ada anak orang Asli kah, anak orang di Pensiangan, di Salinatan, anak orang Murut di sana kah, sekiranya mereka diberi peluang dan dirapatkan jurang-jurang perbezaan ini, mereka mempunyai potensi untuk menyerlahkan diri.

**Tuan Majjol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya perhatikan dan ini menjadi pengetahuan umum bahawa graduan-graduan kita tidak boleh menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Ini menyebabkan mereka *unemployable*, dengan izin. Ini disebabkan mereka ini tidak mempunyai asas yang kukuh, asas yang baik di dalam penguasaan bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Adakah kerajaan bercadang untuk memperbanyakkan lagi masa untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris ini dan juga memberikan tuisyen khas di dalam kumpulan-kumpulan kecil di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah supaya mereka ini mempunyai pendedahan dan juga mempunyai asas yang lebih baik lagi di peringkat sekolah tersebut. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ismail:** Yang Berhormat satu soalan yang baik iaitu tentang *employability* graduan ataupun lulusan siswazah-siswazah kita itu. Disebut tadi titik mulanya adalah daripada sistem pendidikan kita tetapi satu perkara yang harus kita sebut juga di sini ialah banyak usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran sama ada intervensi itu seperti mana yang telah saya senaraikan lapan intervensi, mahupun dari segi kaedah pengajaran pembelajaran kepada anak-anak kita.

Sekarang ini satu usaha telah dilakukan oleh Kementerian Pelajaran supaya pembelajaran Bahasa Inggeris ini adalah pembelajaran yang disebut sebagai membawa keadaan keriang, *fun in learning*. Kita menggalakkan murid-murid dan anak-anak kita terlibat dalam kegiatan-kegiatan ko-kurikulum, *choral speaking* misalnya, teater, drama. Barangkali anak-anak kita sudah bosan dengan kaedah tradisional yang hanya latih tubi *grammar* ataupun dalam struktur-struktur yang dilihat sebagai *obsolete* dalam pemikiran mereka.

**■1020**

Jadi pendekatan kita sekarang ialah pendekatan yang bersifat *creating fun* dengan izin, mencetuskan keadaan kegembiraan dan keseronokan dalam pembelajaran. Ini adalah merupakan kaedah-kaedahnya selain daripada kita menambahkan lagi waktu dan masa bagi anak-anak kita untuk belajar dalam bahasa Inggeris dan satu perkara juga adalah kita hendak titipkan dalam diri anak-anak kita itu rasa keyakinan, *confident*, *self-esteem* yang tinggi supaya mereka ini dengan mudah dapat berbicara, dapat memberi ruang *employability* kepada anak-anak ini.

**2. Dato' Gooi Hoe Hin** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan sehingga masa kini apakah projek-projek yang telah dilaksanakan sejak Kementerian menubuhkan tabung pendidikan untuk pekerja-pekerja perladangan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Kementerian saya tidak mewujudkan tabung pendidikan untuk pekerja-pekerja perladangan, namun agensi-agensi di bawah KPPK misalnya Lembaga Getah Malaysia mempunyai tabung biasiswa untuk menampung pembiayaan pengajian bagi anak-anak pekerja estet. Di samping itu, bagi pengetahuan Yang Berhormat, beberapa syarikat perladangan juga telah bersetuju untuk menyediakan peruntukan sejumlah kira-kira RM1 bilion bagi tempoh lima tahun iaitu bermula tahun 2008 hingga 2012.

Peruntukan tersebut disediakan oleh syarikat-syarikat perladangan bagi melaksanakan program-program seperti kebajikan pekerja, peningkatan kemudahan dan prasarana termasuk kemudahan pendidikan di ladang-ladang mereka sendiri. Ia adalah merupakan sebahagian daripada inisiatif syarikat-syarikat berkenaan melaksanakan amalan tanggungjawab sosial korporat atau CSR terhadap pekerja mereka. Sehubungan ini, Kementerian saya masih menunggu laporan perancangan dan status pelaksanaan usaha-usaha CSR di ladang mereka, sekian.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu bernas dan tersendirinya jelas menunjukkan usaha-usaha untuk menaik taraf pekerja-pekerja perladangan yang sekian lama dibangkitkan di Dewan yang mulia ini telah menjadi nyata lagi tetapi lebih-lebih lagi menunjukkan usaha murni kerajaan yang bersungguh-sungguh dan berterusan demi membela nasib pekerja-pekerja ladang. Syabas, syabas dan tahniah saya ucapkan dan saya berdoa supaya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pertanyaan tambahan Yang Berhormat.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Namun izinkan saya bertanya, satu apakah usaha lain yang akan dan telah dilaksanakan untuk meningkatkan lagi kebajikan pekerja-pekerja estet dan kedua sama ada syarikat GLC khususnya Sime Darby yang mempunyai 130 estet kalau saya tidak silap telah atau akan melibatkan diri dengan lebih cergas lagi demi menunaikan tanggungjawab sosial korporat terhadap kebajikan pekerja-pekerja estet, terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengatakan di sini iaitu kebanyakan syarikat-syarikat perladangan di Malaysia mereka memang memberikan atau menjalankan tanggungjawab sosial korporat ini dengan baik. Yang amat membimbangkan kementerian ialah ladang-ladang yang saiznya kurang dari 1,000 ekar di mana kalau kita lihat syarikat-syarikat perladangan yang besar, mereka memang menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab sosial masing-masing.

Misalannya kalau saya ambil Sime Darby, mereka mempunyai Yayasan Pendidikan Sime Darby. Begitu juga dengan Asiatic Sendirian Berhad, mereka mempunyai Yayasan Pendidikan Lim Goh Tong. Di samping itu mereka juga memberikan perkhidmatan-perkhidmatan lain kepada anak-anak pekerja dan juga pekerja misalannya kalau kita ambil United Plantation. Mereka memberikan perkhidmatan terbaik iaitu dengan menyediakan kemudahan prasarana atau kemudahan rumah yang begitu saya boleh kata *five star*, rumah berstatus *five star* kepada pekerja-pekerja mereka.

Di samping itu mereka juga telah memberikan sebanyak lebih kurang RM1.2 juta, mereka belanjakan untuk memberikan biasiswa kepada pelajar-pelajar di sektor perladangan mereka. Di samping itu, syarikat seperti Sime Darby juga di Sarawak, mereka memberikan pengangkutan percuma kepada pelajar-pelajar sekolah yang terpaksa menyeberangi Sungai Kinabatangan. Jadi ini merupakan usaha-usaha syarikat-syarikat perladangan dalam memajukan atau meningkatkan CSR di kalangan pekerja-pekerja sektor perladangan, sekian.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah keperluan tabung pendidikan untuk pekerja-pekerja perladangan termasuk pekerja asing telah menggambarkan bahawa pendapatan mereka adalah rendah walaupun harga minyak sawit telah mencecah RM3,500 setan dan harga getah mencapai RM10 sekilo. Soalan saya adalah berapakah purata pendapatan bulanan bagi pekerja ladang kelapa sawit dan ladang getah, terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai soalan yang pertama mengenai iaitu berkenaan pekerja asing di mana kalau kita lihat di negara kita dalam sektor perladangan hari ini terdapat kira-kira 1.4 juta pekerja dan 345 ataupun 0.345 adalah terdiri daripada pekerja asing dan lebih kurang 80% adalah pekerja-pekerja Indonesia diikuti dengan pekerja warganegara India dan warganegara Filipina.



Jadi memang dalam sektor perladangan, syarikat-syarikat perladangan juga memberikan perkhidmatan CSR atau tanggungjawab sosial ini bukan sahaja kepada warganegara Malaysia atau pekerja Malaysia namun mereka juga menjalankan tanggungjawab yang sama dan memberi keistimewaan yang sama kepada pekerja-pekerja warga asing. Jika kita lihat sebagai satu contoh di mana Asiatic Development Berhad di Sabah mereka membina dan menjalankan iaitu perkhidmatan sekolah iaitu terdapat lapan buah sekolah dipanggil Humana iaitu sekolah Indonesia di Sabah.

Jadi ini adalah hasil usaha daripada syarikat-syarikat perladangan kepada warga asing. Di samping itu mereka juga warganegara asing memang mereka mendapat pendapatan yang lebih tinggi daripada pendapatan warganegara Malaysia sebenarnya. Di mana kalau kita lihat ini adalah kerana mereka menjalankan kerja lebih daripada masa pekerja warganegara Malaysia di mana purata pendapatan mereka adalah menjangkau lebih kurang RM1,800 sebulan, ini bagi kelapa sawit.

■1030

Bagi getah pula, mereka boleh dapat lebih dari RM1,200. Ini warga negara asing. Soalan kedua ialah berkaitan dengan apakah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah jawab.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Sudah jawab ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tentang pendapatan purata pekerja-pekerja lain.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Okey, [Ketawa] Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak.

**3. Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha-usaha dari segi latihan khusus yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan di dalam meningkatkan mutu perkhidmatan penjawat-penjawat awam terutamanya di kalangan mereka yang berhubung terus dengan pelanggan agar menjadi lebih pro-aktif dengan kehendak pelanggan memandangkan mereka ini bukan sahaja mewakili kerajaan malah turut melambangkan imej negara.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan T. Murugiah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk memastikan penjawat awam memberi layanan yang cekap dan berkesan apabila berurusan dengan orang ramai dan sektor swasta.

Pelbagai arahan dan panduan telah dikeluarkan sebagai langkah memudahkan pelanggan berurusan dan mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan agensi kerajaan. Salah satu langkah yang diambil oleh kerajaan adalah melalui Pengeluaran Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) bil. 1, tahun 2005 yang memberi garis panduan untuk mewujudkan Pejabat Perkhidmatan Pelanggan (PPP). Ini bukan parti PPP ya.

Sebagai usaha memenuhi harapan pelanggan yang semakin meningkat untuk mendapatkan perkhidmatan yang lebih cepat, cekap dan mesra. Usaha ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam di agensi awam dapat menguruskan perkara-perkara seperti:

- (i) mengendalikan panggilan telefon secara berhemah apabila pelanggan menggunakan saluran telefon untuk mendapatkan maklumat atau perkhidmatan;
- (ii) melayani pelanggan yang berurusan untuk sesuatu perkhidmatan dengan cekap, cepat dan responsif;
- (iii) memberi khidmat nasihat dengan tepat apabila menjawab sebarang pertanyaan;
- (iv) memantau kepuasan hati pelanggan dengan memperoleh maklum balas pelanggan atau feed back pelanggan dengan izin; dan
- (v) sentiasa menilai tahap pencapaian standard perkhidmatan ke arah penambahbaikan berterusan atau dengan izin continuous improvement.

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam ini turut memberi panduan kepada agensi kerajaan tentang perwatakan dan penampilan petugas kaunter serta program latihan yang diperlukan bagi petugas barisan hadapan dalam bersemuka dengan pelanggan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) adalah antara agensi latihan utama yang telah menjalankan Program Latihan Perkhidmatan Pelanggan secara berjadual untuk petugas barisan hadapan agensi kerajaan. Kursus intensif petugas barisan hadapan kerajaan yang dijalankan itu bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- (i) melatih petugas barisan hadapan agar bertindak secara lebih profesional, cekap dan berbudi bahasa;
- (ii) melatih petugas barisan hadapan tentang teknik mengendalikan pelanggan secara bersopan, berhemah, dan berperikemanusiaan; dan
- (iii) melatih petugas barisan hadapan tentang teknik mengawal perasaan ketika mengendalikan kerenah pelanggan.

Setakat ini, sejumlah 35 siri Kursus Perkhidmatan Pelanggan melibatkan 1,240 penjawat awam telah dijalankan oleh INTAN bagi tempoh bermula dari tahun 2005 dan 2007. Antara program latihan yang dijalankan ialah:

- (i) empat siri Kursus Perkhidmatan Pelanggan Berbudi Bahasa untuk kumpulan sokongan yang melibatkan 710 petugas barisan hadapan;
- (ii) dua Kursus Pegawai Khidmat Pelanggan yang melibatkan 357 petugas barisan hadapan;
- (iii) dua kursus petugas barisan hadapan yang melibatkan 154 petugas barisan hadapan; dan

- (iv) satu Kursus Perkhidmatan Pelanggan Budi Bahasa untuk menyelia yang melibatkan 19 peserta dari kalangan penyelia petugas barisan hadapan.

Selain program latihan INTAN, kementerian dan jabatan kerajaan seperti Jabatan Pendaftaran Negara turut mengendalikan program latihan yang dirangka untuk keperluan agensi masing-masing. Sekian.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Kelihatan jawapannya sangat komprehensif. Pertanyaan tambahan saya ialah adakah satu sistem yang berterusan untuk kita memantau pekerja-pekerja ini agar perkhidmatan diberi adalah hanya yang terbaik dan bermodal insan tinggi supaya tafsiran rakyat terhadap kerajaan itu semakin baik. Terima kasih.

**Tuan T. Murugiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menanyakan soalan berkaitan dengan cara bagaimana penjawat awam yang mengendalikan orang awam bekerja di jabatan-jabatan kerajaan. Kita dari masa ke semasa memang membuat pemantauan.

Salah satu caranya adalah pihak MAMPU itu sendiri akan menelefon pejabat-pejabat di semua jabatan kerajaan dan juga kementerian di mana untuk mengenal pasti cara bagaimana mereka menjawab telefon umpamanya.

Kedua, kita juga dari masa ke semasa membuat tinjauan atau pun menyamar sebagai orang awam yang mana ialah daripada MAMPU itu sendiri, menyamar sebagai orang awam dan melihat sendiri bagaimana mereka menjalankan tanggungjawab mereka. Adakah mereka bersopan dengan orang awam. Jika sekiranya ada apa-apa kesilapan yang dilakukan oleh mereka, maka kita akan memanggil mereka, memberi nasihat dan jika sekiranya perkara ini tidak dapat diselesaikan mungkin mereka akan dihadapkan ke bahagian tatatertib dan tindakan disiplin akan diambil pada mereka. Pemantauan berterusan ini akan berjalan berterusan tanpa apa-apa halangan daripada mana-mana pihak. Terima kasih.

**Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya Yang Berhormat. Apakah jenis kursus-kursus komunikasi dan juga perhubungan awam yang bakal dijalankan oleh kementerian Yang Berhormat? Sebelum sesebuah latihan itu dijalankan, adakah pihak kementerian benar-benar menjalankan satu *training analyst need* dengan izin untuk memastikan sesebuah kursus itu benar-benar efektif? Terima kasih.

**Tuan T. Murugiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang menanyakan soalan tadi. Sebenarnya, kebanyakan kursus yang diadakan di bahagian untuk melatih penjawat awam ini yang dijalankan oleh pihak INTAN di mana memang kita membuat kajian sebelum sesuatu kursus itu diperkenalkan. Maka, kita akan buat kajian dan jika

sekiranya kursus-kursus berkaitan ini memang mempunyai kesesuaian cara mereka berkhidmat dan sebagainya, kita memang memperkenalkannya.

Dari segi MAMPU pula, kami memang sebagai organisasi yang ingin memodenkan pentadbiran kerajaan yang sedia ada, maka pada masa ini memang diperkenalkan kursus-kursus telekomunikasi sebagai contoh bagaimana kita hendak berhubung dengan orang yang lain, atau pun orang telefon, bagaimana kita hendak jawab.

Kedua, untuk mewujudkan satu pentadbiran elektronik di mana kursus dari masa ke semasa mereka dihantar menjalani kursus elektronik ini di mana dari segi mengendalikan komputer dan sebagainya. Ini memang ada.

Baru-baru ini, kita juga telah mula memperkenalkan sistem pembayaran bil-bil dan sebagainya melalui sistem telekomunikasi yang dilengkapkan ini.

**4. Puan Siw Chun a/p Eam** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan apakah bentuk program kementerian bagi menangani kemiskinan tegar di kalangan penduduk-penduduk di kawasan luar bandar seluruh negara.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang prihatin terhadap isu kemiskinan tegar. Di bawah kementerian (KKLW) atau pun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Program untuk membantu perang di dalam kategori kemiskinan tegar ini diberi nama Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat atau pun (SPKR) dan ia dikategorikan kepada tiga bidang iaitu:

- (i) untuk peningkatan tahap ekonomi;
- (ii) untuk peningkatan kualiti kehidupan; dan
- (iii) untuk pembangunan modal insan.

■ **1040**

Untuk peningkatan tahap ekonomi, kementerian kita melaksanakan program ini melalui Program Peningkatan Pendapatan yang memberi bantuan pada kadar tidak melebihi RM10,000 seorang bagi menjalankan aktiviti ekonomi secara kecil-kecilan demi meningkatkan pendapatan keluarga dan pemberian Amanah Saham Bumiputera atau ASB Sejahtera yang bernilai sebanyak RM5,000 seorang.

Untuk peningkatan kualiti kehidupan, kementerian ini melaksanakannya melalui bantuan rumah dengan menyediakan tempat kediaman yang lebih selesa dan sempurna serta Program Pembangunan Masyarakat Setempat dengan menyediakan pusat penempatan baru yang lengkap dengan kemudahan asas.

Dalam bidang ketiga iaitu untuk pembangunan modal insan. Kementerian ini menjalankan Program Pembangunan Modal Insan ini melalui Program Latihan Kemahiran dan

Kerjaya ataupun PLKK dengan menawarkan kursus kemahiran dalam pelbagai bidang untuk mendapatkan pekerjaan terutamanya bagi anak-anak miskin tegar.

Program Kecemerlangan Pendidikan ataupun PKP yang bertujuan meningkatkan pencapaian akademik, Program Pembangunan Minda Insan atau PPMI yang dapat menanam minda positif, Program Taska yang menyediakan kemudahan kepada ibu-ibu miskin tegar meletakkan anak-anak mereka untuk diasuh manakala mereka dapat mencari pekerjaan bagi menambah pendapatan keluarga dan Program Tambahan Makanan Seimbang yang membantu pertumbuhan fizikal anak-anak miskin tegar.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang datang menjawab pertanyaan saya.

Pertanyaan tambahan saya, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan menyasarkan untuk mengeluarkan 10,000 keluarga miskin tegar daripada belunggu kemiskinan melalui Program Lonjakan Mega Luar Bandar atau dengan ringkasnya PLMLB yang berkonsepkan agropolitan yang dipantau sepenuhnya oleh satu badan iaitu Badan Bertindak Pelaksanaan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pertanyaannya, sejauh manakah pencapaian pelaksanaan agropolitan selaras dengan hasrat kerajaan menjadikan pertanian sebagai antara industri penting di luar bandar dan berapa kosnya? Adakah menerusi PLMLB yang berkonsepkan agropolitan ini dapat menarik generasi muda untuk kembali ke tempat asal masing-masing apabila wujudnya kegiatan ekonomi di kampung halaman mereka. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun a/p Eam di atas soalan tambahan tadi.

Beberapa kawasan yang telah dikenal pasti untuk pelaksanaan program agropolitan ini ada yang mulai dilaksanakan sekarang seperti di Pulau Bangi di Sabah tetapi ia belum bergerak begitu lancar. Ada juga di Sarawak di kawasan Sadong masih dalam rancangan dan peruntukannya sedang diteliti sekarang oleh kerajaan negeri bersama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini dan ada lagi beberapa kawasan yang lain untuk agropolitan ini yang agak kecil sedikit. Akan tetapi sama ada ia akan berkesan ataupun tidak, setakat ini kita tidak dapat memberi tinjauan kerana ia baru dilaksanakan.

Akan tetapi kita haraplah sekiranya ada kekangan yang kita hadapi kita dapat atasinya terutama sekali yang berkaitan dengan peserta-peserta yang mengambil bahagian. Sebab kebanyakan yang menunjukkan minat ataupun yang ada sekarang di kawasan-kawasan yang disasarkan ini adalah orang yang agak tua-tua sedikit dan orang-orang yang muda ini lebih ramai sudah keluar dari kawasan tersebut. Itu memang akan menjadi cabaran kita.

Jadi setakat itu sajalah dapat saya jawab untuk Program Lonjakan Mega yang dipanggil agropolitan ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan terdapat hasrat kerajaan untuk pembasmian kemiskinan di golongan Orang Asli dan juga di masyarakat Rungus, Suluk, Orang Sungai dan Bidong di Sabah serta Penan, Kenyah, Kajang dan Kedayan di Sarawak. Untuk menaikkan taraf hidup mereka selepas kita mencapai kemerdekaan 50 tahun merdeka masih hidup dalam penderitaan.

Apakah rancangan-rancangan yang disebutkan tadi itu khusus untuk golongan ini. Golongan yang duduk di pedalaman tetapi miskin tegar. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang program-program yang telah saya senaraikan tadi memanglah khas untuk orang-orang ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita yakin pada tahun 2010 kemiskinan tegar di seluruh negara dapat kita basmi. Ini kerana mengikut prestasi yang telah kita capai pada setiap dua, tiga tahun kita dapat setengahkan, *we can half* dengan izin *we can half percentage of* orang yang *hard-core poor* ini. Jadi kita tidak ada keraguan tentang pencapaian ini nanti menjelang tahun 2010.

Sekiranya ada program yang tidak begitu berjaya, kita pantau selalu. Misalnya Program Pembangunan Peningkatan Tahap Ekonomi. Setakat ini kadangkala di sesuatu tempat hanya 50% saja program ini berjaya dan kita sedang kaji terutama sekali melalui program yang ketiga iaitu Pembangunan Modal Insan supaya program yang pertama ini lebih berjaya dan lebih meningkat peratusan yang berjaya. *Confident*, kita yakin dapat dihapuskan pada tahun 2010 nanti kemiskinan tegar ini.

**5. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk membayar pencen bulanan yang minimum berasaskan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan atau PGK dan menubuhkan suatu tabung '*Senior Social Security Fund*' untuk golongan peserta bertepatan dengan manifesto Barisan Nasional yang berpegang kepada tradisi membela rakyat.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]:** Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak bercadang untuk membayar pencen bulanan yang minimum berasaskan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan atau PGK kerana hal-hal berkaitan pencen bulanan adalah di luar bidang kuasa kementerian ini.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyedari akan tanggungjawab kerajaan untuk membantu rakyat khususnya mereka dari golongan yang miskin dan memerlukan bantuan.

Untuk tujuan tersebut, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat atau JKM menyediakan pelbagai skim bantuan bersesuaian yang boleh dipertimbangkan kepada isi rumah yang berpendapatan di bawah RM720 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan mempunyai pendapatan kurang daripada RM720 adalah layak untuk memohon bantuan JKM di bawah Skim Bantuan Orang Tua yang kadarnya RM300 sebulan seorang. Skim Bantuan Orang Tua ataupun BOT ini sebenarnya merupakan satu bentuk dengan izin *Senior Social Security Fund*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir selepas itu Yang Berhormat Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab tadi.

Pertanyaan tambahan saya, kita lihat hari ini warga emas 60 tahun ke atas mendapat bantuan RM300 sebulan kalau pendapatannya bawah daripada RM720. Bagaimana pula dengan seseorang itu dan pencen tetapi pencennya setiap bulan melebihi RM720.

■1050

Akan tetapi kita tengok keadaan sekarang ini iaitu tanggungjawabnya begitu berat, dengan harga barang melambung tinggi, anaknya masih bersekolah, isterinya tidak bekerja, apakah mereka ini juga berhak untuk mendapat bantuan daripada kementerian Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat kerana begitu prihatin akan golongan warga yang telah pencen atau warga emas ataupun saya dengar di kalangan rakan-rakan ada yang menyebut, "Warga ranum".

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya walaupun kementerian di bawah JKM menyalurkan bantuan bulanan yang saya sebutkan tadi sebanyak RM300 sebulan kepada mereka yang mempunyai pendapatan di bawah paras pendapatan RM720 sebulan sahaja, tetapi kerajaan begitu prihatin dengan slogan 'Membela Rakyat', kepada kumpulan tersebut Yang Berhormat, JKM turut mengambil kira mereka sebagai golongan yang berkeperluan dan JKM dalam laporan ataupun dalam proses permohonan tersebut akan mengambil kira bilangan anak-anak dan tanggungan, keadaan rumah kediaman, umur pemohon dan mereka yang menjadi ketua keluarga, kecacatan ataupun keuzuran ketua keluarga yang disebabkan oleh penyakit dan lain-lain. Maknanya Yang Berhormat kerajaan tidak begitu rigid ataupun tidak begitu ketat mesti mematuhi garis pendapatan di bawah RM720 sebulan sahaja. Kalau lebih pun Yang Berhormat boleh, kerana trend hari ini Yang Berhormat adalah lelaki berusia ini mengahwini wanita muda.

Dan bila dia sudah pencen dia masih ada tanggungan yang begitu ramai Yang Berhormat. Terima kasih.

**Puan Nordiana binti Datuk Shafie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah, adakah kerajaan mengadakan kajian terhadap tanggungjawab atau sikap anak-anak terhadap warga tua atau ibu bapa mereka yang sudah tua? Dan adakah apa-apa tindakan yang boleh dikenakan terhadap anak-anak yang mengabaikan orang tua mereka? Terima kasih.

**Puan Noriah binti Kasnon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebenarnya LPPKN Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua melalui LPPKN pada tahun 2004 telah mengadakan satu kajian terhadap cabaran menghadapi ataupun menangani masalah warga emas, iaitu kepada kumpulan 60 tahun ke atas. Dan antara dapatan ataupun *finding*, dengan izin yang kita perolehi daripada kajian penduduk dan keluarga Malaysia tersebut Yang Berhormat adalah seperti kurang daripada 10% warga emas tinggal bersendirian, 26.6% ini tidak pernah menerima bantuan kewangan daripada anak-anak manakala 50% lagi warga emas kesunyian dan mereka sanggup dihantar ke pusat-pusat jagaan jika tiada anak yang sanggup menjaga mereka.

Setakat ini Yang Berhormat kita tidak ada mengambil sebarang langkah penguatkuasaan ataupun hukuman ke atas mereka yang mengabaikan, tetapi kalau termasuk di bawah jenayah dera kita ada undang-undang yang boleh dikuatkuasakan ke atas jenayah di bawah kanun keseksaan. Dan antara langkah oleh pihak kementerian yang telah diambil ataupun pendekatan yang kita ambil untuk menangani masalah pengabaian ini, adalah memberi kesedaran kepada anak-anak melalui program-program LPPKN dan juga kementerian sendiri, seperti menanamkan perasaan tanggungjawab, menghormati dan berbakti semula kepada ibu bapa, dan ini adalah selari dengan usaha kita untuk menanamkan nilai-nilai murni dan sebagai adat resam dan budaya kita di negara Malaysia, negara di sebelah timur ini.

Selain daripada itu juga LPPKN mempunyai program-program modul kasih yang bukan sahaja mendedahkan ilmu keibubapaan, tetapi juga pembangunan remaja dan juga pra perkahwinan seperti yang saya sebutkan tadi, untuk menerapkan nilai-nilai murni, menghormati dan tanggungjawab sebagai anak. Dan selain daripada itu juga kita pernah mengadakan satu kempen utamakan keluarga, iaitu 'Semakin Hari Semakin Sayang' bermula daripada tahun 2003 tentang peri pentingnya masyarakat menghayati nilai sesebuah kekeluargaan dan juga hidup berkeluarga, termasuklah ianya menjadi medium utama kementerian untuk menyebarkan mesej ini kepada masyarakat.

Dan selain daripada itu juga, sekiranya bantuan kewangan tidak diperlukan tetapi yang lebih penting daripada dapatan tadi adalah mereka kesunyian dan rasa terpinggir daripada keluarga. Jadi kita ada menyediakan rumah-rumah ataupun institusi orang tua Tuan Yang di-



Pertua seperti kita ada sembilan buah rumah Seri Kenangan di seluruh negara dan juga dua buah Rumah Ehsan ini untuk mereka yang *bedridden*, dengan izin yang sudah terlantar uzur dan tidak mampu untuk mengurus diri. Banyak yang dilakukan oleh pihak kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**6. Dato' Wong Siong Hwee** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan pembinaan Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan dan berapakah keseluruhan kos pembinaan projek tersebut.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek pembinaan jalan baru dari Kota Bharu ke Kuala Krai telah ditawarkan secara rundingan terus kepada syarikat pada Maju Bina Sdn. Bhd., dengan harga RM1.8 bilion. Walau bagaimanapun pada masa ini kerajaan telah membatalkan tawaran tersebut dan membuat keputusan untuk menawarkan projek ini dengan tiga kaedah perolehan seperti berikut:

- (i) 50% nilai keseluruhan projek kepada Syarikat Konsortium Logistik Berhad secara rundingan terus;
- (ii) 35% tender secara terbuka di kalangan kontraktor bumiputera secara berpakej;
- (iii) 15% lagi ditender secara terbuka di kalangan kontraktor bumiputera tempatan juga secara berpakej.

Sekian.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab soalan saya tadi. Jadi rakyat Kelantan tidak sabar-sabar menunggu lebuhraya tersebut. Kerajaan sudah lama umum pembinaan lebuhraya tersebut. Jadi saya ingin tahu, bilakah pembinaan projek tersebut akan dimulakan, tahun depan, tiga tahun lagi ataupun tahun 2020? Sudah lama diumumkan ini, jadi apabila siap lebuhraya kelak, adakah kerajaan akan mengenakan tol? Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, sebenarnya kita telah pun membuat kajian, kita tahu jalan dari Kota Bharu ke Kuala Krai *volume* trafiknya, bilangan kenderaan memang perlukan satu jalan dengan dua hala, dua lorong. Unjuran ini kita telah buat dan ia memang perlu dibuat sebelum 2010, bukan 2020. Dan pada masa sekarang kita telah pun menyediakan dokumen-dokumen tender kerana kita telah pun mengambil kaedah yang lain, iaitu kita perlu pakejkan tender dan dokumen ini disediakan. Selain daripada itu kerja-kerja awalan sudah pun dibuat, reka bentuk, kerja ukur dan juga siasatan tanah, pengambilan tanah, semua ini telah pun dibuat. Jadi buat masa sekarang kita ada menyediakan dokumen tender.

Mengenai soalan yang kedua, kerana ini bukan satu projek penswastaan dan satu lebuhraya swasta, jadi tidak terlibat dengan syarikat konsesi, maka ianya tidak akan dikenakan tol. Terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mengapakah berlakunya perubahan kontraktor ini, dan adakah ia melibatkan sebarang kos tambahan akibat daripada pertukaran kontraktor ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai latar belakang yang menukar perubahan dari segi kontraktor, saya tidak ada maklumat.

■ 1100

Yang kita tahu ini adalah kita tanya dari Kementerian Kewangan. Saya tidak ada butiran yang tepatlah. Saya tidak dapat jawab dengan teliti tapi ini telah pun ditukar kepada syarikat logistik yang ianya saya difahamkan ada juga sebahagian dari kontraktor yang dilantik awal sama ada ia ada hubung kait dengan pemaju, Sekian, terima kasih.

7. **Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang Banduan Menunggu Perbicaraan yang berumur di bawah 18 tahun. Berapa ramaikah daripada kalangan ini adalah lelaki atau wanita. Adakah mereka ini ditempatkan di penjara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]:** Dengan hormatnya Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed yang mengemukakan pertanyaan. Memang benar seperti yang dinyatakan di dalam pertanyaan Yang Berhormat bahawa terdapat dua kategori banduan iaitu yang sedang ditahan reman sementara menunggu perbicaraan. Kedua yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah bicara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, perangkaan Jabatan Penjara Malaysia pada 1 Julai 2008 menunjukkan bahawa seramai 127 banduan yang di bawah umur 18 tahun atau juvana yang ditahan di penjara.

Daripada jumlah tersebut 93 juvana berkenaan sedang direman. Manakala baki 34 daripadanya adalah banduan yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah bicara atas pelbagai kesalahan. Bagi menjawab soalan seterusnya Tuan Yang di-Pertua daripada 93 juvana yang ditahan itu 80 daripadanya adalah lelaki, 13 daripadanya adalah perempuan. Adapun daripada 34 juvana yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah bicara 24 daripadanya adalah lelaki dan 10 daripadanya adalah perempuan. Pada masa sekarang mereka ditempatkan di 16 buah penjara di seluruh negara, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dato' Hajah Saripah Aminah selepas ini Datuk Wira Syed Ali.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, dalam kes juvana khidmat kaunseling meningkatkan keyakinan diri. Pengisian rohani menambah keterampilan dan sebagainya juga tidak boleh disampingkan kerana hukuman dan pemulihan harus seiring. Di Singapura para pesalah muda yang ditangkap melakukan kesalahan ringan seperti mencuri buat kali pertama perlu menjalani satu program bimbingan selama enam bulan yang bertujuan memulihkan dan membantu mereka untuk kembali ke pangkal jalan.

Oleh yang demikian apakah strategi pihak kementerian di mana lebih banyak perhatian dapat ditumpukan kepada *non punitive approach* dengan izin, iaitu dengan tidak menghukumkan tetapi mendidik dan memberi peluang kepada pesalah-pesalah muda agar mereka kembali ke pangkal jalan. Terima kasih.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua. terima kasih atas soalan yang dikemukakan secara soalan tambahan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, pendekatan Jabatan Penjara bukan sahaja merupakan hukuman tetapi juga merupakan pemulihan. Sebab itu Jabatan Penjara mempunyai program pemulihan banduan juvana seperti juga negara-negara maju yang lain. Dalam program pemulihan banduan juvana ini Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai tiga fasa iaitu fasa pertama orientasi pembinaan disiplin dalam tempoh tiga bulan. Fasa kedua, pengukuhan sahsiah tempoh enam bulan sehingga setahun dan fasa ketiga adalah fasa pra-bebas kemasyarakatan.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa proses penghukuman hendaklah berjalan seiring dengan proses pemulihan. Sebab itu kita mempunyai pelbagai kemudahan di dalam penjara termasuk jugalah apa yang kita namakan sebagai sekolah integrasi yang terdapat di enam buah penjara di seluruh negara. Untuk makluman Dewan yang mulia, dalam tempoh tahun 2004 hingga 2007, contoh dalam bidang akademik terdapat 16 orang pelajar yang menduduki peperiksaan PMR, daripada 16 orang pelajar itu 10 daripadanya lulus dengan baik. Dan mengambil kira bahawa ada di antara juvana ini yang memasuki penjara tanpa boleh membaca walau satu perkataan pun, tidak dapat membezakan antara 'A' dan 'B'. Mengambil kira faktor tersebut, kejayaan banduan juvana dalam peperiksaan akademik termasuk ada yang hari ini mempelajari peringkat diploma dalam bentuk *e-Learning*. Merupakan kejayaan proses pemulihan yang dijalankan oleh Jabatan Penjara Malaysia, terima kasih.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab soalan ini. Soalan tambahan saya, kita sedia maklum bahawa kes-kes juvana ini adalah kepada kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah. Soalan saya adakah kerajaan akan menimbangkan untuk mengambil tindakan terhadap ibu bapa yang mana anak-anak 18 tahun ke bawah yang melakukan kesalahan. Terima kasih.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali tadi. Setakat ini kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menjatuhkan hukuman kepada ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu. Seperti yang kita sedia maklum bahawa mereka yang melakukan kesalahan jenayah itu iaitu banduan juvana ini adalah terdiri daripada mereka yang datang daripada *broken family* iaitu keluarga yang terpisah dan yang menghadapi masalah keluarga. Itu di antara faktor yang mendorong mereka melakukan jenayah tersebut. Setakat ini kerajaan memberikan penumpuan kepada pemulihan banduan itu, bukan untuk menghukum ibu bapa yang berkeñaan. Terima kasih

**8. Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak semula harga rumah kos rendah memandangkan kos pembinaan seperti simen telah meningkat sebanyak 30% manakala kos besi (steel bars) telah meningkat sebanyak 80% dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan golongan berpendapatan rendah masih mampu memiliki rumah-rumah ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini secara serentak bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman bertarikh 24 Julai 2008. Memandangkan ia menyentuh perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, KPKT sedia maklum akan kenaikan harga barangan dan kos bahan binaan yang secara langsung akan menyebabkan kos pembinaan rumah meningkat. KPKT buat masa ini sedang membuat kajian mengenai kesan kenaikan harga barangan pembinaan ke atas kos pembinaan rumah. Walau bagaimanapun belum lagi bercadang untuk mengubah harga jualan rumah kos rendah. KPKT akan memastikan bahawa kajian penetapan harga rumah kos rendah bukan sahaja akan memberi keutamaan kepada kemampuan golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah yang selesa malah juga menjamin pertumbuhan industri perumahan negara secara keseluruhannya. Terima kasih

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah datang untuk menjawab soalan. Soalan saya yang pertama ialah apakah kerajaan bercadang untuk mengehadkan kadar bunga pinjaman 4%

kepada pembeli-pembeli rumah PPR dan PRT semoga ia dapat menolong meringankan bebanan kepada mereka-mereka sebab memandangkan harga barang telah naik. Keduanya soalan tambahan saya adakah pihak kerajaan bercadang mengawal harga-harga rumah selain daripada rumah kos rendah memandangkan harga rumah, contohnya rumah tengah dua tingkat teres telah dijual dengan harga RM500 hingga RM600 ribu. Ini agak takut jadi satu bebanan kepada golongan pertengahan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** 4% Yang Berhormat katakan pada pertanyaan awal tadi adalah khusus untuk kakitangan perkhidmatan awam atau apa?

**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad:** Rumah-rumah PRT dan PPR. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Azizah Samad. Tentang kadar pinjaman 4% ini sebenarnya adalah merupakan suatu kadar yang belum lagi dibuat kajian kerana harga kadar peratusan pinjaman ini akan sentiasa berubah daripada semasa ke semasa.

■1110

Walau bagaimanapun, atas cadangan Yang Berhormat, saya akan mengambil kira dan kerajaan akan mengkaji tentang kadar ini jika mampu dilihat sebagai satu polisi yang baik.

Kepada soalan yang nombor dua iaitu untuk mengawal harga perumahan yang ada pada hari ini, saya ingin memberitahu bahawa industri perumahan adalah satu-satunya industri yang boleh dijadikan jentera pertumbuhan ekonomi dalam negara kita. Maka sebab itu, industri ini adalah satu-satunya industri yang mampu untuk menjana pertumbuhan dalam banyak sektor pembuatan yang ada dalam negara kita iaitu sektor pembuatan bahan binaan seperti simen, besi, *plumbing system*, pintu dan banyak lagi bahan-bahan binaan yang boleh menjadikan satu-satunya jentera pertumbuhan ekonomi yang ada dalam negara ini.

Sebab itu, harga yang diminta oleh Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Azizah tadi, kita tidak boleh mengawalinya kerana harga adalah mengikut pasaran. Ini kerana kalau kita mengawal harga ini bermakna kita juga mengawal semua sektor-sektor yang lain yang terlibat dalam industri perumahan keseluruhannya. Sebab itu harga pasaran bagi rumah-rumah yang lain, kecuali rumah kos rendah tidak dikawal kerana ia adalah mengikut harga pasaran yang ada dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah dengan kenaikan harga barang dan harga rumah kos rendah masih di tahap yang sama, maka impaknya adalah ke atas rumah-rumah kos sederhana. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan golongan berpendapatan sederhana dan tinggi mampu membeli rumah-rumah kos sederhana dan ke atas.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Omar. Saya hendak memberitahu bahawa industri perumahan di bawah Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan ini adalah satu-satunya industri di mana kerajaan hanya memberi peluang untuk membantu mereka-mereka yang susah di dalam golongan pendapatan rendah. Sebab itu kita mengawal harga jualan rumah kos rendah.

Manakala, bagi rumah-rumah yang bukan dalam golongan rumah kos rendah, seperti yang saya jawab tadi, ia adalah merupakan satu-satunya rumah mengikut harga pasaran. Jadi, kalau pun mereka dari golongan-golongan berpendapatan menengah itu merasakan mereka itu mampu membeli rumah-rumah yang dibina oleh semua pemaju-pemaju yang ada dalam negara ini, maka dia tidak menimbulkan apa-apa masalah. Sasaran kerajaan yang kita buat adalah untuk mereka di dalam peringkat golongan daripada berpendapatan rendah, di mana gajinya, pendapatan mereka adalah RM2,500 sebulan ke bawah.

Kepada mereka yang lebih daripada itu, mereka boleh memilih daripada semua rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju yang ada dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

**9. Tuan Maijol bin Mahap** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada kerajaan akan membantu pengusaha-pengusaha yang memohon pinjaman di bawah Skim Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil dan Sederhana (IKS) untuk mengenal pasti jenis perusahaan yang mereka ingin ceburi dan apakah faktor-faktor yang selalunya menyebabkan kegagalan pengusaha-pengusaha IKS.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Maijol Mahap. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun dikenali sebagai MITI iaitu *Ministry of International Trade and Industry* dengan izin, melalui Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) menyediakan skim pinjaman mudah bagi *enterprise* kecil dan sederhana yang bertujuan untuk membantu syarikat-syarikat yang sedia ada dan baru dalam pembiayaan projek aset tetap dan modal kerja.

Skim ini dilaksanakan oleh Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad iaitu MIDF. Skim ini ditawarkan kepada *enterprise* kecil dan sederhana (IKS) yang terlibat dalam sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan berkaitan dengan perkilangan dan perkhidmatan tidak termasuk insurans dan perkhidmatan kewangan. Keputusan mengenai jenis perusahaan yang ingin diceburi adalah pilihan usahawan itu sendiri.

Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa sedia membantu bakal-bakal pengusaha untuk mengenal pasti bidang-bidang yang berpotensi untuk diceburi. Bakal-bakal pengusaha boleh datang ke pejabat SMIDEC berhampiran untuk mendapatkan khidmat nasihat berkaitan. Di antara faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan pengusaha-pengusaha IKS kurang berjaya adalah seperti berikut:-

- (i) kurangnya pengalaman, pendedahan serta kecekapan menguruskan perniagaan terutamanya melibatkan syarikat-syarikat yang baru beroperasi;

- (ii) persaingan sengit akibat daripada terlalu ramai bersaing dalam sesebuah industri;
- (iii) persaingan juga datang daripada negara-negara jiran seperti Indonesia, Thailand, Myanmar dan Vietnam di mana kos operasi yang lebih rendah di negara-negara tersebut membolehkan IKS mereka menawarkan produk yang sama pada harga yang lebih kompetitif;
- (iv) terlalu bergantung kepada sesuatu pelanggan ataupun pasaran serta kurangnya inisiatif untuk meneroka pemasaran eksport; dan
- (v) masalah kualiti produk yang rendah menyebabkan IKS tidak dapat bertahan lama.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Industri Kecil dan Sederhana iaitu IKS memberi sumbangan yang tinggi kepada ekonomi negara kita. Malahan, 99.2% daripada aktiviti ekonomi negara ini disumbangkan oleh IKS.

Baru-baru ini, pada bulan yang lalu, kementerian telah pun mengumumkan, memberikan pinjaman dan juga geran sebanyak RM800 juta untuk pengusaha-pengusaha IKS ini. Soalan saya ialah apakah usaha kerajaan untuk mempromosikan atau menghebahkan skim ini dan apakah kriteria-kriteria yang digunakan oleh kerajaan dalam pemberian kemudahan skim ini. Yang pentingnya ialah supaya semua golongan masyarakat boleh mendapat mengetahui dan menikmati kemudahan yang diberikan oleh kerajaan ini. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum, kerajaan telah pun mengumumkan peruntukan khas ini pada bulan Jun lalu melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Ini telah pun dimaklumkan secara umum dan telah pun disiarkan melalui akhbar, media dan juga media elektronik. Kementerian iaitu MITI memang akan terus mengadakan taklimat ataupun program-program dan juga *road show* untuk menyalurkan maklumat mengenai peruntukan khas RM800 juta ini kepada usahawan-usahawan IKS.

Kementerian juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Negara ini dapat memberitahu kepada usahawan-usahawan di kawasan-kawasan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pada setakat ini Tuan Yang di-Pertua, peruntukan RM800 juta ini masih lagi *parking* di Kementerian Kewangan dan belum lagi disalurkan kepada MITI.

■1120

Pada masa ini kerajaan tidak ada memperuntukkan jumlah peruntukan khas ini kepada mana-mana kumpulan mengikut negeri ataupun etnik. Permohonan ini adalah secara *on the first come first serve basis* dan dasarnya ialah mana-mana IKS yang telah pun mematuhi syarat-

syarat dan yang mendapatkan *qualification*, kelulusan akan dapat memohon pinjaman yang telah pun disalurkan oleh kerajaan melalui peruntukan khas RM800 juta ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Armani, kerana Puan Hajah Sharifah Azizah ada soalan selepas pada ini.

**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehingga kini lebih 500,000 syarikat perusahaan kecil dan sederhana (IKS) telah ditubuhkan dan menyediakan 6.5 juta peluang pekerjaan. Soalan tambahan saya, berapa peratuskah peluang pekerjaan yang disediakan IKS dalam sektor pembuatan dan bagaimanakah kerajaan menggerakkan pembangunan IKS ini ke satu bidang yang lebih luas yang mencakupi semua perkara. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pada setakat ini Tuan Yang di-Pertua saya tidak ada maklumat mengenai statistik yang dipohon oleh Yang Berhormat Senator tetapi sehingga Mac tahun ini bilangan syarikat IKS yang telah pun terdapat di wilayah ekonomi yang telah mendapat bantuan kewangan ialah berjumlah 2,757 di NCER dan juga di Economy Iskandar Development Region. SMIDEC telah pun menyediakan program-program peningkatan kemahiran yang dilaksanakan oleh pusat-pusat pembangunan kemahiran yang berdaftar dengan SMIDEC di setiap negeri termasuk di wilayah-wilayah ekonomi yang dibangunkan.

Statistik yang dipohon oleh Yang Berhormat Senator akan saya bekalkan secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya tak sedar kedua-dua Yang Berhormat yang bertanyakan pertanyaan tambahan itu adalah daripada Sabah yang menanyakan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga daripada Sabah. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

**10. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pihak kementerian menyediakan garis panduan bagi pengusaha NGV yang semakin mendapat sambutan bagi memastikan pengguna tidak teraniaya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain kerajaan telah pun menetapkan garis panduan dan peraturan pemasangan NGV agar pemasangan peralatan tersebut mematuhi piawaian antarabangsa dan selamat digunakan.

Tujuan peraturan ini adalah bagi memastikan pengusaha-pengusaha NGV hanya memasang sistem peralatan yang tulen supaya pengguna tidak teraniaya. Bagi pemasangan sistem NGV pengusaha bengkel NGV perlu mendaftarkan dengan pihak JPJ terlebih dahulu. Untuk peralatan kit aksesori NGV pengusaha perlu mendapatkan kelulusan daripada SIRIM Berhad sebelum sistem itu dapat dipasang dalam badan kenderaan. Manakala untuk tangki gas



asli pengusaha pula perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP).

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, semua pengusaha bengkel NGV adalah diwajibkan mempunyai sekurang-kurangnya seorang *level 2 satisfied installer* yang mempunyai kelayakan sijil kemahiran Malaysia dalam bidang gas asli kenderaan daripada Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK). Peraturan ini bertujuan bagi memastikan hanya bengkel-bengkel yang layak sahaja yang dibenarkan untuk memasang NGV bagi mengelakkan daripada sebarang penipuan terhadap pengguna.

Seterusnya bagi penetapan piawaian Jabatan Standard Malaysia dalam menetapkan piawaian yang dikenali sebagai MS1096 1997 dengan izin *Code Practice Of The Use Of The CNG Fill And International Commission Engine*. Piawaian ini menerangkan cara-cara pemasangan sistem CNG dengan betul dan selamat. Jika pemasangan ini tidak mematuhi peraturan ataupun *spec* ini merupakan satu kesalahan yang tidak selamat digunakan. Terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah dengan penggunaan NGV ini dapat membantu kerajaan mengurangkan subsidi petroleum atau sebaliknya. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya NGV ini adalah sungguh murah. Ia hanya 68 sen seliter dan jika sekiranya tangki itu di *install* atau dipasang 50 liter kosnya hanya RM34 sahaja berbanding dengan harga minyak 50 liter ialah RM135. Memang murah. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pemasangan NGV ini adalah salah satu daripada usaha kerajaan untuk menjimatkan kos serta beban yang dihadapi oleh rakyat adakah kerajaan bersedia dan bercadang untuk memberikan subsidi khususnya dalam usaha pemasangan enjin baru. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan belum berhasrat untuk mengadakan subsidi. Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan kepada Dewan yang mulia ini dan juga untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat masa kini kita sudah mempunyai 81 stesen iaitu milik Petronas di seluruh negara dan kita mempunyai 58 bengkel di seluruh negara kecuali Pahang, Terengganu, Perak dan Perlis tetapi ini pun kerajaan ataupun pihak Petronas juga akan berusaha untuk memasang bengkel di negeri-negeri tersebut. Akan tetapi masa kini untuk makluman Yang Berhormat kerana harganya murah tetapi untuk memasang ataupun membina bengkel ini memerlukan perbelanjaan RM1.5 juta seperti yang telah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini pada minggu lepas.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Stesen yang membekalkan NGV itu memang amat berkurangan khususnya di bandar Johor Bahru dan kini kita nampak bahawa teksi-teksi yang menggunakan NGV itu terpaksa berbaris panjang untuk mengisi NGV.

Saya difahamkan bahawa masalah teknik dan kos untuk menambah stesen yang membekalkan NGV juga tinggi. Jadi memandangkan bahawa harga minyak sudah naik dijangka bahawa lebih banyak kereta akan menggunakan enjin NGV apakah rancangan kerajaan untuk pastikan masalah ini diringankan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Lajim Ukin:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat sebentar tadi bahawa memang kerajaan apabila kita membuat percubaan ini walaupun sudah bermula lebih daripada lima tahun yang lalu tapi pada waktu harga minyak murah tidak ada orang yang berminat untuk memasang NGV. Hanyalah pada masa kini harga minyak telah pun melambung tinggi maka banyaklah pemilik-pemilik kenderaan yang ingin memasang NGV tetapi oleh kerana dalam keadaan di mana kenderaan di negara kita ini terlalu banyak kita ada 18 juta kenderaan. Jadi 81 stesen ini memang tidak mampu sekiranya kalau 18 juta ini juga menukar kepada enjin NGV memang tidak ada kemampuan pihak Petronas untuk memberikan perkhidmatan.

Namun demikian setelah kajian dibuat oleh pihak kerajaan bersama dengan Petronas kalau ini permintaan yang sungguh-sungguh daripada pemilik-pemilik kenderaan saya percaya bahawa kerajaan akan memperhebatkan atau memperbanyakkan lagi stesen-stesen untuk mengisi minyak termasuklah juga bengkel-bengkel yang ada sekarang ini perlu ditambah.

**11. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan kenapakah DBKL tidak merobohkan rumah-rumah usang sekitar bandar raya terutama di tepi jalan utama yang terbiar dan yang merosakkan keindahan ibu kota serta pemandangan pelancong asing. Jika saman tidak diambil endah oleh pemiliknya, kenapa DBKL tidak mengambil tindakan untuk meroboh.

■ 1130

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap keindahan ibu kota serta pemandangan pelancongan ibu kota. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan akan menggunakan tindakan merobohkan mana-mana bangunan di Wilayah Persekutuan sebagai satu langkah yang terakhir.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebagai langkah yang prihatin kita memberi peluang kepada pemilik-pemilik bangunan di Wilayah Persekutuan untuk membaik pulih dan mengemaskinikan status yang sedia ada. Kadang-kadang masalah ini timbul bukan sahaja sebab pemilik tidak prihatin, ada juga beberapa masalah kita ambil kira di mana masalah ini timbul apabila status pemilikan bangunan dalam pembicaraan kes di mana rakan kongsi membawa masalah ini ke mahkamah untuk menentukan siapakah pemilik bangunan ini. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini bangunan-bangunan yang didapati terbiar dalam keadaan usang, pemilik akan diberikan notis supaya mengambil tindakan untuk membaik pulih atau merobohkan bangunan tersebut. Namun demikian, Jabatan

Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih tidak mengambil tindakan merobohkan bangunan-bangunan yang terbiar atau usang tersebut atas sebab-sebab berikut:

- (i) sebelum tindakan merobohkan dapat dijalankan, pengesahan daripada jurutera bertauliah perlu dikemukakan untuk dibuktikan bahawa bangunan berkenaan memang dalam keadaan berbahaya dan tidak dapat dibaik pulih
- (ii) arahan mahkamah yang perlu diperoleh sebelum tindakan roboh telah dijalankan.

Tindakan merobohkan bukanlah tindakan yang boleh diambil sewenang-wenangnya. Prosedur harus diikuti supaya masalah tidak berbangkit selepas tindakan tersebut diambil. Namun demikian sehingga hari ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur atau Jabatan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan notis untuk baik pulih sebanyak 991 notis dan telah dapat membaik pulih bangunan sebanyak 867. Sehingga hari ini kita telah mengeluarkan pengeluaran notis sebanyak 20 untuk tindakan merobohkan dan masih dalam perbicaraan di mahkamah. Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kenapakah DBKL tidak membersihkan rumah-rumah setinggan yang dirobohkan setelah mereka berpindah ke rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR). Membiarkan sisa-sisa perobohan ini bersepah-sepah hampir setahun dan menimbulkan keadaan yang tidak selesa di persekitarannya. Bilakah agaknya *target* setinggan sifar atau semua penghuni setinggan ini berpindah rumah PPR? Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya setiap kali kita mengosongkan kawasan setinggan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memastikan kawasan-kawasan tersebut dibersihkan. Sekiranya ada mana-mana kawasan setinggan yang belum dibersihkan, saya mohon Yang Berhormat mengemukakan panjangan dan saya akan pastikan Dewan Bandaraya akan mengambil tindakan dengan segera. Yang kedua mengenai status sifar setinggan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan berhasrat untuk memastikan kita berjaya untuk memastikan Kuala Lumpur menjadi sifar setinggan *by end of this year* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**12. Puan GK Loga Chitra** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan bilangan pekerja profesional yang berkhidmat di *Multimedia Super Corridor* dan negara asal mereka setakat 2007.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ramai tidak mahu ikut saya, kita kata pertanyaan dia masih lagi sebut soalan.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Setakat ini kita mempunyai seramai 48, 161 orang pekerja profesional daripada keseluruhan 63, 000 yang berkhidmat di MSC Malaysia. Dari jumlah tersebut 10% daripadanya adalah pekerja asing. Kebanyakan daripada mereka ini datang daripada negara-negara seperti India, Filipina, Indonesia, China, Thailand, UK, Australia, USA, Jepun dan Singapura. Kalau kita bandingkan dengan 11 tahun dahulu, lebih kurang pekerja profesional asing ialah 40%, sekarang hanya tinggal 10%. Terima kasih.

**Puan GK Loga Chitra:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, apakah usaha kerajaan untuk melatih tenaga profesional tempatan menggantikan warga asing di MSC dan apakah kerjasama di antara institut latihan tempatan dengan industri berintensif pengetahuan untuk meningkatkan tenaga profesional tempatan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sebenarnya cara latihan kita ialah kita bekerjasama dengan institut pengajian tinggi sama ada awam ataupun swasta. Untuk makluman pada 2007, tahun lepas sahaja seramai 37,445 graduan ICT telah dihasilkan. Sekarang ini ialah untuk kita mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Sebab itu tumpuan MSC Malaysia ialah untuk kita bukan sahaja melahirkan industri tempatan dan bidang ICT sebagaimana yang kita lakukan melalui WCIT atau *World Congress on IT* untuk mempelawa syarikat multinasional datang dan juga mewujudkan peluang-peluang *business* supaya peluang pekerjaan dapat diwujudkan dengan lebih luas lagi. Sasaran kita ialah setakat ini peluang pekerjaan di MSC Malaysia 63,000. Setakat ini baru diisi 48,000 dan tahun lepas kita mengeluarkan 37,000 tenaga mahir dalam bidang ICT. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah, apakah pecahan jenis kepakaran yang dimiliki oleh profesional yang masih ada di negara kita ini dan setakat ini apakah kejayaan yang di *transfer* yang telah diperolehi oleh kerajaan khususnya melibatkan *Multimedia Super Corridor* daripada kedatangan profesional asing ke negara kita. Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman semua, setakat ini bidang kepakaran yang kita ambil daripada luar ialah:

- (i) dalam bidang penggunaan perisian, penggunaan web;
- (ii) multimedia ataupun animasi dan grafik;
- (iii) gabungan aplikasi;
- (iv) pengatur cara (*programmer*);
- (v) sistem keselamatan ICT;
- (vi) pembangunan sistem maklumat ataupun *information system development*;

- (vii) penganalisis sistem IT ataupun IT System Analysis; dan
- (viii) pengendali sistem dan jaringan *network and system*, pemasaran dan juga pengurusan yang tertinggi.

Itu adalah kalangan profesional yang datang dari luar. Dalam konteks kita sendiri yang kita beri tumpuan banyak sebenarnya dan banyak sistem yang kita telah lahirkan dengan *transfer of technology* terutamanya dalam konteks e-Perolehan, *e-Government*. Kita adalah ke hadapan dan begitu juga alam konteks cip kad pengenalan yang mana sekarang ini kita eksportkan kepada luar negara dan juga *airport management system*. Saya boleh berikan senarai. Begitu banyak Tuan Yang di-Pertua mungkin hendak disenaraikan satu persatu, mungkin mengambil masa. Kalau Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz mahu saya boleh bekalkan secara bertulis secara keseluruhan senarai tersebut dan mana-mana Ahli Yang Berhormat berminat juga, boleh maklumkan kepada saya. Saya akan bekalkan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cara dan *style* Yang Berhormat jawab itu betul-betul macam timbalan menteri yang menguasai subjek. [*Tepuk*]

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**13. Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Perdana Menteri menyatakan mengenai syarat-syarat yang dikenakan kepada pelajar-pelajar tajaan kerajaan mahupun agensi di bawah naungan kementerian yang belajar di luar negara apabila tamat pengajian mereka di sana hampir kesemuanya memilih untuk menetap dan bekerja di tempat mereka belajar akibatnya negara kita ketandusan tenaga-tenaga profesional khususnya di dalam bidang perubatan dan kejuruteraan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, syarat yang dikenakan kepada setiap pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah untuk berkhidmat kepada kerajaan mengikut tempoh yang telah dipersetujui dalam kontrak yang ditandatangani sebelum pelajar melanjutkan pengajian ke luar negara. Sekiranya mereka tidak pulang melaporkan diri dalam masa tempoh 30 hari dan mendaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, bagi urusan pelantikan perkhidmatan awam atau ingkar serta melanggar sebarang syarat-syarat yang telah ditetapkan, dalam perjanjian tersebut, mereka akan dikenakan tuntutan ganti rugi seperti yang tertera dalam perjanjian. Dalam tempoh dua bulan, tiga notis tuntutan akan dikeluarkan oleh pihak JPA kepada pelajar-pelajar dan penjamin bagi urusan tuntutan ganti rugi tersebut. Sekiranya mereka masih tidak mengendahkan notis tersebut, nama-nama pelajar dan penjamin ini akan dipanjangkan ke Jabatan Peguam Negara untuk tindakan undang-undang. Terima kasih.

■ 1140

**Dato' Abdul Haji Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Wan Nordin bin Che Murat:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bangun ke tidak bangun?

**Dato' Wan Nordin bin Che Murat:** [*Mengangguk kepala*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi Dato' Rashid dulu, kemudian Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Haji Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah faktor-faktor yang telah diguna pakai ketika mengubah baru-baru ini biasiswa JPA daripada 90% kepada 45% untuk pelajar-pelajar bukan bumiputera. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini akan dijawab oleh rakan sejawat saya sebentar lagi apabila dia buat gulungan, jawapan yang lebih padat dan jitu. Oleh sebab soalan ini pun agak lari daripada saya punya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Wan Nordin.

**Dato' Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya adalah, selain daripada tindakan undang-undang yang tidak mengikuti kontrak yang diambil oleh kerajaan. Adakah usaha-usaha lain umpamanya dalam bidang sektor perubatan bagi memujuk mereka ini pulang berkhidmat di negara kita?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan ini telah banyak kali dijawab di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Betul Yang Berhormat.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Jadi setakat hari ini untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, ada 236 orang pelajar perubatan yang tidak balik. Jadi sebenarnya kita telah buat macam-macam cara, kita pujuk, kita rayu dan sebagainya. Pada ketika dulu kita hanya mengenakan bayaran token, maknanya bayaran sebanyak RM150 ribu. Jadi ada yang bayar, ada yang tidak bayar.

Akan tetapi oleh sebab itu, oleh sebab perbelanjaan yang kita buat setakat ini terlalu besar, *investment* kita iaitu sekarang ini menghantar pelajar perubatan mengambil belanja yang begitu besar iaitu hampir RM1 milion untuk melatih seorang doktor. Oleh sebab itu, kita tidak ada cara lain melainkan kita kena ambil tindakan seperti yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

**14. Dato' Lee Sing Chooi** minta Menteri Kesihatan menyatakan pada tahun 2007 dan 2008, bilangan kes pemeriksaan makanan atau bahan makanan yang telah gagal dari segi kesihatan, senaraikan 10 kategori makanan atau bahan makanan yang gagal dalam pemeriksaan dan nyatakan bilangan kes bagi setiap kategori tersebut.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Oleh sebab *list* nya adalah panjang dan kategori yang ditanya untuk tahun 2007 dan 2008, saya minta izin jawapan ini dijawab secara bertulis dan saya bagi *list* ini kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah timbalan menteri berikan kategori-kategori utama itu, di kategori manakah kita gagal dalam kes-kes pemeriksaan

dan adakah juga pemeriksaan susu yang dibekalkan ke sekolah? Kerana keracunan makanan susu ini sering kita dengar. Apakah tindakan Kementerian Kesihatan yang akan diambil supaya kes-kes ini dapat dikurangkan dan tidak berlaku langsung dengan GMP yang dikawal ketat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkasnya apakah pendekatan dasar dan pelaksanaan, *what is the policy approach to this issue?*

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi.

Saya begitu tertarik dengan keprihatinan Yang Berhormat Senator mengenai hal ini. Sebahagian daripada makanan Yang Berhormat tanya itu, makanan yang berasaskan kepada *dairy* produk adalah sebahagian daripada makanan yang kita dapati terdedah kepada elemen-elemen kemasukan bahan-bahan toksin.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bahawa satu jawatankuasa yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Jawatankuasa bersama ini adalah untuk memastikan segala dengan izin *end to end* daripada awal sehingga ia sampai kepada mereka yang menerima program susu sekolah ini telah kita kaji dan kita sedang memperincikan dan jika tidak ada masalah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingin bertanya, minta maaf saya ganggu sebentar Yang Berhormat. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sama ada beliau hadir untuk juga menjawab pertanyaan nombor 15?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya boleh kata dua dalam satu. Saya hadir sebagai Senator, Ahli Dewan Negara dan juga kalau benda itu dibangkitkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat bersedia untuk menjawab pertanyaan nombor 15?

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Saya bersedia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Sila sambung, saya akan benarkan pertanyaan nombor 15 kerana ia ada kaitan dengan isu yang menjadi persoalan bagi rakyat masa kini.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Untuk memastikan, ia ada dua pengilang sahaja di Malaysia yang bekalkan. Satu di Sabah, satu lagi Dutch Lady. Dutch Lady ini adalah satu syarikat multi nasional. Saya telah pun pergi ke kilang bagi memastikan GMP yang dipunyai oleh Dutch Lady ini memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh kementerian.

Jadi saya pasti jika kita menjalankan setiap *end to end needs* ini dengan izin, kes-kes keracunan makanan ekoran daripada susu yang terdedah kepada elemen-elemen keracunan akan dapat kita kurangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Wan Hazani.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya wakikan Puan Hajah Wan Hazani?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan. Sebab pertanyaan terakhir, saya benarkanlah.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Bagi pihak Wan Hazani, saya kemukakan soalan nombor 15. Terima kasih.

*[Soalan No.15 – Y.B. Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor tidak hadir]*

**15. Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapakah pihak polis tidak memberi apa-apa maklum balas setelah aduan dikemukakan di balai polis untuk kes-kes jenayah yang telah dilaporkan.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]:**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Hazani yang mengemukakan pertanyaan dan kepada Senator Datin Paduka Nor Hayati yang mengemukakan pertanyaan bagi pihak Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia, sebelum ini tidak ada peruntukan untuk mana-mana warganegara mengemukakan pertanyaan kepada polis tentang apakah status laporan polis yang telah dibuat oleh mereka. Akan tetapi pindaan kepada kanun tatacara jenayah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh ulang dengan jelas, ulangi apa Yang Berhormat sebut tadi? Sebelum ini...

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua tidak ada peruntukan undang-undang yang membolehkan seorang warganegara yang membuat laporan polis untuk bertanyakan tentang status laporan polis yang telah dibuat olehnya. Akan tetapi selepas pindaan kepada kanun tatacara jenayah yang berkuat kuasa pada 7 September 2007, tahun lepas, pihak polis dikehendaki memaklumkan status penyiasatan sesuatu laporan polis yang telah dibuat.

Namun begitu peruntukan tersebut tidak memberikan hak secara automatik tetapi bergantung pada perkara-perkara berikut, laporan yang dibuat mestilah berkaitan dengan satu kesalahan yang lazim ditangkap. Dalam istilah Inggerisnya dengan izin disebut, *sensible offense* dan pengadu dikehendaki membuat permohonan untuk mengetahui status kesnya setelah tempoh 4 minggu dari tarikh laporan polis tersebut dibuat.

Peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua mempunyai satu pengecualian iaitu sekiranya pihak polis mendapati bahawa tindakan memaklumkan status penyiasatan kes tersebut akan menjejaskan pendakwaan atau boleh mengganggu proses siasatan. Maka pihak polis di dalam budi bicara mereka boleh memilih untuk tidak memberikan maklum balas.



**Tuan Yang di-Pertua:** Maknanya undang-undang beri kuasa kepada polis memilih hendak benar atau tidak benar?

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Budi bicara kepada pihak polis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Undang-undang beri polis hak budi bicara?

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh:** Di bawah Seksyen 107A, Kanun Tatacara Jenayah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tiada pertanyaan tambahan Yang Berhormat. Masa cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

■1150

### USUL

#### **KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

"Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan pencapaian matlamat sosioekonomi yang baik semasa awal pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan meskipun ekonomi Malaysia terus berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan terutamanya kenaikan harga minyak petroleum mentah dunia;

**merestui** usaha kerajaan bagi melaksanakan Misi Nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju;

**meluluskan** Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang teguh dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD 8 Tahun 2008;

**Bahawa** dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman yang teguh dan terus menyokong kerajaan untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing." **[22 Julai 2008]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sukacita saya dengan hormatnya menjemput Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi untuk menyambung.

**11.50 pg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum Dewan ditangguhkan kelmarin, Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin menyatakan bahawa Astro menayangkan terlampau banyak iklan. Suka saya terangkan di sini, mengikut syarat lesennya, Astro diwajibkan tidak melebihi 10 minit untuk pengiklanan dalam satu jam, tetapi Astro pada masa kini menggunakan hanya 2 hingga 5 minit sahaja dan mengikut syarat lesennya juga, Astro diwajibkan menayangkan atau menggunakan 2 minit untuk perkhidmatan pengumuman awam.

Tuan Yang di-Pertua, suka juga saya terangkan bahawa dari keuntungan yang diperolehi oleh Astro dalam *advertisement* atau pengiklanan itu, Astro juga menyumbang kepada masyarakat melalui misalnya, *Relay for Life* oleh MAKNA dan menyumbang juga kepada Budi Penyayang, badan-badan kebajikan dan mempromosikan kesenian dan kebudayaan di negara kita.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Yang Berhormat, boleh saya pohon laluan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Kalau berkenaan dengan ini.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi laluan. Tadi saya terdengar bahawa Astro itu rupanya mempunyai syarat-syarat yang tertentu dalam pelesenannya. Kadangkala saya keliru sama ada Astro masa kini terletak di bawah Akta Penyiaran yang sejauh mana saya tahu telah dimansuhkan, sama ada Astro kini akan pindah, dengan izin, *migrate*, kepada Akta Multimedia dan Komunikasi dan jika tidak, apakah pendekatan dan dasar KTAK bila pindahan ini akan dilakukan, kerana sejauh mana saya tahu ASTRO telah wujud lebih kurang lapan tahun lebih. Jadi bila akan dipindahkan supaya apa-apa yang ditimbulkan oleh rakan sejawatan saya, Tan Sri Datuk (Dr.) Jins akan lebih terkawal daripada Akta Multimedia dan Komunikasi, apakah pendekatan kementerian sekarang?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Gooi. Sebenarnya Astro pada masa ini masih dalam rejim yang lama iaitu *Broadcasting Act*. Ianya tidak bermakna Astro boleh lari daripada tanggungjawab ataupun syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam lesen yang Astro ada pada masa ini, dan saya telah difahamkan bahawa Astro dalam masa terdekat dan sebelum hujung ataupun pada hujung tahun ini akan berpindah ke ACM 98 dan kita harap Astro boleh dikawal oleh SKMM pada masa itu. Tuan Yang di-Pertua..

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Mohon laluan, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertanyaan saya berkenaan dengan Astro juga. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat sendiri iaitu tentang Astro. Pelesenan yang dikeluarkan oleh kementerian Yang Berhormat sendiri di mana Yang Berhormat mengatakan, bahawa tidak ada garis panduan tentang filem-filem yang ditayangkan di Astro, yang mana tidak melalui

Lembaga Penapisan Filem yang ditubuhkan oleh kementerian ataupun daripada kerajaan sendiri, iaitu Kementerian Dalam Negeri.

Jadi bagaimana Astro boleh ada satu lagi Lembaga Penapisan Filem yang ditubuhkan oleh Astro sendiri, dan bagaimanakah lesen ini boleh dikeluarkan, diberikan kebenaran kepada Astro? Dan adakah ini adil kepada syarikat-syarikat ataupun TV swasta yang lain, di mana filem-filem mereka bila ditayangkan di dalam televisyen mereka mesti melalui Lembaga Penapisan Filem? Apakah rasionalnya Astro diberi kemudahan dan kelulusan begini padahal televisyen swasta lain tidak dibenarkan? Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Musa. Berkenaan dengan *self-censorship* atau kendiri yang dikawal selia oleh Astro sendiri berkenaan dengan filem-filem ataupun tayangan-tayangan yang ditayangkan oleh penyalur ataupun *broadcaster* yang disebut tadi, iaitu memang benar bahawa pada masa ini oleh kerana Astro belum lagi dilesenkan dalam ACM 98, oleh yang demikian Astro tidak dikawal selia oleh SKMM. Walau bagaimanapun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab saya berminat dalam soal meleraikan kekaburan, boleh Yang Berhormat menjelaskan? Keadaan hari ini menyentuh Astro bukanlah kerana Astro diberikan keistimewaan, tetapi timbul dari kebetulan kerana ianya dilesenkan dahulu di bawah Akta Penyiaran yang mana dimansuhkan, kemudian timbul akta baru yang mana pelesenan dan syarat-syaratnya bagi Astro itu hendaklah di bawah akta yang baru, yang mana Yang Berhormat telah jawab tadi akan dibawa pada penghujung tahun. Adakah itu benar? Maka saya hendak cuba leraikan kekaburan seolah-olah Astro diberi sesuatu keistimewaan kepada yang nyatanya, ia timbul kerana wujudnya makhluk nama Astro ini di waktu undang-undang dahulu yang kini dimansuhkan, dan hendaklah sekarang dimasukkan ke bawah undang-undang baru.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang betul iaitu Astro tidak diberi kelonggaran ataupun keistimewaan lebih dari stesen-stesen televisyen yang lain dan diharapkan bahawa bila Astro sudah dilesenkan di bawah ACM 98, maka dapat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin sebab Yang Berhormat guna ungkapan ringkas, ACM, kalau sebut akta...

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, maka kita dapat menengok bahawa Astro akan juga tertakluk kepada syarat-syarat yang ada kepada stesen-stesen yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi mencadangkan supaya Institut Kefahaman Islam Malaysia atau IKIM menambahkan lagi 30 stesen pemancar supaya meliputi kawasan luar bandar. Beliau turut mencadangkan supaya

kerajaan menurunkan sewa bulanan internet yang dikenakan oleh syarikat-syarikat di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa kini Radio IKIM beroperasi dengan menggunakan sebanyak 12 stesen pemancar utama yang terletak di seluruh negara meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Penggunaan frekuensi Radio FM terutamanya di kawasan utara, tengah dan selatan Semenanjung Malaysia sudah pun berada pada tahap yang maksimum.

■ 1200

Manakala bagi Sabah dan Sarawak pula masih terdapat ruang untuk meningkatkan potensi penyediaan kemudahan itu. Mengenai keperluan bagi menambah sebanyak 30 lagi stesen pemancar untuk Radio IKIM di seluruh negara, beberapa faktor perlu diambil kira seperti:

- (i) kawasan sasaran liputan, bagaimanakah keadaan demografinya;
- (ii) lokasi pemancar, adakah lokasi itu mempunyai kemudahan yang mencukupi;
- (iii) kos pemancar dan operasi; dan
- (iv) penggunaan frekuensi semasa dan kekosongan frekuensi untuk diperuntukkan.

Pada masa yang sama, pihak IKIM juga sedang berusaha dan merancang untuk menambah bilangan stesen pemancar di seluruh negara. Walau bagaimanapun kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan stesen pemancar memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Bagi penduduk yang mempunyai kemudahan internet, rancangan-rancangan Radio IKIM juga boleh diikuti melalui internet menerusi laman web IKIM di [www.ikim.gov.my](http://www.ikim.gov.my). Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya sewa bulanan internet dikurangkan. Saya ingin menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kadar sewa bulanan bagi perkhidmatan internet ditentukan oleh kuasa pasaran dan persaingan di kalangan pembekal perkhidmatan internet.

Pendekatan *deregulation* yang dilaksanakan ini juga membenarkan pembekal perkhidmatan memperkenalkan pelbagai produk dan pakej baru perkhidmatan mereka yang meliputi perkhidmatan tambah nilai atau *value added services* untuk menarik minat pelanggan. Dalam hal ini, kementerian ini menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia selaku pengawal selia industri komunikasi sentiasa memantau persaingan ini terutamanya dalam memastikan promosi dan penyebaran maklumat yang dibuat oleh pembekal-pembekal perkhidmatan, tidak mengelirukan pengguna. Pada masa ini, harga langganan internet yang terendah ditawarkan pada kadar yang berpatutan iaitu pada harga RM20 untuk penggunaan selama 10 jam.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-

perkara yang menyentuh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. saya berjanji bahawa kementerian ini...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Saya memohon laluan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** ...akan sentiasa mengambil perhatian terhadap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat mohon laluan di ambang Yang Berhormat berhenti.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dapat saya habiskan perenggan ini dan bagi laluan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Saya berjanji bahawa kementerian ini akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya mohon maaf kerana terpaksa bertanya di ambang Timbalan Menteri akan berhenti. Pertama yang berkenaan dengan IKIM tadi, saya mungkin tidak memahami secara teknikalnya bagaimana pemasangan stesen pemancar ini. Walau bagaimanapun jika dibandingkan dengan stesen Era ataupun stesen-stesen radio yang lain, liputan yang didapati adalah lebih meluas. Sekiranya kita mendengar siaran Radio IKIM di dalam kereta, kita akan mendapati hanya di bandar-bandar utama sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh Yang Berhormat ikuti dua-dua penyiaranlah, Era dan IKIM?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Ya, saya ikut kedua-dua. Sekiranya kita mengikuti kawasan bandar kita akan dapati keluar sedikit daripada kawasan bandar terus tidak dapat. Jadi perkara ini kadang-kadang mengganggu dan banyak kali saya rasa sampai di seluruh Malaysia sikit sahaja kawasan liputan yang diliputi oleh Radio IKIM dan kita sudah melihat sudah tujuh tahun dia ditubuhkan. Jadi adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menggabungkan ataupun mungkin boleh menyewa stesen-stesen lain untuk diberikan kepada IKIM bagi menambahkan kawasan liputan.

Kedua, berkenaan dengan sasaran kerajaan untuk menjadikan Malaysia ini 50% diliputi oleh perkhidmatan internet. Kita melihat bagaimana Kementerian Pengajian Tinggi bercadang untuk membenarkan kafeteria-kafeteria yang menawarkan khidmat Wi-Fi untuk masuk ke universiti semata-mata untuk menjadikan kawasan universiti semua kawasan yang mempunyai liputan internet. Jadi kalau dengan pengurangan yang tidak seberapa kepada pengguna-pengguna internet khususnya untuk suri rumah di kawasan rumah dan juga kepada pengusaha-

pengusaha kecil yang mana kalau bayaran sewa bulan internet kepada syarikat, bayaran yang dikenakan adalah tinggi berbanding dengan bayaran yang dikenakan kepada individu.

Jadi sekiranya syarikat-syarikat kecil ini tidak diberikan galakan dan sewa yang lebih murah, bagaimanakah kerajaan mensasarkan agar 50% itu dapat dibuat oleh pihak kerajaan dalam masa yang sudah ditargetkan? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Mumtaz dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan di hujung-hujung penggulungan Yang Berhormat menanyakan dua soalan iaitu satu, membandingkan Radio IKIM dengan Radio Era di mana IKIM lebih kurang memuaskan dari pancaran yang diterima dari Radio Era. Ini adalah satu *observation* yang patut kita dengar dan saya akan menyampaikan *observation* ini kepada yang berkuasa untuk cuba kalau dapat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang berkuasa itu Yang Berhormat yang bertanggungjawab.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Menteri saya dan begitu juga SKMM, kita akan mencuba dan berunding dengan IKIM sendiri adakah mereka dapat memperluaskan lagi liputan Radio IKIM ini. Berkenaan dengan sasaran untuk mendapatkan 50% dari isi rumah di Malaysia menggunakan internet pada tahun 2010, kementerian ini iaitu kita hanya dari segi satu, menyediakan prasarana untuk menambahkan pelanggan-pelanggan internet. Oleh yang demikian...

**Tuan Khoo Soo Seang:** Yang Berhormat, boleh mohon laluan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat belum selesai lagi Yang Berhormat.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Oleh yang demikian, kementerian ini dengan bersungguh-sungguh kita menyeru semua yang telah diberi lesen untuk menyediakan WiMAX akan menyediakan WiMAX mengikut jadual yang mereka janjikan. Setelah perkhidmatan WiMAX disediakan di negara kita maka penebusan iaitu jalur lebar dan penggunaan internet akan bertambah dan akan meningkat lebih cepat lagi dari yang telah kita saksikan pada masa sekarang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Saya ingat sudah habis Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sukacita saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan untuk menjawab dan menggulung. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan ini doktor ya?

**12.09 tgh.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Sama dengan Tuan Yang di-Pertua, doktor pencen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lesen mengamal tahunan lagi tidak?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Ada. Tuan Yang di-Pertua saya bimbang takut sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dia tidak boleh *landing*. Kalau dia tidak boleh *landing* saya tidak boleh *take off*. Ada tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat dalam perbahasan.

■1210

**Tuan Yang di-Pertua:** Sesuailah kalau keadaan lembap-lembap macam ini kita berseloroh atau bergurau sedikit.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Ada tujuh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terlibat dalam perbahasan kajian separuh penggal iaitu Yang Berhormat Hajah Syarifah Azizah binti Dato' Syed Zain, Yang Berhormat Senator Siw Chun a/p Eam, Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, Yang Berhormat Datuk Senator Sim Kheng Hui, Yang Berhormat Senator Haji Muhamad bin Yusof dan Yang Berhormat Senator Tuan Majjol bin Mahap.

Saya bagi pihak kementerian mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Saya juga minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua kerana sesetengah saranan dan pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun saya jawab secara terperinci dalam persoalan lisan. Maka, saya kira tidak perlu saya terangkan sekali lagi perkara-perkara tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perlu rujuk sahaja jawapan kepada tarikh atau sekian-sekian.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Baik Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Hajah Syarifah Azizah binti Syed Dato' Syed Zain meminta penjelasan daripada kementerian sama ada pusat-pusat perubatan dan kaunseling persendirian dan swasta yang menguruskan tentang pesakit AIDS di negara ini diberi pemantauan ataupun penyeliaan. Ingin saya maklumkan bahawa kementerian secara berskala di peringkat kementerian, di peringkat negeri dan di peringkat daerah memang sentiasa menghormati mereka-mereka yang terlibat dalam perawatan dan juga kaunseling pesakit AIDS yang sekarang ini telah mencecah 70,000 orang seluruh negara.

Kita sangat berterima kasih kepada mereka-mereka ini terutamanya daripada NGO kerana tanpa mereka, aktiviti-aktiviti perawatan dan kaunseling mengenai HIV AIDS ini tidak akan dapat berjalan dengan baik apatah lagi sesetengah NGO ini kita beri bantuan daripada kementerian.

Yang Berhormat Senator Siw Chun a/p Eam juga meminta penjelasan mengenai jumlah peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk hospital-hospital awam. Ingin saya maklumkan bahawa kita peruntukan RM1.93 bilion untuk pembinaan hospital baru. Sementara untuk naik taraf adalah berjumlah RM2 bilion semuanya menjadikan keseluruhan peruntukan adalah dekat dengan RM4 bilion di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati juga ingin menanyakan sama ada di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang di mana bangunan tambahan wad kecemasan baru ini sedang dibina dan dijangkakan siap pada bulan Oktober 2008. Akan tetapi bangunan yang sedia ada tidak akan kita robohkan. Cuma kita akan gunakan untuk aktiviti-aktiviti lain.

Yang Berhormat Senator Sim Kheng Hui juga...

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan. Yang Berhormat Menteri, sebenarnya saya tanya itu bukan masalah wad kecemasan tetapi hospital baru tambahan bagi hospital bersalin yang dijangka sepatutnya dibuat di dalam kawasan hospital. Kononnya kementerian hendak beli satu lagi bangunan lain, swasta yang berada di luar kawasan hospital secara spesifiknyalah. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Itu wad bersalin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi kalau Yang Berhormat tidak mempunyai data-data yang spesifik, Yang Berhormat boleh memberi notis.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang selalu membantu saya, senang sedikit kerja saya. Ini perkara baru. Dalam perbincangan kita yang mutakhir, *lists* yang kita perersetujui dengan EPU dan MOM, tidak ada lagi rancangan untuk beli itu. Jadi saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat apabila saya dapat makluman yang lebih jelas lagi.

Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui bertanyakan sama ada kerajaan akan membina hospital selain daripada Hospital Umum Sarawak di Kuching. Ini saya sudah jawab pada dua hari lepas. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui juga maklum bahawa kekurangan pegawai perubatan, doktor dan juga doktor pakar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak adalah satu fenomena yang perlu kita selesaikan dan kita susun. Ini supaya ada elemen-elemen pendemokrasian dan keadilan dalam orang ramai dan rakyat jelata dapat menikmati kemudahan kesihatan dan perubatan di merata tempat tidak kira di kota mahupun di desa.

Oleh yang demikian, kita sedang merangka beberapa cadangan konkrit supaya perkhidmatan doktor dan juga doktor pakar ini dapat kita bendung dan kita dapat cukupkan dari semasa ke semasa. Buat masa ini kita hanya dapat memenuhi kuota untuk Sabah dan Sarawak terutamanya Sarawak setakat 67%. Jawatan ada 100%, tetapi pengisian hanya 67%. Malah di Sarawak ini lebih baik daripada negeri asal saya iaitu negeri Johor.

Negeri Johor hanya 52% pengisian doktor. Jadi kalau Yang Berhormat Datuk Sim tidak puas hati, saya lagi tidak puas hati tetapi apa hendak buat semua orang tidak cukup. Semua orang kena buat pengorbanan terutama di Sabah dan Sarawak. Salah satu pendekatan di Sarawak siapa juga yang membuat latihan doktor atau *housemanship* di Sarawak dia tidak boleh keluar daripada Sarawak selepas tiga tahun berkhidmat.



Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Muhamad bin Yusof juga menyarankan supaya sama ada kementerian berusaha untuk mengkaji gaji dan juga elaun pegawai perubatan dan juga pegawai-pegawai paramedik di Kementerian Kesihatan. Kita sebenarnya berusaha sedaya-upaya bagi memastikan kita tidak boleh naikkan gaji sama dengan gaji yang ditawarkan oleh sektor swasta kerana sektor swasta, gaji dan emolumennya Tuan Yang di-Pertua pun tahu biasanya lima kali ganda daripada apa yang ditawarkan oleh sektor awam. Jadi, kita tidak boleh lawan. Cuma yang kita hendak pastikan adalah satu, suasana pekerjaan yang baik.

■1220

Kedua, elaun mereka kita pertingkatkan. Sehingga tahun 2005 sehingga sekarang, kita sudah naikkan elaun. Sebagai contoh, dahulu masa Tuan Yang di-Pertua dan saya berkhidmat dalam hospital awam, tidak ada *on call allowance*. Sekarang sudah ada dan mereka ini dibayar RM50 hingga RM170 sehari, banyak itu.

Elaun ini akan kita kaji dari semasa ke semasa dan paling terbaru, untuk mengurangkan *queue* di Jabatan Kecemasan dan Jabatan Pesakit Luar di klinik-klinik kesihatan dalam kuota kita panjangkan waktu rawatan sehingga 9.30 malam. Bagi mereka yang membuat kerja selepas syif yang dibenarkan, kita naikkan waktu insentif kerja satu jam RM80. Jadi, kalau dia kerja pada hari itu 10 jam, dia dapat RM800. Kita juga galakkan pegawai perubatan pakar untuk buat pembedahan pada hari Sabtu. Jadi, untuk doktor pakar yang membuat pembedahan pada hari Sabtu, kita beri mereka RM200 untuk satu jam.

Walau bagaimanapun, apa juga yang kerajaan buat untuk memastikan doktor dan juga doktor pakar terus berada dalam perkhidmatan awam akhirnya bergantung kepada hati mereka. Kalau mereka mempunyai rasa kebertanggungjawaban yang tinggi, mereka akan terus berada dalam kerajaan bukan sahaja selepas mereka pencen pada umur 58. Malah, ramai di antara mereka masih terus berkhidmat walaupun mereka sudah habis umur bersara wajib.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada menteri yang menjawab. Oleh sebab, menteri sendiri mempunyai pengalaman sebagai doktor, saya ingin bertanya adakah untuk doktor-doktor yang bertugas di Jabatan Kecemasan, mereka ini diberikan insentif tambahan. Memandangkan pengalaman peribadi saya. Saya pernah melihat seorang doktor menghadapi lima kes kematian dalam masa dua jam.

Jadi, dengan kadar RM150, adakah berbaloi doktor yang baru sahaja habis *housemanship* ini bertugas seorang ini dan terpaksa menghadapi dan menenangkan keluarga yang kehilangan lima orang dalam masa dua jam. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz. Itu okey lima orang. Ini kerana pada waktu beliau bertugas, malaikat maut juga bertugas. Saya hendak terangkan bahawa di Jabatan Kecemasan, bukan dia seorang sahaja

yang berkhidmat, kita ada *trial system*. Persoalan ini juga ditanya oleh Yang Berhormat Senator Haji Muhamad.

So, di Jabatan Kecemasan, dia tidak ada *on call*, dia kerja syif. Biasanya di hospital-hospital yang mempunyai pakar, yang pertama sekali dia ada *trial system*. *Trial system*, maknanya sistem di mana apabila pesakit datang, dia akan dinilai tahap kecemasannya. Selepas itu, mereka akan diperiksa oleh seorang *medical personal* yang boleh menilai sama ada kes yang datang itu adalah kes betul-betul *emergency, life threatening* dengan izin atau kes yang *cold* kes umpamanya demam biasa. Jika cemas, dia terus taruk ke merah iaitu dia akan terus diperiksa oleh pegawai perubatan. Dia akan terdedah kepada banyak *department* dan juga ujian. Kalau dia boleh tunggu, kita taruk dalam *yellow zone*. Kalau peringkat demam biasa atau tidak boleh buang air besar lima hari, hari kelima baru dia datang. Maknanya itu, masih boleh tahan lagi. Kita taruk dia dekat hijau.

Jadi, kebanyakan doktor yang berkhidmat di Jabatan Kecemasan ini adalah mereka yang betul-betul terlatih. Sekarang kita wajibkan umpamanya dalam *rotation* dengan izin *housemanship*. Dahulu kita hanya buat empat *rotation* pediatrik (kanak-kanak), pembedahan (*surgery*), perubatan (*medicine*), O&G (sakit puan) - bersalin ini wajib dan juga ortopedik, *either one*, empat sahaja. Namun sekarang, oleh sebab kita dapati perlunya pegawai perubatan terdedah kepada kes-kes kecemasan maka mereka wajib sewaktu dua tahun membuat latihan *housemanship*, salah satu bidang yang perlu mereka buat *posting* selama empat bulan adalah di Jabatan kecemasan. Itu satu, untuk doktor.

Namun, untuk penolong pegawai perubatan, dahulu *hospital assistant* (HA) atau *medical assistant*, mereka juga diwajibkan dalam kursus diploma mereka terdedah kepada kecemasan dan trauma. Jadi, kita hendak letakkan pegawai-pegawai yang betul-betul mahir supaya mereka boleh berhadapan dengan apa juga risiko seperti lima kematian dalam masa dua jam. Mereka boleh mengatasi isu tersebut dan kalau tidak cukup, *head department* boleh panggil pegawai perubatan yang *on call* untuk membantu mereka.

Yang Berhormat Senator Siw Chun juga menanyakan sama ada, adakah bentuk pemantauan yang dilakukan kepada hospital-hospital swasta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Bolehkah dinyatakan tentang kadar kematian di negara ini, dengan jumlah pesakit jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Eropah atau pun Amerika dari segi jumlah kematiannya. Maksud saya, perbandingan peratus kematian dengan pesakit yang dimasukkan dengan negara maju jika dibandingkan dengan negara kita, Malaysia. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Negara kita itu saya ada tetapi negara maju itu saya tidak boleh. Hendak ada *reference*. Sepuluh sebab kematian yang terjadi di hospital, nombor satu adalah *neoplasm* ataupun kanser. Yang masuk ke hospital awam dekat dua juta

pesakit dan mereka memasuki ke 134 buah hospital. Sementara yang mati dalam hospital, dia datang hidup kemudian mati dekat hospital lebih kurang 98,000. Nombor satu tadi itu adalah kanser dan nombor dua baru *road traffic accident*. Jadi, saya tidak faham apa Yang Berhormat Senator hendak tahu tetapi saya rasa dia hendak tahu sama ada trend negara kita dengan trend negara maju adalah sama.

■ 1230

Saya kira lebih kurang sama dia punya trend kemasukan dan kematian itu kerana kita sudah bergerak daripada negara membangun kepada negara yang maju menjelang tahun 2020.

Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun a/p Eam bertanyakan sama ada wujud atau tidak kaedah yang digunakan untuk memastikan sistem pemantauan ke atas hospital-hospital swasta dan juga hospital-hospital awam. Satu mengenai kualiti hospital, kita ada dengan izin *Public Health Care Facility Act 1998* dan *regulation*nya telah pun diguna pakai semenjak 2006 dan setakat ini semua hospital swasta ini tertakluk kepada *regulation* peraturan-peraturan yang ada di bawah akta tersebut. Bagi hospital awam dan juga hospital swasta kita galakkan mereka untuk terlibat dalam apa yang kita katakan Program Peningkatan Kualiti iaitu *Quality Assurance Program* atau QAP dan pengiktirafan ISO dan di hospital awam sebanyak 65 hospital sudah pun mendapat akreditasi. Program ini adalah program yang berterusan supaya tiap-tiap bidang yang diberikan kepada pesakit-pesakit mempunyai input dan output yang efektif.

Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap juga menanyakan mengapakah sangat berkurangan infrastruktur di hospital terutamanya di wad-wad bersalin. Orang bersalin ini dia tidak sakit Tuan Yang di-Pertua, tetapi nak bersalin itu sakit. Dia adalah normal, dia bukan penyakitlah. Akan tetapi oleh kerana rakyat kita masih produktif, jadi kebanyakan kita punya penggunaan katil di hospital adalah bersangkutan paut dengan isu-isu tentang kelahiran bersalin. Walau bagaimanapun, di Sabah hanya tiga hospital saja yang dengan izin *bed occupancy rate* lebih daripada 70% iaitu Hospital Kota Marudu, Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu dan Hospital Tawau. Yang lainnya semuanya kurang daripada 70%. Ini menunjukkan bahawa rakyat Sabah tidak sakit dan sihat. Akan tetapi dia tetap juga nak minta banyak hospital.

Walaupun bagaimanapun, kes-kes kekurangan katil bagi kelahiran ini kita pandang serius. Sebab itu kita akan terus menambah *facility* serta kemudahan bersalin mengikut kriteria-kriteria yang telah kita tetapkan. Sebagai contoh kita tetapkan bagi setiap 750 kelahiran, kita mesti sediakan satu bilik bersalin. Jika ada 5,000 kelahiran, kita mesti juga sediakan satu bilik bedah materniti. Maknanya bilik bedah materniti, ia mesti ada doktor bius dan juga doktor anestetik dan ginekologi yang akan bersedia jika kelahiran tersebut memerlukan pembedahan.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Pohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa bersalin itu tidak ada perasaan sakit. Itu tidak benar. Mungkin beliau tidak dapat merasa perasaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bersalin itu sakit tetapi bukan penyakit.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Ya, bukan penyakit. Akan tetapi apabila saya dengar tentang kekurangan katil, bukan saja *facility* kekurangan katil Tuan Yang di-Pertua, perangai, tabiat ataupun keprihatinan jururawat pun satu masalah juga. Oleh kerana kesakitan untuk melahirkan anak ini kadang-kadang wanita terpaksa menjerit-jerit. Betul tidak Yang Berhormat Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie? Terpaksa dan saya pernah dengar salah seorang jururawat yang memarahi seorang wanita yang sedang menghadapi kesakitan untuk melahirkan anak. Jururawat itu mengatakan 'apa ini, bila seronok tidak jerit-jerit bagi tahu orang. Bila nak bersalin baru nak jerit-jerit'. *[Beberapa Ahli ketawa]*

Jadi saya berharaplah supaya pihak kementerian memberi taklimat yang betul-betul kepada jururawat yang akan menjaga di bilik bersalin itu supaya jangan mengeluarkan kata-kata sebegitu. Itu saya minta bantuanlah daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Pohon laluan berkaitan perkara yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri masih beri laluan. Yang Berhormat Timbalan Menteri nak beri laluan?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Nanti dulu. Seronok ini. Dekat nak habis dah Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak kata tidak sakit. Saya kata dalam bahasa Inggeris *pregnancy is not a disease*. Mengandung itu bukanlah penyakit tetapi nak melahirkan itu mesti sakit. Memanglah saya tidak pernah ada pengalaman.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan ungkapan *pregnancy*. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri menggunakan istilah *child birth*, *child birth is not a disease*.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Jadi kalau ada jururawat yang berkata begitu, mungkin dia tidak pernah beranak macam saya jugalah tetapi kita pandang serius ini Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam. Kita pandang serius sebab itu Yang Berhormat Menteri akan lancarkan program memperbaiki *soft skill* jururawat dan juga paramedik. Antaranya konsep yang saya sendiri faham iaitu sekarang ini jururawat digalakkan mengamalkan banyak 'S'. Senyum, sentuh, sopan dan macam-macam lagilah bagi memastikan pesakit sentiasa dijaga dengan baik.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu laluan *pending*. Yang pertama belum habis lagi.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya nak lambat sikit saja supaya secara khususnya ada elemen-elemen hospitaliti dalam hospital.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna kementerian sedar terdapat di sini yang perlu diperbaiki dan kementerian akan melancarkan kempen meningkatkan *soft skill* yang mana di antara *soft skill* itu bukan sangat *medical skill* tetapi *human skill*.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Betul Tuan Yang di-Pertua tetapi kita kena ingat juga mereka ini manusia. Mungkin sudah lama bekerja dalam bilik bersalin. Sudah biasa

dengar, mungkin dah biasa marah orang. Bila dah jadi biasa, jadi alah bisa tegal biasalah. Jadi orang-orang ini yang patut kita beri tumpuan supaya mereka jadi manusia balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi dulu, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kemudian Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

■ 1240

**Puah Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin menambahkan sedikit maklumat, daripada kajian yang saya minta daripada pegawai penyelidik untuk buat kajian didapati trend kelahiran sebenarnya di Malaysia dilaporkan menurun. Jadi saya agak pelik bila timbalan menteri mengatakan bahawa perkara ini trendnya sekarang ini amat subur sebab trend sekarang dari segi kadar kelahiran negara kita menurun dari tahun ke tahun, itu yang pertama.

Keduanya berkaitan dengan kadar kelahiran daripada semakan yang dibuat, Sabah sebenarnya mencatatkan kelahiran yang lebih kurang sama dengan Selangor berbanding dengan negeri-negeri lain. Jadi tidak pelik kalau Senator Majid Mahap memohon tambahan katil untuk kes-kes bersalin di Sabah. Kerana mengikut daripada perangkaan yang saya dapati Sabah merupakan negeri yang paling banyak pertambahan kelahiran setiap tahun. Itu sahaja untuk maklumat terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Ya dia berbeza-beza macam kelahiran rakyat kita masih produktif yang paling mutakhir kalau ikut *Midterm Review* 3.8. Akan tetapi kelahiran dari etnik Cina berkurangan berbanding dengan etnik Melayu dan bumiputera. Mungkin dia *combination of this* menjadikan dia nampak berkurangan. Selangor dengan Sabah saya tidak berani hendak komenlah sebab Selangor lain kerana dia banyak elemen imigran daripada penghijrahan daripada kampung ke bandar. Sementara di Sabah adalah memang betul-betul *rural immigrant*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada kaitan dengan musim program televisyen tidak?

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya tanya juga Tuan Yang di-Pertua mana-mana kajian yang dibuat oleh profesor mana-mana di universiti nampaknya tidak ada lagi buat kajian kelahiran dengan musim-musim *popular TV series*, belum lagi ada kajian dibuat. Kalau ada saya akan bantahkan pada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Haji Roslan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik yang dikatakan banyak 'S' tadi. Kenapa tidak masukkan syok, sedap, selalu atau orang Terengganu sokmo, terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Apa yang 'S' ini saya dimaklumkan sudah ada 11S semuanya yang positif, jadi yang negatif itu semua kita 'S' juga, 'simpan'.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datin Paduka Nor Hayati kemudian Puan Nordiana.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Timbalan menteri tadi saya sudah dengar mengatakan bahawa...

**Tuan Yang di-Pertua:** Timbalan menteri ini banyak peminatlah.

**Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** ...Berbanding dengan Sabah dan Selangor lebih kurang dia punya pesakitnya dan orang yang bersalin. Saya mewakili Selangorlah kebetulan saya duduk selaku pengerusi Lembaga Pelawat Hospital Daerah Klang.

Saya hendak tahu mengenai bayi tabung uji yang dikenal pasti oleh kementerian ada tabung IVF tetapi saya hendak tahu adakah kementerian bercadang untuk menambah makmal di beberapa hospital yang telah menjalankan proses IVF ini. Kemudian saya juga ingin tahu berapa banyak pakar forensik yang diperuntukkan untuk setiap hospital kerana kita lihat pakar forensik ini terkejar-kejar. Macam Klang saya ingat kita ada satu tetapi baru ini kita mohon dapat dua. Akan tetapi mereka ini bila tiba kematian mereka ini kadang-kadang berada di Kelantan, berada di *court* tidak dapat menyelesaikan masalah *post mortem* yang berada di hospital.

Saya mohon juga mengenai ambulans oleh kerana Hospital Klang di antara yang menampung banyak pesakit-pesakit. Saya difahamkan bahawa dengan kapasiti Klang kita memerlukan lebih kurang 20 ambulans. Akan tetapi yang ada hari ini hanyalah tujuh sahaja dan daripada tujuh ini empat rosak hanya tiga yang bergerak. Jadi bagaimana kita hendak ambil orang secara efektif? Terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya lupalah Yang Berhormat saya lantik Yang Berhormat dahulu jadi Lembaga Pelawat ya.

Mengenai dengan IVF ini pasal kesuburan, kita ada klinik *Fertility Clinic* di HKL. Akan tetapi saya akui makmal kesuburan yang membuat proses IVF baik di Kementerian Kesihatan mahupun di LPPKN, dia punya *success rate* tidak macam makmal yang dikelolakan oleh swasta. Mungkin kerana kita kurang kepakaran atau makmal kita tidak dipenuhi dengan kelengkapan-kelengkapan yang terbaik.

Saya bagi contoh kalau tidak silap saya *success rate* IVF di hospital kerajaan ataupun LPPKN, dia punya *success rate* hanya paling banyak 15%. Maknanya kalau 100 pasangan membuat IVF, 15 pasangan sahaja yang berjaya sementara di sektor swasta dia punya *success rate* 50%.

Bila kita bercerita tentang *success rate* ini, ia sedikit sebanyak membebankan dana pembayar cukai kerana setiap yang berjaya itu okeylah, tetapi setiap kegagalan itu melibatkan kos. Jadi kalau kita buat 100 kita berjaya hanya 15 berbanding dengan sektor swasta membuat dua kali, satu berjaya 50% *success rate*. Maka kita perlu juga memikirkan bagaimana servis perkhidmatan ini boleh kita beri kepada sektor swasta jika dan syarat *rate* atau *fee* yang dikenakan oleh sektor swasta itu berpatutan.

Mengenai kemudahan pakar forensik. Pakar forensik ini dia mustahak tetapi kadang-kadang tidak penting atau dia penting tidak mustahak. Ia hanya diperlukan bila ada kes-kes

forensik, hendak buat *post mortem*. Kita ada lebih kurang 20 pakar dan kita tidak boleh letakkan semua pakar forensik kita di tiap-tiap hospital. Sebab berurusan dengan orang yang sudah mati Tuan Yang di-Pertua, kepakaran yang tidak diminati orang. Jadi hendak suruh orang jadi pakar forensik ini pun susah. Jadi apa yang kita lakukan kita bagi kepada zon dan mereka akan ajar dan latih pegawai-pegawai perubatan biasa, jika ada kes-kes hanya yang memerlukan kepakaran seperti ada kes *medical* juga baru dia datang untuk buat pembedahan. Kalau tidak, kalau dia kes biasa sebab tujuan *post mortem* adalah untuk mengetahui sebab si polan itu mati. Asal tahu sebab tidak ada masalah.

Selain daripada itu kita juga akan terus menerus menambah kepakaran forensik ini bagi memastikan keperluan negara sentiasa cukup. Ambulans kita dalam peringkat terakhir kita bagi satu syarikat untuk membekalkan 100 unit. Akan tetapi untuk buat 100 unit ambulans daripada bulan tiga tahun ini, dia ambil masa sehingga setahun untuk proses hendak buat, jadi dia ambil masa. Kita bagi *priority* kepada hospital-hospital di mana penggunaan ambulansnya adalah terlalu kerap. Membekalkan ambulans sahaja tidak menyelesaikan masalah sebab itu kementerian sedang membuat satu kajian bagi memastikan *free hospital care*, kita ada *free* maknanya sebelum datang hospital sudah ada rawatan kemudian *intra hospital care and post hospital care*.

Kita sedang fikirkan bagaimana kita hendak perbaiki dan tambah nilai baik di *free hospital care* bukan sahaja dengan adanya ambulans, tetapi juga dengan penyediaan staf, paramedik, pemandu yang juga boleh jadi paramedik pada bila-bila masa jika berlaku keperluan untuk merawat pesakit sebelum mereka sampai ke hospital.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ada satu lagi Puan Nordiana, kemudian saya ingin ingatkan Yang Berhormat...

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya sudah hendak *landing* ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi ingin hendak ingatkan Yang Berhormat kiranya Yang Berhormat tidak ingin sambung sehingga lepas pukul 1, sila habiskan.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Habis dah ini, habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Puan Nordiana.

#### ■1250

**Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbalik kepada mengenai wad bersalin perlu kepada tambah katil di wad bersalin, tetapi juga doktor-doktor yang bertugas di dewan bersalin atau *labour room*. Ini berdasarkan pengalaman saya dua kali bersalin di Hospital Besar Terengganu yang pertamanya, terutamanya doktor-doktor yang *on call* di sebelah tengah malam sehingga ke pagi kerana yang pertama itu pengalaman saya. Maklumlah bersalin ini dia tidak ada waktu, ia datang begitu sahaja, jadi yang kes pertama itu saya kena pukul empat pagi dan saya bersalin tanpa ada doktor. Yang itu anak saya meninggal. Lepas itu untuk keluar daripada *labour room* itu terpaksa menunggu di lorong di dalam dewan

bersalin itu sehingga satu jam untuk tandatangan doktor, kerana doktor sibuk dengan *patients* lain. Jadi kami menunggulah bersidai dua tiga orang untuk tandatangan, untuk keluar daripada wad.

Kedua pun perkara yang sama, jadi inilah saya minta kerana walaupun ianya bukan penyakit, tetapi ia banyak risikonya kalau tidak diambil perhatian yang lebih. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Harap kali ketiga, keempat, kelima pun di Hospital Terengganu juga jangan tukar hospital lain. Cadangan-cadangan Yang Berhormat itu saya ambil maklum dan saya juga rasa sedih Yang Berhormat kena tunggu satu jam sehingga doktor boleh *attend* kepada isu-isu pesakit lain. Walau bagaimanapun cadangan ini akan kita ambil kira.

Kita semua tahu bahawa negara memang memerlukan lebih ramai doktor dan kita jangkakan menjelang 2015 kita latih 2,000 orang doktor satu tahun. Kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan juga JPA dan perkara ini akan selesai sikit masa lagi dan kita akan hantar lebih ramai pakar sakit puan dan perbidanan supaya mereka dapat memberi khidmat bukan sahaja di bandar tetapi juga di kampung.

Sekian saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih. Mana-mana saranan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya bentangkan secara terperinci, kakitangan Kementerian Kesihatan akan sentiasa memastikan cadangan-cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Kita ambil maklum dan kita ambil tindakan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya saya rasa terpenggil untuk sebut perkara ini, iaitu di antara yang paling susah ialah hendak urus doktor ataupun hendak urus pasukan doktor. Jadi saya bersimpati dengan pengarah-pengarah hospital dan kementerian. Sukacita saya menjemput Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk menjawab.

**12.53 tgh.**

**Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun telah mencadangkan agar pihak kementerian mengambil kira dan memasukkan kebudayaan dan kesenian kaum minoriti seperti etnik Siam dalam senarai Program Merakyatkan Seni Budaya ataupun PMS sebagai contoh Pesta Loy Krathong dan Pesta Songkran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun ini seperti juga tahun-tahun yang lepas, kementerian memang mengambil kira dan memasukkan kebudayaan dan kesenian kaum minoriti seperti etnik Siam dan minoriti lain seperti Orang Asli, etnik Sabah dan Sarawak dalam senarai Program Merakyatkan Seni Budaya. Perlaksanaannya adalah melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara di peringkat ibu pejabat dan negeri.

Pada tahun 2006 dua Program Merakyatkan Seni Budaya melibatkan masyarakat Siam telah diadakan, iaitu Festival Loy Krathong berskala kecil di Kangar, Perlis pada 8 hingga 10



November 2006 dan juga Festival Songkran berskala besar di Padang Watt Naka Kedah pada 15 hingga 16 April 2006.

Bagi tahun 2007, tiga PMS yang melibatkan masyarakat Siam telah diadakan iaitu Pesta Songkran berskala kecil di Wat Sukhontharam, Kampung Kubang Panjang, Tumpat di Kelantan pada 13 April 2007. PMS bersama masyarakat Siam berskala kecil di Kampung Teresek, Pasir Mas di Kelantan pada 20 April 2007.

Pesta Loy Krathong peringkat negeri Perlis berskala sederhana di esplanad Sungai Perlis pada 30 November hingga 1 Disember 2007. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada 2008 pula dua PMS melibatkan masyarakat Siam telah dan akan diadakan iaitu perayaan Songkran dan Pesta Air Kelantan 2008 di kawasan luar bandar di Tumpat Kelantan pada 11 April 2008. PMS bersama masyarakat Siam Sungai Tiang Kedah yang akan diadakan pada bulan Ogos 2008.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun juga bertanyakan berkenaan bilangan Program Merakyat Seni Budaya sepanjang tempoh tiga tahun, iaitu dari tahun 2008 hingga tahun 2010 yang akan dilaksanakan di seluruh negara dan berapakah peruntukan bagi setiap program tersebut. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat jumlah Program Merakyat Seni Budaya pada setiap tahun ialah 158 aktiviti dan bagi tempoh antara 2008 dan 2010 jumlahnya ialah sebanyak 474 aktiviti.

Menyentuh mengenai peruntukan yang terlibat pula ia adalah berasaskan skala program di mana anggaran kos bagi PMS berskala besar ialah berjumlah RM200,000. Skala sederhana RM80,000 hingga RM90,000. Skala kecil ialah RM30,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat...

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Tuan Yang di-Pertua minta laluan.

**Tuan Teng Boon Soon:** Silakan.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kementerian yang dulunya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat itu dia tidak hendak sambung lepas pukul satu itu.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Ya, saya cuba pendekkan. Yang dulunya dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan sekarang dikenali sebagai Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia yang telah mendengar luahan hati saya. Selama enam tahun saya berada di Parlimen ini dan telah memberikan peruntukan yang banyak tidak banyak, sedikit tidak sedikit iaitu berskala sederhana untuk saya menjayakan kedua-dua pesta ini, iaitu Pesta Songkran dan juga Loy Krathong. Akan tetapi apa yang saya pohon seikhlas-ikhlas hati...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kena datang balik pukul 2.30 petang Yang Berhormat.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** ...Seikhlas-ikhlas hati saya ialah kalau boleh masukkanlah kedua-dua program ini berterusan. Jangan terputus-putus. Kadang-kadang ada kadang-kadang tiada dalam program itu. Jadi masyarakat Siam yang minoriti ini dia tertanya-tanyalah kenapa tahun ini tidak ada, tahun lepas ada, dua tahun lepas ada. Jadi inilah masalahnya. Jadi saya mintalah supaya pihak kementerian terutamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang begitu prihatin kepada kaum Siam ini supaya terus masukkan kedua-dua program ini yang memang diminati oleh orang ramai iaitu Pesta Songkran, dengan izin, *Water Festival* dan juga Pesta Loy Krathong yang memang popularnya dengan Miss Loy Krathong. Tuan Yang di-Pertua pun tahulah pasal dia pernah jadi Menteri Besar Perlis. Jadi inilah permohonan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Teng Boon Soon:** Tuan Yang di-Pertua, saranan Yang Berhormat Puan Siw Chun itu kementerian ini mengambil maklum dan akan masukkan cadangan itu seperti yang dicadangkan.

Akhir sekali saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil perhatian dan tindakan atas perkara yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli Yang Berhormat. Jadi sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Masa cukup, Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pada pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Sumber Manusia.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Noraini binti Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Sumber Manusia mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Majjol Mahap, mencadangkan supaya bilangan kursus-kursus profesional di IKM dan ILP diperbanyakkan dan beliau memberi contoh di IKM di Kota Marudu hanya terdapat 70 orang pelatih sahaja. Sedangkan jumlah penduduk di kawasan tersebut adalah melebihi 10,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, ILP di bawah Kementerian Sumber Manusia menawarkan kursus-kursus bidang kemahiran sehingga peringkat diploma...

**Tuan Majjol bin Mahap:** Mohon laluan. Hendak minta aplikasi pembetulan.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Baru *start*.

**Datuk Chandrasekar Suppiah:** Pembetulan, pembetulan... [*Ketawa*]

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Okey, tak apa. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Majjol bin Mahap:** Minta maaf. Ini jumlah penduduk bukan 10,000 tapi 100,000...

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Okey.

**Tuan Majjol bin Mahap:** Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Okey, terima kasih dan minta maaf atas kesilapan tersebut. 100,000 orang dan...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mungkin Yang Berhormat tak nampak kosong dekat belakang tak?... [*Ketawa*]

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Saya kira juga ini. Kosong ini ah, tapi tak apalah. Ya lah, usia kita pun... Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ILP sebenarnya di bawah Kementerian Sumber Manusia menawarkan kursus-kursus bidang kemahiran sehingga peringkat diploma dan KSM melalui Jabatan Tenaga Manusia atau JTM, mempunyai 28 buah institusi latihan yang memberikan latihan kemahiran secara sepenuh masa dan juga separuh masa.

Bagi tujuan memenuhi keperluan latihan kemahiran di negeri Sabah, terdapat tiga buah ILP iaitu ILP Kota Kinabalu, ILP Sandakan dan ILP Labuan. Ketiga-tiga ILP ini menyediakan latihan dalam 19 kursus dan enrolmen bagi sesi 1/2008 yang berjumlah 1,989 pelajar. Bagi pengambilan Julai tahun 2008 pula, ketiga-tiga ILP berkenaan telah mengambil sebanyak 850 orang pelatih untuk menjalani kursus-kursus teknikal yang ditawarkan dan bagi makluman Dewan yang mulia ini, majoriti iaitu melebihi 90% pelatih ILP adalah daripada negeri Sabah. Untuk IKM, kami tidak boleh menjawabnya kerana ianya adalah di bawah Kementerian Usahawan dan Koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Heng Sei Kie menyeru supaya kerajaan melaksanakan pembangunan sumber manusia dan modal insan melalui penguasaan bahasa Inggeris. Beliau juga mencadangkan menstrukturkan semula pekerjaan melalui pengajian tidak mengikut etnik dan KSM melalui ILJTM, menjalankan latihan kemahiran berasaskan kokurikulum latihan yang dibangunkan berdasarkan kepada Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan ataupun NOSS dan di samping itu, kokurikulum juga merangkumi elemen-elemen keupayaan teras ataupun *core abilities* seperti kemahiran bahasa Inggeris, komunikasi dan lain-lain. KSM sentiasa mengambil berat kepentingan dalam penguasaan bahasa Inggeris ini dan sehubungan dengan itu semua pelajar di bawah ILJTM diwajibkan mengambil subjek bahasa Inggeris mulai tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, majikan yang mendaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad juga boleh mendapatkan bantuan kewangan dari Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia ataupun KWPSM, apabila melatih pekerja mereka dalam pelbagai bidang kemahiran termasuklah kursus-kursus bahasa Inggeris dan

daripada tahun 2003 sehingga 30 Jun 2008, sebanyak 48,189 tempat latihan telah diluluskan bagi pekerja untuk mengikuti Program Bahasa Inggeris ini dan melibatkan bantuan kewangan sebanyak RM23.45 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan untuk menstrukturkan semula pengajian supaya tidak mengikut etnik, ingin kementerian kami jelaskan bahawa pada masa ini memang tiada peruntukan undang-undang yang khusus yang menyentuh tentang komposisi kaum yang perlu dipatuhi oleh majikan dalam mengisi kekosongan jawatan di syarikat tersebut. Majikan sebenarnya bertanggungjawab untuk menetapkan kriteria dan syarat tertentu yang perlu dipatuhi oleh pencari kerja untuk mengisi kekosongan.

Di samping itu, pencari kerja juga adalah bebas untuk memilih dan memohon kerja yang diingini. Dalam usaha memastikan keharmonian perusahaan dan mencapai matlamat perpaduan nasional, KSM melalui JTK sentiasa menasihatkan majikan agar mengimbangi komposisi kaum di syarikat mereka supaya tidak menggaji kaum tertentu sahaja bagi mengisi kekosongan di jawatan di peringkat eksekutif ataupun bukan eksekutif. Perkara ini dilaksanakan melalui Program Lawatan Promosi dan Pemeriksaan Pembangunan yang dilakukan kesemua premis majikan. Namun begitu, KSM juga telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan tidak ada ataupun tidak wujud mana-mana unsur diskriminasi dalam pengambilan ataupun penempatan pekerja di semua peringkat jawatan. Sebagai contohnya, majikan dilarang menetapkan seperti syarat untuk tahu sesuatu bahasa ataupun mahu mengambil mana-mana kaum dalam pengisian sesuatu jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Siw Chun a/p Eam ingin tahu apakah insentif yang ditawarkan oleh doktor pakar bagi menarik mereka pulang ke tanah air dan berapakah ramai yang telah pulang?

■1440

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia pihak kementerian telah melaksanakan program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran pulang ke Malaysia semenjak tahun 2001. Tujuannya adalah untuk menarik golongan profesional Malaysia termasuklah doktor-doktor pakar.

Antara insentif yang ditawarkan untuk menarik minat golongan ini untuk kembali ke tanah air adalah yang pertamanya semua barangan persendirian yang dibawa balik itu dikecualikan daripada cukai. Kemudian, dua buah kereta yang dibawa balik dikecualikan daripada duti import, duti eksais, cukai jalan dan bagi permohonan sekiranya telah berkahwin, kalau bagi suami atau isteri mereka bilangan kereta yang dikecualikan daripada duti import, duti eksais dan juga cukai jalan dihadkan kepada dua buah kereta. Suami ataupun isteri dan juga anak pemohon yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf PR dalam tempoh enam bulan selepas kembali ke tanah air. Suami atau isteri kepada pemohon yang mempunyai kelulusan yang diiktiraf dan mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh industri, dibenarkan untuk memohon pas pengajian di Jabatan

Imigresen Malaysia. Sehingga 20 Julai 2008, bilangan pengamal perubatan dan kesihatan yang telah kembali adalah seramai 217 orang.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Okey, silakan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Insentif begitu lumayan sekali kepada mereka ini untuk kembali ke tanah air untuk bertugas. Apa pendapat Yang Berhormat, apakah Kementerian Yang Berhormat dapat berbincang dengan Kementerian Pengajian Tinggi tentang studen yang hendak pergi keluar negara ini sama ada melalui biasiswa kerajaan untuk ada prasyarat yang mereka ini perlu balik menunaikan tanggungjawab kepada kerajaan yang telah membiayai pengajian di luar negara ataupun tidak. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dan terima kasih juga di atas keprihatinan Yang Berhormat untuk remaja-remaja ataupun anak-anak muda kita yang belajar di luar negara yang diharapkan mereka dapat berbakti kepada negara ini. Bagi saya sebab kita memang sentiasa berunding dengan mana-mana agensi kerajaan termasuk jugalah dengan Kementerian Pengajian Tinggi terutamanya apabila mereka mendapat biasiswa daripada kerajaan, kami merasakan adalah sepatutnya mereka kembali ke tanah air dan seterusnya berbakti kepada negara yang tercinta ini.

Saya menyambung Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Puan G. K Loga Chitra pula menyarankan supaya kerajaan meningkatkan pembangunan latihan kemahiran melalui kerjasama di antara Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Sumber Manusia. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya KSM memang sentiasa prihatin dan kami juga komited dalam meningkatkan pembangunan latihan kemahiran untuk menuju ke arah melahirkan tenaga kerja mahir yang terlatih untuk memenuhi keperluan sektor perindustrian negara. Antara langkah yang diambil adalah melalui kerjasama dengan pelbagai agensi seperti yang kalau tadi kita memang sangat bangga kalau kita dapat bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi, tapi yang ini juga kita sanggup untuk bekerjasama dengan agensi seperti Kementerian Pelajaran.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya telah ada persefahaman dan kerjasama yang telah wujud antara kementerian kami dengan Kementerian Pelajaran dalam pembangunan latihan kemahiran melalui penawaran latihan kemahiran di sekolah menengah teknik atau SMT, sehingga mereka dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia atau SKM.

Sehingga kini sejumlah 61 buah SMT telah ditauliahkan untuk menjalankan 305 program latihan kemahiran dalam bidang-bidang seperti automotif, juruelektik, pemesinan dan pembuatan perabot. SMT juga telah mengguna pakai *National Occupational Standard* atau NOS, yang dibangunkan oleh pakar industri. Latihan kemahiran ini boleh ditingkatkan dengan SMT

menawarkan lebih banyak program yang mempunyai permintaan yang tinggi. Di samping itu, latihan kemahiran juga boleh dikembangkan ke sekolah menengah yang lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan kementerian saya di Dewan yang mulia ini yang kemungkinannya dalam waktu yang begitu singkat ini tidak dapat kami jawab ataupun tidak sempat untuk kita memaklumkan dengan lebih lanjut, saya ingin memaklumkan bahawa kementerian saya memang sentiasa dan sangat menghargai segala teguran, komen, cadangan dan juga pandangan yang membina dan akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya terhadap isu dan cadangan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**2.47 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Jelaing anak Mersat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada kementerian untuk menggulung perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan pada petang ini.

Seramai lima Ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan kementerian mengucapkan banyak terima kasih kerana keprihatinan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dalam kita memerhatikan kekangan yang ada pada rakyat yang diakibatkan oleh kenaikan harga minyak.

Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung menyentuh tentang harga barang, Yang Berhormat Datuk Chew Vun Ming menyentuh tentang *transport* ataupun pengangkutan barang-barang makanan, Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam menyentuh tentang *fleet card* untuk teksi dan bas dan pengangkutan yang lain, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz menyentuh tentang lesen *intellectual property* ataupun hak *property* intelek Malaysia dan Yang Berhormat Dato' Musa menyentuh tentang subsidi yang perlunya dikaji semula untuk rakyat yang sepatutnya menerima subsidi.

Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya cuba menjawab semua hal yang dibangkitkan di sini dengan seberapa yang boleh. Izinkan saya juga mengambil kesempatan ini juga untuk menerangkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian di dalam menangani isu kenaikan harga di samping menjawab beberapa persoalan yang saya sebutkan tadi di sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan.

Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab di dalam sektor perdagangan pengedaran, kementerian tidak terlepas daripada berdepan dengan isu-isu kenaikan harga barangan dan penguatkuasaan seperti aktiviti sorok stok atau barang perlu oleh peniaga dan

pengeluar. Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung ada menyentuh tentang peniaga-peniaga yang sengaja menyimpan stok bagi tujuan menaikkan harga.

■1450

Kementerian memandang serius kepada isu penyimpanan stok secara sengaja oleh peniaga tidak beretika dan tidak bertanggungjawab ini kerana ia sememangnya akan memberi kesan yang negatif terhadap harga barangan.

Di dalam merangka strategi untuk menangani isu-isu seperti ini tindakan penguatkuasaan secara berterusan sentiasa diperketat dan skop penguatkuasaan diperluaskan. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ialah untuk menubuhkan satu badan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri iaitu Majlis Harga Barang Negara untuk menentukan bahawa harga barang ini berpatutan dan juga stok barang ini cukup di dalam simpanan kita di Malaysia.

Begitu dengan dari segi penguatkuasaan, kita pun telah mengadakan beberapa pemeriksaan ke atas gudang-gudang, ke atas pengeluar-pengeluar di seluruh negara untuk kita memantau pengeluaran dan juga harga barangan yang ada di dalam stok. Buat masa kini di peringkat kementerian ataupun Bahagian Penguatkuasaan di peringkat negeri dan juga peringkat daerah di mana pemantau-pemantau harga yang berjumlah 2,000 orang sekarang ini di seluruh Malaysia untuk membantu memantau harga barangan. Setiap hari kementerian menerima maklum balas jumlah kawasan-kawasan yang telah diperiksa dan jumlah barangan yang telah disita dan juga jumlah kompaun yang telah kita ambil di dalam penguatkuasaan itu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan juga sedang mengkaji untuk menubuhkan sebuah syarikat milik kerajaan bagi mengendalikan pengedaran barang generik ini agar ia sampai kepada sasaran terutama yang tinggal di kawasan luar bandar dan pendalaman.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan langkah-langkah pemantauan oleh pihak berkuasa ini. Setakat ini apakah keberkesanan langkah-langkah yang telah dijalankan oleh penguat kuasa ini kerana saya difahamkan banyak beras 15% yang sampai pada awal pagi tetapi pukul 10 pagi sudah tidak ada terutama di stesen-stesen minyak dan di kedai-kedai di kawasan bandar. Begitu juga apakah langkah-langkah pemantauan yang dibuat terutama di kawasan luar bandar. Saya difahamkan ada beras jenis ST 15% ini yang di pakej semula untuk dijual daripada harga RM18 kepada RM35 terutama di kawasan-kawasan pendalaman. Jadi, saya ingin bertanya lagi, berapakah penangkapan yang telah dibuat oleh penguat kuasa dan juga yang telah dihadapkan ke mahkamah. Terima kasih.

**Tuan Jelaing anak Mersat:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Osman. Berkaitan dengan pengeluaran beras ST 15% iaitu Super Tempatan 15%, memang pada satu ketika kita menghadapi masalah. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah

pun berbincang dengan agensi BERNAS dan juga melalui *Ministry of Agriculture* ataupun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan selepas itu keadaannya bertambah baik. Begitu juga bagi pemantauan di luar bandar, kita menempatkan pemantau-pemantau harga kita yang terdiri daripada graduan-graduan yang dilantik di setiap daerah di seluruh Malaysia untuk memberi laporan kepada pegawai penguat kuasa di pejabat negeri ataupun ibu pejabat supaya tindakan-tindakan yang tertentu boleh diambil untuk memudahkan lagi bekalan barang kepada masyarakat di luar bandar.

Berkenaan dengan jumlah yang telah ditangkap sehingga ke hari ini, saya minta untuk menjawab perkara ini secara bertulis oleh kerana saya tidak ada cukup maklumat di sini. Okey, ya? Yang Berhormat. Terima kasih.

Saya sambung semula mengenai dengan penubuhan satu syarikat milik kerajaan yang hendak ditubuhkan bagi pengedaran barangan generik. Ini adalah kerana didapati barangan perlu bersubsidi sedia ada tidak diedarkan secara seimbang yang mana pengendalian syarikat milik kerajaan tersebut - beberapa pusat pengedaran akan diwujudkan di daerah-daerah terpilih dan barangan generik akan diedarkan secara terus atau melalui saluran pengedaran seperti pasar raya tempatan, kedai-kedai runcit, kedai-kedai koperasi, rangkaian FELDA D'Mart dan rangkaian kedai PERNAMA di seluruh negara.

Izinkan saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chew Yun Ming mengenai usaha kerajaan di dalam meningkatkan kemudahan pengangkutan seperti kereta api untuk mengangkut bahan makanan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian mengambil perhatian berhubung kecekapan pengedaran terutama pengedaran barang-barang makanan ke kawasan-kawasan yang memerlukan seperti luar bandar dan dalaman bagi memastikan pengedaran barangan makanan tidak menerima kesan negatif ke atas kenaikan kos pengangkutan berikutan kenaikan harga diesel dan petrol. Kerajaan telah memberikan sumbangan subsidi kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan agar kos pengangkutan tidak dinaikkan secara mendadak di samping menjamin kenaikan harga barangan makanan yang tidak ketara.

Kerajaan menyedari dan mempunyai sistem pengedaran yang efisien dan efektif. Matlamat untuk menyampaikan barangan makanan dengan harga yang berpatutan kepada golongan sasaran di kawasan seperti luar bandar serta pendalaman akan lebih tercapai ke arah usaha untuk membantu mengurangkan beban kenaikan harga barangan kepada rakyat.

Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Vijayarajam ada memaklumkan kepada Dewan ini mengenai aduan pemilik-pemilik lori dan teksi mengenai kesukaran mendapat subsidi diesel. Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, kerajaan telah melaksanakan sistem *fleet card* sejak 1 Mac 2006 iaitu selepas kerajaan menaikkan harga runcit petroleum sebanyak 30 sen pada 28 Februari 2006. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebanyak 20 jenis kenderaan telah disenaraikan untuk diberikan kemudahan *fleet card* bagi menikmati harga



bersubsidi yang lebih rendah iaitu RM1.43 seliter berbanding harga runcit semasa di stesen minyak adalah RM2.58 seliter. Lori dan teksi merupakan antara jenis kenderaan yang diberikan kemudahan ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kementerian sedang memberikan *fleet card* ini kepada pemilik-pemilik kereta, lori dan teksi. Oleh kerana jumlahnya begitu banyak maka ia mengambil masa yang lama dan prosesnya masih sedang berjalan.

Cadangan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz Md. Nawawi berkenaan penerapan minat terhadap harta intelek dimulakan di peringkat sekolah untuk menerapkan minat pelajar sekolah terhadap penyampaian rekaan baru dan seterusnya meningkatkan harta intelek negara sebenarnya telah pun dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat pada tahun ini semasa Hari Intelek Malaysia telah diadakan program-program kesedaran berkaitan harta intelek seperti pertandingan reka cipta, pertandingan menulis esei dan seminar sistem perlindungan harta intelek bagi pelajar sekolah di peringkat sekolah rendah dan menengah mahupun di peringkat kolej dan universiti dalam usaha menerapkan budaya menghargai nilai harta intelek dan juga meningkatkan minat serta usaha pelajar-pelajar mereka cipta serta menghasilkan inovasi baru sebagai penjana ekonomi masa hadapan.

#### ■1500

Pengambilan bahagian pada masa itu Yang Berhormat, adalah daripada seluruh negeri di Malaysia. Ada yang dari Sabah dan ada juga dari Sarawak. Sama-sama mengambil bahagian dan pelbagai sekolah telah pun diberi hadiah bagi yang mendapat tempat pertama dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa isu kenaikan harga minyak dan barangan merupakan masalah ekonomi dunia yang tidak dapat dibendung berikutan faktor kenaikan harga bahan komoditi. Penawaran dan permintaan barang serta manipulasi pasaran, sekiranya faktor-faktor ini tidak dapat dikawal maka krisis kenaikan harga dunia ini akan berpanjangan. Sehubungan itu di samping bantuan subsidi yang disalurkan oleh kerajaan, kementerian sentiasa berusaha untuk membantu rakyat melalui pendidikan kepenggunaan agar rakyat dapat menangani kesan ekonomi global dan membantu membendung isu kenaikan harga barangan.

Baru-baru ini, pada minggu lepas untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya menghadiri satu mesyuarat yang diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk membincangkan bagaimana cara memberi subsidi kepada pengusaha-pengusaha bot panjang ataupun *long boat* di sebelah hulu sungai di Sarawak dan juga untuk memberi bantuan kepada rumah-rumah panjang ataupun kampung-kampung yang mempunyai *generator set* untuk mereka mendapatkan elektrik.

Pada 25 hari bulan ini, Jawatankuasa Teknikal mereka akan bersidang buat kali pertama dengan harapan bahawa selepas mekanisme-mekanismenya diatur oleh Jawatankuasa Teknikal

ini, maka seluruh rakyat sama ada di luar bandar di Sabah, Sarawak dan di Semenanjung mendapat subsidi yang dirancang oleh kerajaan.

Dengan itu juga saya menjawab komen ataupun cadangan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi idea-idea bernas dalam perbahasan *Midterm Review* Rancangan Malaysia Kesembilan, kementerian mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana keprihatinan kita dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh negara pada masa sekarang ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

**3.03 ptg.**

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara kerana mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sukacita untuk saya menjawab saranan dan pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang berkaitan penggunaan prasarana asas dan utiliti luar bandar, pembasmian kemiskinan, penggunaan tanah dan isu Orang Asli serta pembangunan masyarakat umumnya.

Kementerian ini mengalu-alukan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini. Sememangnya ini memperlihatkan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat turut sama menggembeng usaha dalam memajukan entiti luar bandar meliputi pembangunan masyarakat kawasan serta usaha peningkatan taraf hidup keseluruhannya.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita kementerian memaklumkan bahawa kementerian sentiasa berusaha untuk melaksanakan projek-projek pembangunan prasarana asas di luar bandar di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Mengenai persoalan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap, mengenai pembangunan dalam kawasan 30 kilometer radius dari pekan ataupun bandar, kementerian sememangnya akan memberi tumpuan untuk membangunkan kawasan liputan 30 kilometer radius berpusat kepada bandar atau pekan-pekan kecil di kawasan luar bandar dengan prasarana asas luar bandar seperti bekalan air, bekalan elektrik, projek jalan dan kemudahan imuniti sosial.

Yang Berhormat juga ada menyatakan bahawa JKR memaklumkan terdapat sekitar 10,000 kilometer jalan di Sabah yang perlu diasfalt serta memohon pihak kerajaan supaya menambah peruntukan untuk mengasfalt jalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM2,501.19 juta diluluskan bagi program jalan luar bandar di negara kita. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM527.25 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan 73 projek jalan luar bandar Negeri Sabah yang melibatkan pembinaan jalan sepanjang 628.47 kilometer. Kementerian ini sedar bahawa peruntukan yang diagihkan tidak mencukupi untuk mengasfalt keseluruhan jalan di Negeri Sabah. Namun pelaksanaan projek perlu dibuat secara berperingkat dan berdasarkan kepada keupayaan kewangan kerajaan. Sesungguhnya kementerian ini sentiasa berusaha untuk mendapatkan peruntukan tambahan daripada kerajaan bagi memastikan penduduk di luar bandar terutamanya di Negeri Sabah dapat menikmati kemudahan infrastruktur yang sempurna.

Sebagai respons kepada makluman Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin yang memperkatakan tentang masalah bekalan air dan elektrik di Sabah dan di Sarawak, sukacita kementerian memaklumkan bahawa kementerian ini sentiasa berusaha untuk melaksanakan projek-projek pembangunan prasarana luar bandar seperti bekalan air dan elektrik di Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri lain di Semenanjung.

Walau bagaimanapun dengan keupayaan kewangan kerajaan yang terhad, pelaksanaan projek-projek pembangunan tersebut perlu dibuat secara berperingkat-peringkat bagi memastikan kemudahan infrastruktur, utiliti, bekalan elektrik dan air disediakan bagi memberi manfaat yang optimum kepada pengguna. Sebagai pecahan peruntukan, untuk air - Negeri Sabah diperuntukkan RM387.92 juta untuk RMK-9 ini manakala Negeri Sarawak RM347 juta. Bagi bekalan elektrik Negeri Sabah, kita dapat menambahkan peruntukan tambahan sebanyak RM486.25 juta dan RM432.56 juta tambahan untuk Negeri Sarawak.

Pembasmian kemiskinan – menyentuh isu kemiskinan, Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin ada bertanya mengenai bilangan ketua isi rumah miskin tegar. Untuk makluman, bilangan KIR ataupun ketua isi rumah miskin tegar produktif ini dibahagikan kepada tiga kategori, yang produktif, yang tidak produktif dan OKU. Tidak produktif ini adalah orang tua yang sudah tua dan tidak dapat lagi melibatkan diri di dalam aktiviti ekonomi. OKU ini jelas ialah orang kurang upaya. Untuk makluman, bilangan KIR miskin tegar produktif sehingga 30 Jun tahun ini adalah berjumlah 37,748 KIR, *household*.

■1510

Ini tidak termasuk Orang Asli. Orang Asli 9,003 orang KIR. Jadi jumlahnya kalau termasuk KIR Orang Asli ialah 46,740 orang.

Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin pula mengemukakan persoalan. Bagaimanakah cara untuk mengeluarkan masyarakat luar bandar daripada belunggu kemiskinan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin tidak payah mengulangi apa yang saya sebut pagi tadi semasa menjawab soalan nombor 4. Sebab penggulungan ini kandungannya sama juga dengan itu. Cuma saya hendak tambah maklumat di sini. Untuk KIR yang dikategorikan di dalam tidak produktif dengan OKU.

KKLW ini kementerian kita tidak memberi khidmat kepada kumpulan ini kerana itu adalah di bawah Jabatan Kebajikan dan bukan di bawah KKLW.

Pendidikan dan pembangunan masyarakat ataupun KEMAS. Tuan Yang di-Pertua mengenai cadangan Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui supaya latihan prasekolah formal yang perlu diberikan kepada pendidik untuk meningkatkan peranan guru tabika. Kementerian mengucapkan terima kasih di atas cadangan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Kemajuan Masyarakat ataupun KEMAS sentiasa berusaha untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru tabika. Latihan prasekolah formal ini dilaksanakan dengan menghantar guru-guru tabika KEMAS mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia, di Institut Perguruan Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Program penghantaran ini mempunyai objektif iaitu untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru tabika KEMAS dengan program latihan dalam bidang pendidikan pra-sekolah bertaraf diploma yang diiktiraf sama ada melalui Institut Perguruan, Kementerian Pelajaran Malaysia ataupun Institut Pengajian Tinggi yang menawarkan program tersebut.

Yang kedua, untuk membangunkan sumber manusia dari kalangan guru-guru tabika ataupun anggota KEMAS dengan kelayakan akademik yang lebih baik dan menyediakan peluang pembangunan kerjaya.

Pembangunan tanah dan isu Orang Asli. Merujuk cadangan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin supaya pemberian tanah di luar bandar Sabah dan Sarawak serta Orang Asli diberikan secara geran. Kementerian ini ingin memaklumkan Yang Berhormat kuasa untuk pemberian tanah di luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak serta Orang Asli secara geran adalah tertakluk kepada kerajaan negeri. Bagi cadangan pemberi milikan tanah kepada Orang Asli di Semenanjung, kerajaan sedang menyediakan kertas dasar pemberi milikan dan pembangunan tanah kepada Orang Asli.

Melalui cadangan ini masyarakat Orang Asli dijangka akan menerima hak milik tanah meliputi tanah pertanian, dusun dan tapak kediaman. Walau bagaimanapun, masyarakat Orang Asli boleh dari semasa ke semasa mohon mana-mana tanah di luar kawasan penempatan Orang Asli seperti mana masyarakat yang lain bagi tujuan pemilikan tanah di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Manakala bagi penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak khususnya masyarakat peribumi ia adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Mengenai pertanyaan daripada Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, mengenai golongan isi rumah miskin tegar Orang Asli yang dianggarkan seramai 1,050 orang. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sehingga Disember 2007 jumlah miskin tegar di kalangan masyarakat Orang Asli adalah seramai 9,003 ketua isi rumah ataupun KIR dengan perkiraan seramai lebih kurang lima orang satu keluarga. Jumlah ahli isi rumah yang berada dalam kategori miskin tegar ialah seramai 45,015 orang.

Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Jawapan kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan diharap kerjasama yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ke atas usaha untuk membangunkan masyarakat luar bandar dan membasmi kemiskinan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**3.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan II [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan di Dewan yang mulia ini.

Perumahan untuk memenuhi keperluan rakyat merupakan tumpuan utama kerajaan bagi meningkatkan kualiti hidup sejajar dengan pertumbuhan ekonomi negara. Pembangunan perumahan akan memberi tumpuan kepada penyediaan rumah yang mencukupi, selesa, mampu dibeli atau disewa dan berkualiti kepada semua lapisan masyarakat terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Lokasi pembinaan rumah mampu milik yang tidak sesuai. KPKT mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin mengenai rumah-rumah pangsa dan rumah-rumah rakyat yang dibina di lokasi yang tidak sesuai. Saya ingin memaklumkan bahawa dalam konteks program perumahan rakyat atau PPR, penentuan tapak atau lokasi sesuatu projek dibuat melalui kerjasama di antara pihak kementerian dengan kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan atau PBT, yang berkaitan. Penentuan sesuatu lokasi dibuat berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan dan antara kriteria yang diambil kira dalam merancang sesuatu projek PPR ialah tapak cadangan terletak berhampiran dengan kemudahan-kemudahan awam seperti jalan utama, taman permainan, surau, sekolah dan sebagainya. Ini bagi memastikan kos pembinaan sesuatu projek PPR tidak terlalu tinggi atau menjadi tidak berdaya maju.

Walau bagaimanapun, oleh kerana urusan tanah adalah di bawah bidang kerajaan negeri maka urusan pemilihan tapak-tapak tersebut adalah diputuskan oleh kerajaan negeri. Sememangnya menjadi hasrat kerajaan Pusat untuk membina rumah-rumah tersebut paling hampir dengan kumpulan sasaran sesuatu projek berkenaan, namun kesukaran mendapatkan tanah-tanah kerajaan yang benar-benar sesuai menyebabkan sesuatu projek terpaksa dibina di lokasi yang lebih jauh dan keadaan tersebut tidak dapat dielakkan.

Dalam melaksanakan projek-projek baru PPR pula. Kemudahan-kemudahan awam seperti taman permainan dan surau telah turut dibina atau sekurang-kurangnya tapak

kemudahan tersebut disediakan bagi memudahkan agensi-agensi lain yang berkenaan untuk menyedia atau membina kemudahan awam yang diperlukan.

Perumahan untuk golongan miskin di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui mencadangkan supaya rumah kos rendah dibina di Sarawak agar golongan rakyat miskin dan berpendapatan rendah di Sarawak turut mendapat bantuan perumahan yang sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebanyak dua projek perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk dilaksanakan di negeri Sarawak. Projek-projek tersebut ialah Projek PPR Seduan di Sibu dan Projek PPR Temena di Bintulu.

Rumah mampu milik - Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Maijol bin Mahap mencadangkan supaya kerajaan memberi pertimbangan untuk menyediakan perumahan secara percuma kepada golongan yang tidak mampu membeli atau menyewa rumah kos rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa kementerian dan agensi kerajaan yang terlibat dalam penyediaan kemudahan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah. Antara pihak yang terlibat adalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Syarikat Perumahan Negara Berhad atau SPNB dan kerajaan-kerajaan negeri.

Skim Rumah Mesra Rakyat dan rumah mampu milik adalah projek yang dilaksanakan oleh SPNB. Manakala KPKT adalah agensi pelaksana program perumahan rakyat untuk dimiliki dan disewa oleh golongan setinggan dan berpendapatan rendah. Antara kriteria yang diambil kira dalam penawaran PPR kepada golongan sasaran adalah pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500 sebulan. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan berkeluarga.

#### ■1520

KPKT mempunyai program khusus untuk membantu golongan miskin dan miskin tegar melalui Program Pembasmian Kemiskinan Bandar. Bagi mereka yang tidak mampu untuk membeli atau menyewa rumah kos rendah, mereka ini dianggap sebagai golongan miskin dan miskin tegar, dan layak membuat permohonan untuk mendapat bantuan sewa rumah di bawah program tersebut.

Perumahan untuk golongan miskin bandar. Tuan Yang di-Pertua mengenai cadangan Yang Berhormat senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati, supaya kerajaan mengenal pasti golongan keluarga miskin dan miskin tegar, terutama di bandar dan seterusnya menyediakan rumah kepada golongan yang benar-benar memerlukan, KPKT ingin memaklumkan bahawa kaedah untuk mengenal pasti golongan miskin dan miskin tegar dilaksanakan melalui bancian yang dibuat oleh Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan, ICU di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Perangkaan pada awal tahun 2008 dan pada masa ini, analisis terhadap bancian tersebut sedang dilaksanakan.

Selain dari itu, KPKT juga telah melaksanakan kaedah pendaftaran terbuka bagi membolehkan golongan miskin yang tidak dibanci pada tahun 2005 turut mendaftar. Maklumat-maklumat yang diperoleh melalui bancian oleh pihak ICU, dan pendaftaran terbuka yang dilaksanakan oleh KPKT tersebut akan dijadikan asas untuk kerajaan menyalurkan pelbagai bantuan termasuk bantuan sewa rumah dan lain-lain bantuan dalam Program Pembasmian Kemiskinan Bandar.

Isu projek terbengkalai. Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu projek terbengkalai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook, KPKT ingin maklumkan bahawa maklumat mengenai projek perumahan terbengkalai yang diberikan pada bulan Mei 2008, adalah merupakan maklumat selaras dengan bidang kuasa KPKT, di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996, Akta 188. Dari tahun 1990 hingga 2007, terdapat 270 projek perumahan terbengkalai membabitkan 88,799 unit rumah dan nilai jualan sebanyak RM8.457 bilion.

Daripada jumlah tersebut, 118 jumlah projek telah siap dengan Sijil Layak Menduduki yang membabitkan 31,589 unit rumah dan nilai jualan RM2.701 bilion, 23 projek sedang dipulihkan membabitkan 15,574 unit rumah dan nilai jualan RM1.037 bilion, dan baki 129 projek, masih terbengkalai membabitkan 43,606 unit rumah dan nilai jualan RM4.717 bilion.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, KPKT pada masa ini sememangnya memainkan peranan utama sebagai pemudah cara atau fasilitator untuk menyelaras usaha-usaha pemulihan dan rundingan dengan semua pihak berkepentingan seperti pembeli rumah, pembiaya, tuan tanah dan pemaju dengan tujuan mencari kaedah terbaik untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai.

Sungguhpun begitu, usaha pemulihan projek terbengkalai adalah proses yang rumit, kompleks, dan memakan masa kerana ianya melibatkan banyak isu perundangan, kewangan dan teknikal, melibatkan pelbagai pihak berkepentingan. KPKT mengambil maklum dan akan mengkaji cadangan Ahli Yang Berhormat supaya satu mekanisme diwujudkan bagi membantu dan memulihkan projek perumahan terbengkalai memandangkan kerajaan sentiasa mencari jalan penyelesaian yang terbaik untuk mengatasi masalah ini.

Isu pemaju tidak mematuhi keputusan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah membuat pengumuman bahawa pembeli-pembeli rumah khususnya pegawai kerajaan yang terlibat dalam rumah terbengkalai..., untuk meredakan keadaan, golongan ini buat sementara, tidak perlu membayar ansuran bulanan. Dalam kaca TV, / tengok. Syabas, syabas dan tahniah! Pertama kali, begitu lama perkara dan golongan ini yang

tidak diberi perhatian yang sewajarnya, muncullah Yang Berhormat Timbalan Menteri baru, tiga bulan sahaja dapat sedikit sebanyak meredakan keadaan ini.

Saya nak pohon, minta penjelasan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan terus mencari satu kaedah di mana bukan sahaja pegawai kerajaan, tetapi pembeli-pembeli yang tidak berdosa itu seperti, sudah jatuh, ditimpa lagi tangga. Jadi, apakah ada kemungkinannya, berbincang dengan bank..., bank ini tahulah, macam cetilah. Masuk wang, tak boleh keluar wang. Jadi, syabaslah, syabas yang begitu lama itu, telah mengambil satu pendekatan dan dasar yang begitu efektif. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Gooi. Saya ucapkan terima kasihlah kerana keprihatinan Yang Berhormat Senator tentang..., apa tindakan yang telah pun diambil oleh, bukan hanya saya, tetapi kementerian keseluruhannya, untuk menentukan bahawa pembeli-pembeli yang mengambil pinjaman daripada kerajaan, supaya jika projek-projek atau perumahan itu terbengkalai, kita meminta supaya kerajaan menanggungkan pembayaran sehinggalah projek itu disiapkan.

Bagi pembeli-pembeli yang mengambil pinjaman daripada bank, saya nak beritahu Yang Berhormat Senator dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, bank mempunyai polisi-polisi yang tertentu di antara satu bank dengan bank-bank yang lain. Maka terpaksa kita mengambil satu masa yang agak panjang untuk menentukan bahawa polisinya sama, dan adil kepada semua pembeli-pembeli. Insya-Allahlah, saya merasakan dengan keprihatinan kerajaan, kita akan sentiasa berbincang dengan bank-bank yang terlibat dan insya-Allah, saya rasa ianya akan mencapai satu persetujuan yang agak boleh dibanggakan, bukan hanya kepada pihak kerajaan, tetapi pihak pembeli dan juga yang mengeluarkan pinjaman...

**Puan Hajah Mumtaz Md Naw:** Saya pohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Puan Mumtaz.

**Puan Hajah Mumtaz Md Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan, kalau tadi, alhamdulillah, Timbalan Menteri kita berjaya menyelesaikan masalah rumah terbengkalai yang melibatkan pinjaman kerajaan, bagaimana pula dengan orang individu yang membuat perjanjian dengan pihak kontraktor juga secara individu, tanpa memasukkankan *variation of price* dalam terma *agreement* mereka, bila mana berlaku kenaikan harga yang begini mendadak, adakah pihak kerajaan bersedia untuk menyediakan satu skim bagi mengelakkan banyak kes-kes yang akan dibawa ke mahkamah khususnya berhubung dengan saman terhadap kontraktor kerana gagal untuk menyediakan rumah sebagai mana spesifikasi, kerana mereka ini tidak boleh mendakwa kerana tidak ada dalam *agreement* yang asal. Jadi, pihak kontraktor tidak mempunyai apa-apa *defense*. Jadi adakah pihak kerajaan untuk menyediakan skim bagi membantu kes-kes sebegini khususnya yang terlibat dalam tahun 2008 ini. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Mumtaz yang bertanyakan soalan ini. Saya nak beritahu bahawa perumahan adalah merupakan satu



industri yang agak besar tetapi jika sekiranya terdapat orang-orang individu yang telah melantik kontraktor-kontraktor untuk mendirikan rumah mereka masing-masing, atau membangunkan rumah mereka masing-masing, ini tidak terlibat langsung dengan mana-mana pihak. Itu adalah di antara orang-orang individu dan kontraktor yang terlibat.

Walau bagaimanapun, dalam masa keadaan yang terdekat ini, kita merasakan ada peluang-peluang lain di mana kontraktor-kontraktor itu boleh mencari penyelesaiannya dengan mengimport barang-barang daripada luar negara jika sekiranya mereka merasakan mampu untuk mengambil barang-barang daripada luar negara yang agak lebih murah jika mereka merasakan ianya boleh dibuat.

Jadi itu yang boleh kerajaan bantu buat masa ini, terima kasih. Boleh saya teruskan?

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, saya cuma nak tanya satu soalan, Yang Berhormat. Dengan kenaikan harga barang yang begitu tunggu, Yang Berhormat, jadi apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan projek-projek yang telah pun mungkin 30% siap atau pun 40% siap, tidak terbengkalai disebabkan oleh kenaikan harga barang yang begitu mendadak, yang mungkin merugikan pemaju-maju perumahan. Jadi, apakah langkah-langkah yang perlu kementerian ambil untuk memastikan ini tidak berlaku.

■ 1530

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Dato' Omar yang menanyakan soalan ini. Saya hendak bagi tahu bahawa kalau sekiranya rumah-rumah tersebut sudah pun ada *sale and purchase agreement* dengan izin, maka sudah tentulah pihak pemaju harus atau wajib untuk menyiapkan rumah-rumah yang telah pun mereka jual.

Walau bagaimanapun, dalam keadaan hari ini di mana harga-harga barang naik begitu tinggi sekali, saya ataupun melalui kementerian ini, kita sanggup untuk menjadi *mediator* seperti yang saya bagi tahu seperti tadi supaya pembeli dan juga pemaju dapat berbincang bersama supaya projek-projek itu dapat diteruskan atau kalau boleh pemaju-pemaju untuk membeli semula rumah-rumah yang telah pun mereka jual kepada pembeli-pembeli. Ini adalah rasanya satu mekanisme yang agak boleh menyelamatkan daripada kerugian di mana-mana pihak.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Bolehkah minta laluan? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kalau sekiranya pemaju dia tidak boleh tunaikan janjinya dan tidak mampu hendak bayar balik kepada pembeli, apa yang kita boleh buat? Oleh kerana ini sudah berlaku di Johor Bahru, memang ada kes seperti ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Boleh soal semula Yang Berhormat? Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh ulang Yang Berhormat?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ulang semula.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Maksud saya, kalau ada pemaju yang tidak sanggup tunaikan janji dan siapkan projek dia dan juga tidak mampu hendak bayar balik kepada pembeli rumah, apakah kita boleh buat untuk tolong mereka?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bagi tahu, kalau seseorang itu ingin menjadi pemaju dalam negara ini, beliau harus mengikut akta-akta atau undang-undang yang ada di negara ini. Maka sudah tentulah sebelum beliau menjadi pemaju, sepatutnya seseorang itu harus melihat sama ada dia mempunyai *cash flow* yang cukup ataupun dia mampu untuk menyiapkan projek-projek yang ada. Kalau mereka ini tidak mampu, sepatutnya mereka ini tidak menjadi pemaju yang boleh menyebabkan pembeli-pembeli nanti kerugian.

Akan tetapi kalau soalnya itu adalah oleh kerana harga yang begitu mendadak naiknya, maka itu harus dibincangkan di antara pembeli dan juga pemaju tersebut. Kerana dalam keadaan hari ini, saya merasakan bahawa pembeli juga boleh berbincang kerana mereka juga sedar bahawa bukan hanya pemaju yang akan rugi, tetapi mereka juga akan rugi kalau mereka tidak boleh dapat berbincang untuk menyelesaikan masalah ini.

Jadi ini tidak timbul kerana kerajaan sebenarnya hanya mahu melihat supaya dalam industri perumahan ini, kedua-dua pihak sama ada pemaju atau pembeli itu adalah merupakan mereka yang sentiasa dibela dari segi perundangan yang ada di bawah KPKT ini.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Boleh saya jelaskan sedikit? Dalam kes yang saya sebut ini, masalah ini timbul bukan kerana kenaikan harga baru-baru ini. Akan tetapi ada masalah lain yang serius dan berlaku kepada pemaju, sehingga pemaju sekarang macam mana pun memang tidak boleh siapkan projek. Ada yang sudah bayar 10% dan dia janji akan bayar balik tetapi tidak sanggup. Ada yang bayar separuh dan projek itu terbengkalai. Jadi dia sudah timbulkan masalah kepada wakil rakyat di kawasan situ. Hendak bantu pun tidak boleh. Saya percaya pembeli tidak boleh bantu, misalnya kalau sanggup hendak naikkan sedikit harga rumah. Itu tidak berguna.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ini adalah satu kes yang agak *remote* di mana jarang berlaku. Walau bagaimanapun, kita tidak tahu yang sebenarnya apa perkara ini yang sebenarnya berlaku. Mungkin ada penipuan di situ ataupun mungkin benar-benar oleh kerana pemaju tidak lagi sanggup untuk meneruskan projek mereka.

Jadi di situ sebenarnya Yang Berhormat saya minta supaya dapat mengkaji semula projek itu bagaimana dan menulis surat kepada kementerian ini untuk kita melihat dan mengkaji bagaimana untuk cara kita menyelesaikan masalah bagi kedua-dua pihak. Boleh saya teruskan?

**Dato' Wong Siong Hwee:** Yang Berhormat minta laluan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Boleh saya minta laluan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dua Yang Berhormat lagi. Yang Berhormat hendak bagi kedua-dua?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Boleh kedua-dua.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Jadi sebelum pemaju itu untuk meneruskan projek dia, untuk mendirikan rumah untuk dijual, mereka terpaksa mendapatkan lesen pemaju daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Begitu juga mereka terpaksa membayar wang cagaran sebanyak RM200,000. Selepas mereka dapat lesen tersebut, maka barulah mereka dapat menjual rumah yang mereka akan dibina. Sebab itu mereka kutip 50% atau 10% dan sebagainya untuk deposit. Jadi mereka telah membayar wang cagaran kepada kementerian dan kementerian telah membuat siasatan dan sebagainya, dengan penyata-penyata bank dan sebagainya.

Jadi saya ingin tahu, adakah selepas mereka menjalankan pembinaan rumah tersebut, selepas itu mereka tidak mampu, selepas mereka mendapatkan deposit daripada pembeli. Adakah kementerian bertanggungjawab? Maksud saya bertanggungjawab sebab kementerian serta pemaju tersebut telah membayar sebanyak RM200,000 cagaran. Adakah kementerian bertanggungjawab? Selepas itu kalaulah projek tersebut terbengkalai. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berasa bangga tadi apabila timbalan menteri mengatakan kementerian boleh jadi *mediator* kepada pemaju-pemaju perumahan yang swasta atau yang apa-apa pun tidak apalah.

Cuma saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, apabila koperasi menubuhkan anak syarikat untuk memajukan sesuatu kawasan perumahan, kebelakangan ini banyak yang terbengkalai. Ada yang sudah siap 60%, potongan bank pun telah berjalan, hutang kerajaan pun telah berjalan, tetapi anak syarikat telah *wine up* oleh pihak koperasi oleh kerana masalah dengan pemaju. Adakah pihak kementerian boleh juga *mediate* dalam perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Majjol bin Mahap:** Boleh mohon laluan juga?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Silakan.

**Tuan Majjol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau ada masalah di antara pemaju dan pembeli rumah tersebut kementerian tadi telah mengatakan bahawa mereka sanggup menjadi *mediator* orang tengah iaitu baik sekali.

Akan tetapi apabila kalau kementerian tidak berjaya menjadi *mediator*, di sesetengah negeri di Malaysia ini mereka mempunyai sebuah tribunal yang ditubuhkan khas untuk menyelesaikan masalah-masalah seperti ini. Biasanya tribunal ini dipengerusikan oleh seorang pengerusi boleh berjaya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah. Apa yang saya nampak, satu lagi cara mereka untuk menyelesaikan kalau tidak ada cara lain ialah untuk melaksanakan terma-terma dalam *sales purchase agreement* yang mengandungi syarat-syarat dan juga hak-hak pembeli kalau pemaju itu gagal untuk meneruskan pembinaan itu.

Jadi dalam SNP itu sudah termaktub hak-hak pengguna yang boleh dilaksanakan kalau pemaju itu gagal untuk menepati janji di bawah SNP itu tersebut. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula saya hendak menjawab atas pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Wong Siong Hwee tentang apakah akta yang boleh kita gunakan apabila sesuatu projek itu terbengkalai apabila KPKT telah mengeluarkan lesen yang ada. Saya hendak bagi tahu bahawa KPKT telah pun melalui Akta Pemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1996 Akta 118.

■1540

Benar, kita telah pun memberikan lesen-lesen jika ada pemaju-pemaju yang ingin memajukan tanah-tanah dalam industri perumahan. Yang kita buat adalah hanya membenarkan mereka, melesenkan mereka untuk buat pengiklanan. Sekiranya mereka sudah pun bagi deposit dan mengikut kriteria-kriteria untuk mendapatkan lesen-lesen tersebut, maka mereka boleh meneruskan projek itu dan sekiranya projek-projek tersebut terbengkalai, itu adalah masalah pemaju dan pembeli seperti yang saya sebut tadi.

Saya hendak beritahu yang sebenarnya, industri perumahan ini adalah sesuatu industri di mana sesiapa sahaja di dalam negara kita ini, jika merasakan mereka mampu untuk menjadi pemaju dan cukup dengan keadaan kewangan yang ada, maka mereka boleh mengambil lesen daripada kerajaan dan terpaksa mengikut peraturan-peraturan yang ada di dalam lesen tersebut. Seperti terpaksa menghantar kemajuan projek sekurang-kurangnya dua kali dalam setahun dan beberapa lagi peraturan-peraturan yang ada mengikut perundangan yang telah pun diluluskan di dalam Dewan ini.

Maka sebab itulah jika terdapat beberapa projek yang terbengkalai, kita terpaksa sebagai kerajaan yang benar-benar prihatin untuk menentukan semua masalah dapat diselesaikan, kita pada mulanya mengambil jalan tengah supaya menjadi *mediator*. Kemudian seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Majjol bin Mahap tadi, bahawa kita akan minta supaya mereka ini membawa jika sekiranya kita tidak dapat menyelesaikan masalah di antara pemaju dan pembeli, maka pembeli boleh menuntut mengikut apa Yang Berhormat Senator kata tadi melalui Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah. Mereka boleh menuntut di situ dengan perundangan yang ada dan mengikut seksyen 16AD, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) tadi. Maka itulah cara-cara yang boleh pembeli menggunakan di atas apa sahaja yang ada melalui *agreement* atau *sale and purchase agreement* di antara pembeli dan pemaju.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah yang mengatakan, jika terdapat anak-anak syarikat yang *wind-up* ini, saya hendak beritahu Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah, kalau sudah ada syarikat-syarikat yang telah pun tutup dan pembeli-pembeli tidak lagi boleh menuntut dari mana-mana pihak, maka mereka boleh dengan undang-undang yang ada dalam negara kita, bukan hanya setakat undang-undang yang dikeluarkan oleh Kementerian

Perumahan dan Kerajaan Tempatan, mereka boleh mengambil undang-undang yang lain yang ada dalam negara kita keseluruhannya.

Cuma sebelum mereka mengambil itu, seperti yang kita sebut tadi kita boleh mengikut undang-undang, daripada satu undang-undang kepada satu undang-undang yang lain. Jadi dalam kes kalau syarikat-syarikat itu sudah pun *wind-up*, mereka boleh, pertama, minta supaya ada *liquidator* masuk melihat apakah yang ada lagi, aset yang ada lagi. Dan seterusnya *creditors* yang ada dalam syarikat itu menuntut apa lagi aset yang ada. Seterusnya berbincang dengan pembeli-pembeli yang ada, bagaimana untuk menyelesaikan projek keseluruhannya.

Selalunya ada lagi, *once and a while* yang akan datang sekiranya projek itu masih lagi *viable* untuk diteruskan. Ini adalah cara-cara yang selalunya dibuat dan kementerian seperti yang saya kata tadi, sebagai *mediator* akan sentiasa melihat supaya sesuatu perbincangan itu adalah adil bagi kedua-duanya sama ada tuan punya tanah, pemaju dan pembeli-pembeli supaya akhirnya nanti pembeli juga dapat rumah dan pemaju tidak rugi, manakala tuan tanah juga akhirnya mendapat keuntungan seperti yang dijangkakan. Itu adalah cara-cara ..

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Saya minta sedikit lagi penjelasan Yang Berhormat. Oleh sebab ini adalah anak syarikat yang ditubuhkan oleh koperasi dan koperasi adalah ahlinya ramai. So, apabila ditubuhkan dengan persetujuan ahli-ahli koperasi dan anak syarikat itu ditubuhkan, dan selepas itu oleh sebab masalah di antara syarikat dengan koperasi, maka syarikat itu telah pun *wind up*. Bagaimana pihak kementerian Yang Berhormat ni, boleh tak *mediate* untuk hendak kita selesaikan cara macam mana sebab ia melibatkan ahli-ahli koperasi ini.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kalau saya hendak jelaskan ini ia mengambil masa bagaimana cara-cara peraturan untuk kita tentukan. Saya minta supaya Yang Berhormat Senator Dato' Saripah untuk menghantar surat kepada saya dan kita akan berbincang bersama, bagaimana untuk membantu mereka menyelesaikan masalah ini. Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tan Sri Datuk (Dr.) Jins bangun.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi seperti rumah terbengkalai dan juga kerugian kepada pembeli-pembeli ini, tidakkah kementerian berhasrat untuk meneruskan sistem siap dan jual. Jadi masalah ini tidak timbul. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins tadi. Memang inilah satu-satunya yang kita hendak buat, kerajaan minta supaya kalau boleh pemaju-pemaju buat satu sistem siap dan jual. Akan tetapi saya ingin maklumkan bahawa bila kita nak buat satu sistem siap dan jual bermakna pemaju mesti mempunyai jumlah kewangan yang besar, yang cukup.

Jadi ini kadangkala menyebabkan pemaju-pemaju tidak ingin membuat dengan sistem siap dan jual. Maka sebab itu kerajaan juga ingin memberi insentif-insentif, beberapa insentif kepada pemaju-pemaju yang ingin membuat mengikut sistem siap dan jual dan kerajaan akan melihat lagi, apakah cara-cara atau insentif-insentif yang boleh kita berikan kepada pemaju-pemaju yang ingin membuat mengikut sistem siap dan jual. Dan insya-Allah inilah caranya untuk masa depan supaya kita juga dapat melihat agar tidak ada lagi projek-projek terbengkalai dalam negara kita ini. Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampaknya semua sudah puas hati.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook juga, apabila didapati pemaju gagal mematuhi award yang dikeluarkan oleh Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah, pembeli selaku pihak penuntut boleh menguatkuasakan sendiri award tersebut di Mahkamah Sivil selaras dengan seksyen 16AC Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 sebagai suatu tuntutan sivil.

Selain itu, pembeli juga boleh membuat aduan kepada KPKT bagi membolehkan tindakan diambil di bawah seksyen 16AD Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 sebagai satu kesalahan jenayah. Di mana sabit kesalahan, pemaju boleh dikenakan tindakan, denda tidak kurang daripada RM5,000 tetapi tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kemiskinan bandar. Tuan Yang di-Pertua, kajian semula paras garis kemiskinan di bandar, Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain mencadangkan agar paras garis kemiskinan atau PGK di bandar dikaji semula dan dinaikkan kepada RM1,000 hingga RM1,500, memandangkan PGK semasa adalah tidak lagi relevan pada kawasan bandar pada masa ini. Itu adalah anggapan kedua-dua Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, PGK adalah merujuk kepada pendapatan yang mencukupi yang membolehkan isi rumah memenuhi keperluan asas dari segi makanan, dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahlinya berfungsi dalam masyarakat. PGK yang diguna pakai sebagai panduan untuk mengenal pasti keluarga miskin dan PGK ini sentiasa dikemaskinikan oleh Unit Perancang Ekonomi dari masa ke semasa berdasarkan kos sara hidup melalui bancian pendapatan isi rumah yang diadakan.

Selain dari itu, kerajaan juga mengguna pakai pendapatan per kapita, di mana jika pendapatan isi rumah miskin adalah melebihi PGK yang ditetapkan, tetapi mempunyai keluarga yang ramai, maka pendapatan per kapita seperti RM185 seorang di Semenanjung dan RM200 seorang di Sabah dan RM190 orang di Sarawak bagi setiap ahli dalam keluarga diguna pakai. Ini menunjukkan bahawa kerajaan sentiasa peka dengan golongan berpendapatan rendah untuk dibantu mengikut kelayakan program-program yang sedang dilaksanakan oleh KPKT.

Tuan Yang di-Pertua, isu rasuah di PBT ...

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, taraf kemiskinan di bandar, kita lihat garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian. Saya tidak tahu bila kajian dibuat, adakah kajian yang dibuat ini sebelum merdeka dulu?... *[Ketawa]* Sebab kalau kita lihat pada hari ini, kalau garis panduan yang diberikan oleh kementerian yang diletakkan pada hari ini sudah tidak *viabile* lagi Tuan Yang di-Pertua.

■ 1550

Kalau kita lihat di bandar, kalau hendak sewa bilik pun sudah RM1,000 atau RM800. Kalau garis panduan ini dipakai, digunakan, saya ingat tidak ada orang di bandar yang layak untuk buat permohonan. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Musa. Saya hendak beritahu, kajian dahulu kalau sebelum merdeka, saya ingat Yang Berhormat Senator makan nasi lemak 1 sen pun cukup. Jadi RM1,000 itu sudah terlampau besar kalau kita buat kajian ketika itu. Sebab itu kajian yang dibuat adalah kajian yang baru. Sekali lagi saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Senator Dato' Musa bahawa PGK adalah merujuk kepada pendapatan yang mencukupi yang membolehkan isi rumah memenuhi keperluan asas dari segi makanan, membolehkan setiap ahlinya berfungsi dalam masyarakat dan bukan hendak sewa rumah RM1,000.

Sebab itu kita ada bantuan-bantuan khas. Kalau mereka ini masuk dalam golongan orang yang termiskin, kita beri bantuan supaya sewa rumah mereka itu kita bayar sebanyak RM124. Sebab itu kita ada program PPR...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** ...Program Perumahan Rakyat di mana apabila kita bina dan kita berikan kepada rakyat yang masuk dalam golongan sasaran ini dan kita berikan bantuan-bantuan yang mencukupi untuk mereka hidup sebagai satu masyarakat dalam negara kita ini. Ya.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat beritahu kata isi rumah RM180 seorang. So sekiranya dia ada tiga orang anak, Yang Berhormat, saya kira RM545 campur dengan emak bapa RM180, RM180, jumlahnya RM905. Kalau di Pulau Pinang, Yang Berhormat, sewa *low cost* sahaja pun sudah RM500. Baki cuma tinggal RM400 dan kalau kita kaji balik petrol yang dia pakai sekarang 30% daripada.... Ini kajian daripada 30% daripada pendapatan dia digunakan untuk petrol. Jadi di mana lagi *balance* yang dia ada yang boleh kita katakan RM900 ini sebagai kadar kemiskinan, Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini, apakah mereka yang mempunyai kereta dan boleh membeli kereta itu dipanggil golongan yang miskin? Kalau mereka itu tidak dipanggil sebagai

golongan yang miskin, maka itu tidak dikira masuk dalam apa yang saya sebutkan tadi, PGK ini. PGK yang kita kira adalah mereka yang kita hendak menjadikan mereka ini boleh hidup dalam masyarakat ini. Bermakna kalau pendapatan tadi RM925 itu sudah diambil kira sebagai per kapita dan saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, ini bermakna mereka layak untuk menerima bantuan daripada kerajaan.

Bantuan yang kita berikan adalah kepada anak-anak mereka jika bersekolah. Kalau anak ini bersekolah di sekolah rendah, kita beri RM30 seorang. Kalau dia ada lagi tiga orang anak bermakna ada tambahan sebanyak RM150 tetapi kalau mereka itu sekolah menengah, kita tambahkan lagi. Kalau ada sakit, kita berikan bantuan. Kalau masuk universiti, kita beri bantuan. Ini bantuan-bantuan yang akan kita bantu selain daripada sewa rumah yang akan kita berikan kepada mereka yang layak memohon dalam bantuan ini.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon mencelah... *[Disampuk]*  
Mohon laluan. Silap, silap, silap... *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, saya ini sebelum saya tanya, sebelum saya cakap, saya ucap tahniahlah, tahniah kepada Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, hebat dia menjawab. Mungkin kehebatan ini kerana beliau dahulu adalah anggota Senator. Bermakna pelajaran pertama dia jadi Senator, itu yang menyebabkan dia hebat hari ini... *[Tepuk]*

Kita berterima kasih kepada kementerian kerana sebagaimana yang diterangkan oleh timbalan menteri, ia ada duit pergi universiti, pergi sekolah, pergi situ, apa pun duit yang ada, apa pun dana yang ada, tetapi kalau garis ketetapan yang dibuat itu tidak dapat dipenuhi oleh keseluruhan masyarakat, khususnya di bandar. Tadi timbalan menteri kata pasal kemiskinan itu orang yang ada kereta, di bandar keperluan kereta ini. Bukan sahaja hendak tunjuk *act*. Begitu juga dengan penggunaan telefon. Kalau dahulu budak-budak pakai telefon, kita kata emak itu hendak glamor, tetapi hari ini keperluan.

Jadi kita mengharapkan sebenarnya supaya kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula kerana hari ini kita hendak cari orang yang PGK dia RM740 ini, saya ingat sudah susah hendak jumpa. Jadi duit yang ada di kementerian itu macam cakap sahaja konon-konon tunjuk macam hendak beri, sebenarnya tidak berhajat hendak beri. Jadi saya minta timbalan menteri jawab.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kalau sudah betul hendak puji, janganlah perlu pula... *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mungkin benar bahawa dahulu saya pernah bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dalam Dewan ini, sebab itu saya banyak belajar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini. Saya ucapkan ribuan terima kasihlah. Cuma saya pun tidak pernah guna perkataan "mencelah". Yang itu perkataan yang baru saya dengar daripada Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah.



**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya pun pertama kali mendengarnya... [Ketawa]

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Itulah. Ini pengajaran yang baru yang kita terima daripada Yang Berhormat Senator. Saya hendak beritahu sekali lagi saya hendak jelaskan bahawa benarlah kereta itu menjadi satu keperluan di bandar ini. Bukankah di bandar ini kita mempunyai satu sistem dengan izin, *transportation* yang agak lebih baik daripada luar bandar. Dengan sebab itulah sepatutnya kita bertanggungjawab memikirkan bahawa apa sahaja yang kita ada adalah untuk kepentingan keluarga kita.

Jadi kalau kita merasakan kita tidak mampu untuk membeli kereta, kita sepatutnya menggunakan dengan izin, *public transport* yang ada dalam bandar-bandar yang telah pun disediakan oleh kerajaan. Sebab itu kerajaan hari ini sedang mengkaji satu agenda di mana *public transport system* dalam negara ini akan dipertingkatkan supaya kalau boleh semua masyarakat yang ada, yang duduk dalam bandar ini dapat menggunakan *public transport* yang akan kita permudahkan, sistem yang lebih baik akan dikaji bagi keseluruhannya. Itu yang kerajaan hari ini buat. Ini salah satunya Misi Nasional yang Kerajaan Pusat sedang buat setakat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingin meneruskan tentang pihak berkuasa tempatan yang dikatakan timbul isu rasuah di pihak berkuasa tempatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. S. Vijayarajam, sememangnya telah diberi perhatian oleh kementerian memandangkan PBT merupakan agensi barisan hadapan yang kerap berurusan dengan pelanggan. Pelbagai usaha telah diambil untuk menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan PBT supaya ruang kepada gejala rasuah dapat dikurangkan.

Sehubungan dengan itu, tumpuan utama KPKT ialah menambah baik dan memperkemaskan proses kerja PBT, khususnya yang berkaitan dengan kelulusan pemajuan dan lesen perniagaan agar ia lebih mudah, cepat dan telus. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan ialah melalui Sistem OSC, CCC dan garis panduan penambahbaikan proses pengeluaran lesen perniagaan dan lesen komposit. Selain itu usaha-usaha memantapkan keutuhan pengurusan, termasuk juga taklimat dan kursus kepada warga kerja PBT diteruskan oleh PBT dari semasa ke semasa berdasarkan pekeliling dan arahan perkhidmatan yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun melancarkan Pelan Integriti Nasional sebagai usaha memantapkan integriti dan bagi memastikan gejala rasuah dan salah guna kuasa dapat ditangani secara menyeluruh yang melibatkan semua pihak. PBT merupakan salah satu agensi penting yang turut memainkan peranan dalam menjayakan Pelan Integriti Nasional tersebut.

Kebersihan dan kesempurnaan fungsi surau dan musala ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawī. Beliau mencadangkan supaya kebersihan tempat dan kemudahan bersolat seperti bilik sembahyang, surau, musala, tandas dan tempat mengambil

wuduk menjadi asas dalam pemeriksaan kelulusan dan kelayakan premis oleh pihak berkuasa tempatan.

■1600

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan dan perancangan tempat ibadat Islam perlulah selaras dengan garis panduan perancangan tempat ibadat Islam yang telah disediakan oleh kementerian. Berhubung aspek kebersihan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, ianya memerlukan kerjasama semua pihak yang terlibat khususnya para pengguna dan juga pemilik premis. PBT juga dari semasa ke semasa sentiasa mengambil tindakan untuk menjamin kebersihan...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. PBT juga dari semasa ke semasa sentiasa mengambil tindakan untuk menjamin kebersihan semua kemudahan awam yang disediakan termasuk rumah ibadat. Kelulusan ke atas mana-mana bangunan pula adalah berdasarkan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Pengisian jawatan di PBT - Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook membangkitkan isu mengenai pengisian jawatan kosong di PBT yang dibuat dari kalangan ahli keluarga dan sahabat handai sahaja serta peratusan pekerja bukan bumiputera pula adalah rendah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa untuk melantik pegawai dan kakitangan PBT adalah di bawah bidang kuasa PBT dan ia dilaksanakan berdasarkan proses dan tatacara yang telah ditetapkan seperti yang diamalkan oleh mana-mana badan berkanun yang lain. PBT mempunyai jawatankuasa temu duga untuk membuat pemilihan dan pelantikan pegawai-pegawai yang layak. Kementerian percaya setiap PBT bersikap telus dan adil dalam proses melantik pegawai dan kakitangannya bagi memastikan hanya mereka yang berkelayakan dan berkemahiran sahaja dilantik untuk berkhidmat. Oleh itu, soal pengisian jawatan kosong di PBT yang hanya dibuat dari kalangan ahli keluarga dan sahabat handai tidak timbul.

Mengenai komposisi kaum pekerja dalam PBT pula, suka saya maklumkan bahawa adalah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam perkhidmatan awam termasuk juga perkhidmatan di PBT-PBT.

Pengurusan sisa pepejal - Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kepada majlis-majlis daerah di negeri Kelantan untuk pembelian lori sampah. Ini mengenai dakwaan Yang Berhormat Hajah Mumtaz binti Md. Nawi yang kerajaan tidak berlaku adil dalam pengagihan peruntukan kepada majlis-majlis daerah khususnya di negeri Kelantan untuk pembelian lori sampah. KPKT ingin memaklumkan bahawa masalah ini, masalah pengagihan peruntukan yang tidak adil tidak timbul sama sekali kerana setiap PBT mendapat geran tahunan dan sumbangan yang diberikan oleh

Kerajaan Pusat setiap tahun berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang seragam yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Mengenai pengurusan sisa pepejal pula, ia adalah tanggungjawab PBT itu sendiri. Kaedah pemberian perkhidmatan boleh digunakan dengan dua cara iaitu dengan menyediakan perkhidmatan sendiri oleh PBT ataupun secara kontrak atau *outsourc*e dengan izin. Walaupun begitu, kerajaan sedar bahawa kebanyakan PBT tidak berupaya untuk menguruskan sisa pepejal dengan baik. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengambil alih tanggungjawab menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam dengan menguatkuasakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007, Akta 672.

Dengan pengambilalihan tanggungjawab ini, kerajaan akan meningkat kualiti perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dengan mengadakan petunjuk-petunjuk prestasi utama atau KPI sebagai salah satu alat mengawal selia tahap perkhidmatan syarikat-syarikat yang dilantik oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan ini tidak diserahkan kepada Kerajaan Pusat, maka PBT-PBT perlulah mengadakan peruntukan sendiri yang diperlukan seperti di negeri Kelantan bagi menguruskan sisa pepejal dan pembersihan awam di samping perlu memohon lesen untuk menyediakan perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian untuk membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian amat menghargai keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Segala cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil sebagai input untuk penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan dasar dan program pihak kementerian kelak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dengan persetujuan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan Kementerian Belia dan Sukan, sukacita saya menjemput Menteri Pelancongan untuk menjawab dan menggulung perbahasan.

#### **4.05 ptg.**

**Menteri Pelancongan [Datuk Seri Azalina binti Othman Said]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Hajah Mumtaz dan Yang Berhormat Hajah Sharifah Azizah yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang melibatkan Kementerian Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hajah Mumtaz telah membangkitkan empat isu iaitu:

- (i) berkenaan dengan pelancongan ibadah di mana Yang Berhormat telah meminta agar pelancongan ibadah dapat diperkenalkan dan

dipromosikan terutama sekali di negeri Kelantan dengan mengetengahkan masjid-masjid yang sedia ada kepada pelancong asing;

- (ii) meminta penjelasan mengenai keputusan Kerajaan Pusat dalam menarik balik memorandum pelancongan di lima buah negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat;
- (iii) meminta Kerajaan Pusat mempertimbangkan agar program acara pelancongan di lima buah negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat diteruskan dan tidak diboikot atau dikeluarkan dari kalendar program; dan
- (iv) Kerajaan Pusat telah membatalkan peruntukan sebanyak RM8 juta untuk membina pasar besar di Pasir Mas Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan yang akan diberi adalah seperti berikut. Pertama sekali berkenaan dengan pelancongan ibadah. Sebenarnya memang Kementerian telah banyak kali berbincang dengan Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama Islam berkenaan dengan pelancongan ibadah. Memang kita boleh melihat pelancongan ini sebagai salah satu daripada pelancongan yang begitu menarik terutama sekali bagi rakyat-rakyat, orang-orang Islam di negara-negara Islam khususnya. Apa yang ada sekarang depan saya Tuan Yang di-Pertua ialah Muslim Historical Site yang berlaku di negeri Pulau Pinang.

Memang masjid-masjid telah diperkenalkan terutama sekali sejarah sebelum kemerdekaan. Memang pelancongan ibadah ini akan diteruskan dan insya-Allah di negeri Kelantan tidak akan dikecualikan. Berkenaan dengan pendapatan MOU di mana Kementerian telah membatalkan lima perjanjian MOU dengan kerajaan negeri di bawah kepimpinan Kerajaan Pakatan Rakyat. Ini adalah kerana Kementerian melihat adalah lebih afdal jikalau program-program ini dijalankan terutama sekali dalam aspek bayaran oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Kalau kita lihat secara umum Tuan Yang di-Pertua, walaupun pembatalan memorandum persefahaman ini tetapi program-program yang perlu dijalankan di negeri-negeri yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat dijalankan.

Tidak ada satu pun program-program dibatalkan ataupun tidak ada langsung apa-apa aktiviti yang telah diboikot. Contohnya yang ada dengan saya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok enam negeri Pakatan Rakyat, lima campur Langkawi, kalau kita tengok jumlah program yang diluluskan ialah 41 dan jumlahnya RM3.23 juta. Tidak ada langsung pembatalan yang telah kita lakukan. Jadi ini menunjukkan bagi Kementerian Pelancongan, aktiviti pelancongan di negeri-negeri yang dipimpin oleh kerajaan pembangkang pun memang penting kerana jumlah pelancong yang hadir dan juga perbelanjaan yang dilakukan pelancong adalah satu perbelanjaan yang akan menjadi manfaat kepada seluruh negara.

Itu sebabnya dasar kementerian tidak mewujudkan apa-apa sekatan ataupun mewujudkan apa-apa boikot kepada aktiviti-aktiviti tersebut. Soalan yang seterusnya berkenaan dengan pembatalan perbelanjaan sebanyak peruntukan RM8 juta. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pada asalnya Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan yang telah ditetapkan kepada kementerian adalah sebanyak RM32 juta untuk negeri Kelantan tetapi dengan kajian separuh penggal disebabkan oleh keadaan ekonomi semasa, terdapat beberapa perubahan. Contohnya projek peningkatan kemudahan pelancongan di pintu masuk Rantau Panjang, Pasir Mas sebanyak RM8 juta dan projek peningkatan kemudahan pelancongan di kawasan Tambatan Diraja Kota Bharu sebanyak RM5 juta telah ditangguhkan.

Siling baru bagi Rancangan Malaysia Kesembilan untuk negeri Kelantan di bawah kajian separuh penggal ialah sebanyak RM19.5 juta. Ini bererti walaupun dibatalkan sebahagian daripada projek-projek tetapi yang lainnya diteruskan.

■ 1610

Kesimpulan daripada yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Hajah Mumtaz, kesimpulannya Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kementerian pembatalan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan juga berlaku kepada negeri-negeri yang dipimpin oleh Barisan Nasional di mana kajian separuh penggal mengambil kira semua konsep pembangunan yang perlu dilakukan bagi industri pelancongan contohnya yang berlaku di Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak.

Jadi tidak adanya unsur-unsur sabotaj dengan izin ataupun unsur-unsur yang tidak baik dalam keputusan kajian separuh penggal tersebut. Bagi Kementerian Pelancongan memang kita alu-alukan jikalau projek dapat diperbanyakkan tetapi kementerian pun menerima hakikat bahawa perlunya beberapa perubahan disebabkan oleh keadaan semasa.

Kemudian Yang Berhormat Puan Hajah Syarifah Azizah pula telah menimbulkan soalan tentang menyarankan kerajaan memberikan keutamaan kepada pelancong domestik dengan penekanan agar pulangan keuntungan dapat dikembalikan kepada masyarakat setempat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua memang bagi kementerian kita mengambil iktibar bahawa dengan adanya terutama sekali masalah kenaikan harga minyak seluruh dunia memang pelancongan dalaman ataupun domestik perlu menjadi strategi utama kerajaan.

Kita tidak perlu menggalakkan pelancong-pelancong terutama sekali rakyat Malaysia untuk melancong ke luar negara walaupun tahun lepas Tuan Yang di-Pertua sebanyak 20.9 juta orang luar datang kepada Malaysia. Daripada kiraan kementerian, jumlah rakyat Malaysia yang pergi ke luar negara berulang kali ataupun pergi kali pertama lebih kurang 26 juta kali.

Jadi walaupun kita dapat membawa wang yang banyak dengan kehadiran pelancong tetapi apabila rakyat Malaysia pergi ke luar negara, rakyat Malaysia pergi ke luar negara perbelanjaan berlaku ke luar negara. Jadi di sini kementerian mengambil ketetapan bahawa secara agresifnya perlu pelancongan secara domestik dihebatkan. Dahulu Tuan Yang di-Pertua,

pelancongan domestik dikenali sebagai Cuti-cuti Malaysia tetapi tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah merasmikan satu konsep yang baru yang dipanggil Zoom Malaysia.

Kenapa kita panggil Zoom Malaysia Tuan Yang di-Pertua kerana apabila kita berkata Cuti-cuti Malaysia kadang-kadang kita hanya menjual 13 negeri yang ada dalam negara jadi kadang-kadang kalau pelancong datang selalu pergi ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak macam itu sahaja, tidak pergi kepada tempat-tempat yang lebih kecil. Jadi dalam Program Zoom Malaysia, kementerian menyedari antara strategi yang paling penting ialah untuk mewujudkan penggalakan bagi produk-produk pelancongan yang ada di seluruh negara kita.

Itu sebabnya kalau Tuan Yang di-Pertua sendiri ataupun Yang Berhormat-Yang Berhormat lain naik kereta ada nampak *billboard* Zoom Malaysia gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan dengan sayalah, masa gambar itu waktu saya gemuk sedikit, tetapi sekarang sudah kuruskan? Jadi sebenarnya apa objektif gambar itu kalau kita tengok kita mempamerkan semua produk pelancongan yang ada.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa tahun apabila kita menjual Malaysia, kadang-kadang kita menjual Malaysia menyeluruh. Sebenarnya Malaysia seperti cogan kata Kementerian Pelancongan dan Tourism Malaysia, Malaysia Truly Asia bererti kita mempunyai banyak kehebatan yang perlu kita pameran kepada dunia. Dengan adanya Zoom Malaysia Tuan Yang di-Pertua, contohnya program *homestay* iaitu di mana pelancong boleh duduk dengan keluarga-keluarga angkat.

Contohnya kita boleh melihat program-program di kawasan-kawasan pedalaman, itu sebenarnya strategi yang kita hendak galakkan sebab Tuan Yang di-Pertua, kalau kita banding bandar dengan bandar, kadang-kadang negara lain mempunyai kehebatan pembangunan yang lebih daripada kita. Kalau kita tengok di Malaysia contohnya tahun lepas kita ada Visit Malaysia Year dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita ada Eye On Malaysia, ramai orang datang.

Tetapi Singapura ada lagi besar Eye On Malaysia, kita ada F1 sudah dekat 10 tahun dengan izin, *motorsport* F1 yang begitu mahal, yang kita bina, Sepang International Circuit, macam-macam kita buat orang datang kenal Malaysia, Singapura sudah ada F1 tetapi malam dan F1 malam dia akan lebih menguntungkan kerana siaran waktu malam, siang di negara Barat dan dia tidak bina macam SIC kita yang mengeluarkan belanja yang tinggi, dia mengguna jalan raya yang ada seperti yang ada di Melbourne.

Jadi apa yang berlaku sekarang Tuan Yang di-Pertua, strategi kita untuk mendapat pelancongan sentiasa menjadi tarikan bagi negara-negara lain. Negara jiran kita memang kadang-kadang kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua sakit hati, banyak yang datang daripada Malaysia. Kadang-kadang negara jiran menjual seolah-olah datang daripada negara mereka.

Itu sebab apabila kita berkata Malaysia Truly Asia banyak rakyat di negara-negara lain mengakui bahawa kehebatan Malaysia ialah keistimewaan yang kita ada dalam sebuah masyarakat majmuk, jadi contohnya kalau kita bercakap tentang roti canai, sate, nasi lemak Tuan

Yang di-Pertua dengan izin, sekarang kalau kita tengok mana-mana ada juga negara-negara lain yang mempunyai imej-imej yang sama.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian menyedari bahawa strategi yang dapat menguntungkan Malaysia ialah mempamerkan contohnya kehebatan kita dalam segi alam sekitar. Contohnya seperti saya sebut semalam Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai kehebatan dari segi gunung-ganang, air laut dan semua itu bagi kementerian kita merasakan mungkin pendekatan yang terbaik supaya menjadikan Malaysia sebagai tempat pelancongan yang utama di dunia.

Jadi apa yang ditanya oleh Yang Berhormat Puan Hajah Syarifah Azizah, dia bertanya tentang domestik program dengan izin Tuan Yang di-Pertua memang banyak kita lakukan. Banyak program-program domestik kita menjayakan, mempamerkan aktiviti-aktiviti. Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua bagi kementerian apa yang kita perlukan yang akan kita cadangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri yang penubuhan Majlis Pelancongan Komuniti, MPK di setiap bukan setiap daerah-daerah mungkin di setiap Dewan Undangan Negeri sebagai contoh kerana kita melihat Tuan Yang di-Pertua, tidak perlunya kita ada kehebatan produk pelancongan yang terkenal di dunia kalau kita tidak dapat menjadikan rakyat di tempat tersebut menghargai produk yang ada.

Itu sebabnya isu berkenaan dengan kebersihan alam sekitar, isu berkenaan dengan kebanggaan bagi produk yang ada itu sebenarnya bagi kementerian kita perlu menjadikan rakyat Malaysia mempunyai pemikiran dengan izin yang dipanggil *think and act tourism*. Jadi dia mesti tahu bahawa diri dia di Malaysia sebuah negara yang memang negara terkenal untuk pelancongan. Jadi kita mesti bersifat sebagai sebuah negara dan rakyat Malaysia yang menggalakkan pelancongan.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, kalau ada mana-mana individu politik yang memfitnahkan negara kita kononnya ada kesusahan, ada pergaduhan, ini akan mengganggu gugat kedatangan pelancong dan apabila pelancong datang ke negara kita Tuan Yang di-Pertua, yang menjadi dan mendapat keuntungan ini seluruh rakyat Malaysia. Jadi itu sebabnya bagi kementerian kita tidak mendiskriminasikan dasar pelancongan di negeri-negeri. Tetapi kita mahu lihat dan mahu menentukan bahawa negeri-negeri yang sama dengan Kementerian Pelancongan akan meletakkan keutamaan kepada produk pelancongan yang ada di tempat mereka.

Jadi dengan izin Tuan Yang Dipertua Majlis Pelancongan Komuniti yang kita cadangkan ini akan mengambil kira kehadiran wakil rakyat, penghulu, ketua kampung, wakil jabatan dan kerajaan tempatan, pengusaha-pengusaha pelancongan dan NGO-NGO tempatan kerana kita mahukan rakyat Malaysia mempunyai kefahaman bahawa produk pelancongan yang ada di dalam negara kita ini perlu kita meletakkan kepada keutamaan supaya orang melihat inilah produk yang kita ada, yang ini perlu kita kekalkan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua bagi pihak kementerian saya ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bertanya tentang aspek pelancongan dalam negara tetapi yang lebih penting bagi pihak kementerian ialah pelancongan dalam negara kita adalah satu elemen ekonomi yang begitu menguntungkan dan bagi kementerian kita berharap pada tahun ini kita akan dapat dalam cabaran yang ada berhadapan dengan kementerian, kita dapat mengekalkan jumlah kedatangan pelancong dalam negara kita dan supaya negara Malaysia menjadi negara yang menjadi pilihan utama bagi masyarakat di dunia untuk menjadi negara pelancongan yang utama.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih. Terima kasih saya mengucapkan dari pihak kementerian dan insya-Allah segala cadangan dan juga pandangan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat dan maklum balas yang diberi secara...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna andai kata matlamat yang dituju oleh Yang Berhormat dan kementerian ini tercapai, di segenap pelosok tanah air kita, kita akan jadi mesra pelancong atau mesra pelancongan, adakah itu matlamat ditubuhkan majlis tersebut.

**Datuk Seri Azalina binti Othman Said:** Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita menjual cogan kata Malaysia kepada dunia ialah Malaysia Truly Asia dan ini menggambarkan bukan sahaja jumlah penduduk dan masyarakat berbilang bangsa dan juga agama lebih kepada pelbagai budaya. Itu sebabnya kemesraan yang kita adakan ini, itu sebabnya bagi kementerian kita begitu sensitif dengan izin kepada isu masalah politik. Kalau ada mana-mana individu dalam negara cuba mempamerkan negara dalam keadaan negatif, pelancongan akan menjadi mangsa. Itu sebabnya bagi kementerian kita tidak mahu adanya penderhaka yang ada dalam negara kita sebab dia memberi gambaran negatif kepada negara. Daripada hendak pergi ke Malaysia, pelancong pergi ke negara lain.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, bagi kementerian, peranan yang dimainkan oleh rakyat Malaysia adalah begitu penting, bukan sahaja produk pelancongan kerana rakyat Malaysia akan sebenarnya menjadi ukuran kepada pelancong kerana bagi kementerian *target* pelancongan kementerian ialah dua, satu pelancong datang semula dan kedua dalam bahasa Inggerisnya *yield*, bahasa Malaysia maknanya dipanjangkan mereka dalam negara kita sebab kita hendakkan pelancong sentiasa meletakkan Malaysia sebagai keutamaan destinasi mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1620

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sukacita saya menjemput Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

4.20 ptg.



**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta laluan sedikit ya.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN ATURAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran kesemua kementerian-kementerian menjawab ke atas perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan dan selepas itu majlis mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis 24 Julai 2008”.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat yang ingin menyokong?

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**4.21 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator di atas pandangan, pendapat, pertanyaan, dan cadangan yang membina ke arah memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan sempena perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai kementerian saya. Pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Tan Sri Amirsham mengenai pembangunan belia dan aspek sosialisasi kepimpinan dan latihan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sosialisasi kepimpinan dan latihan dalam aspek pembangunan belia memang sentiasa diberi penekanan dan tumpuan oleh kementerian ini.

Atas justifikasi tersebutlah, maka dalam Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional pernyataan Teras 9 telah memberi penekanan secara langsung kepada aspek pembangunan

kepimpinan. Melalui pernyataan teras tersebut matlamat pembangunan kepimpinan belia adalah untuk membina barisan kepimpinan generasi muda atau belia yang lebih komited, patriotik, telus, akauntabiliti dengan berdasarkan nilai-nilai kebenaran amanat serta toleran yang wajar.

Bagi mencapai maksud tersebut, beberapa pendekatan telah dilaksanakan oleh kementerian ini iaitu memantapkan Program Latihan Kepimpinan Belia dengan mewujudkan institusi kepimpinan khusus dan menganjurkan lawatan dan perundingan antara pertubuhan belia di peringkat dalam negara dan juga luar negara.

Bagi merealisasikan pendekatan tersebut, KBS telah mewujudkan Akademi Pembangunan Belia Malaysia yang bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan. APBM ini berfungsi untuk melatih belia-belia Malaysia dalam aspek kepimpinan dan jati diri. Setiap tahun beberapa program dianjurkan oleh akademi ini seperti Kursus Pembangunan Kepimpinan Asas, Kursus Pengucapan Awam, Kursus Kepimpinan Pertengahan dan Kursus Pembangunan Kepimpinan Tertinggi. Program yang dianjurkan ini mensasarkan pernyataan daripada kepimpinan dan ahli pertemuan belia serta belia belum berpersatuan.

Bagi memantapkan kepimpinan Persatuan Belia Tempatan, KBS terus melaksanakan program bersama-sama dengan Badan Belia Antarabangsa seperti *Commonwealth Youth Programs*, *Asian Year Council*. Selain itu, KBS turut melaksanakan program pertukaran belia antarabangsa seperti pertukaran Belia Malaysia-Korea, dan *Malaysia-Singapore Year Camp*.

KBS juga menjadikan Majlis Perundingan Belia Negara sebagai badan pemantauan aktiviti pembangunan kepimpinan belia. Justeru itu, bagi mengkoordinasi Program Pembangunan Latihan dan Kepimpinan Belia, serta lain-lain program pembangunan belia, KBS telah mewujudkan Majlis Perundingan Belia di semua peringkat sama ada di peringkat negeri mahupun daerah. MPB ini perlu mengadakan persidangan sekurang-kurangnya dua kali setahun dan ahli-ahli terdiri daripada semua pemimpin pertubuhan belia setempat, wakil agensi kerajaan, pakar rujuk dan 15 orang ahli yang dikenal pasti boleh membantu dalam aspek pembangunan belia yang dikenal pasti dan dilantik.

Selain itu, menyedari bahawa Program Latihan dan Pembangunan Kepimpinan Belia tidak boleh lagi menggunakan pendekatan dan cara lama pelaksanaan program iaitu program-program hanya dianjurkan atau berlaku di pusat-pusat latihan tertentu sahaja atau dalam konteks yang terasing daripada ekologi di mana belia, rakan sebaya, dan keluarga mereka tinggal dan berintegrasi. Maka, KBS pada masa kini telah mula memperkenalkan Program Pembangunan Belia melalui komuniti atau lebih dikenali sebagai *Community Youth Development* dengan izin.

Program seumpama ini bukan hanya memberi penekanan kepada pembinaan aspek kepimpinan belia tetapi turut menjurus kepada pembinaan semangat jati diri dan perpaduan. Di bawah konsep ini, ahli komuniti secara keseluruhannya melibatkan secara langsung dalam pelaksanaan program-program pembangunan belia. Antara program tersebut ialah:-

- (i) Program Komuniti Belia Remaja atau (Y2Y);

- (ii) Program Bakti Belia Perana;
- (iii) Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional;
- (iv) Program Pembangunan Sahsiah Belia; dan
- (v) Program Pembangunan Asas.

Melalui pendekatan dan pelaksanaan program ini, maka diharapkan proses sosialisasi dalam latihan dan kepimpinan belia akan dapat dirasai oleh semua ahli masyarakat. Diharapkan juga supaya semua komuniti masyarakat akan menerima baik pendekatan-pendekatan ini dan seterusnya akan terlibat secara langsung dalam semua menjayakan agenda pembangunan belia yang akan dilaksanakan sehingga ke kawasan-kawasan kediaman atau perkampungan mereka.

Terdapat juga beberapa program yang dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan dan Rakan Muda khususnya untuk memberikan latihan dan penerapan nilai-nilai kepimpinan kepada para remaja iaitu:-

- (i) Program Rakan Muda Wawasan Malaysia;
- (ii) Program Belia Benci Dadah dan lain-lain lagi.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, penglibatan pihak swasta, NGO dan Persatuan-persatuan Belia untuk Yang Berhormat Senator bagi melaksanakan proses sosialisasi dalam latihan dan kepimpinan KBS sentiasa melibatkan pertubuhan-pertubuhan belia dalam perlaksanaannya. Penglibatan Pertubuhan Belia ini adalah sangat *significant* iaitu bagi merealisasikan konsep pertumbuhan belia sebagai rakan kongsi utama KBS dalam Program Pembangunan Belia.

Hampir keseluruhan Program Pembangunan Belia yang dilaksanakan oleh KBS telah dijayakan secara bersama antara kementerian ini dan pertubuhan belia. Sebagai contohnya, sepanjang tahun 2007 hingga bulan Julai 2008 hampir RM15 juta peruntukan telah dibelanjakan untuk melaksanakan salah satu program bersama pertubuhan belia iaitu Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional iaitu (PJKN). Program ini dijayakan dan dilaksanakan sepenuhnya oleh persatuan-persatuan belia dengan kerjasama dan khidmat nasihat daripada kementerian.

Kementerian juga mempunyai program khusus yang diserahkan kepada persatuan belia secara pakej untuk dilaksanakan di peringkat negeri, daerah dan kebangsaan iaitu:-

- (i) Program Kepimpinan Majlis Belia Negeri;
- (ii) Program Kepimpinan Majlis Belia Daerah; dan
- (iii) Program 3K iaitu Kepimpinan, Kemahiran dan Keusahawanan.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Puan Loga Chitra mengenai Program Pembangunan Belia perlu diaktifkan dan diperbanyakkan. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, KBS mengucapkan terima kasih atas pandangan dan cadangan yang dikemukakan tersebut. Sememangnya menjadi misi dan visi kementerian ini untuk sentiasa mengaktifkan dan memperbanyakkan program-program pembangunan belia. Bagi tujuan tersebut, dapat dilihat bahawa setiap tahun akan berlakunya peningkatan atau penambahan

dalam program-program yang dianjurkan oleh kementerian sama ada dalam bidang kepimpinan, keusahawanan, mahupun pembangunan sosial.

■ 1630

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi tahun 2008 kementerian menyasarkan sebanyak 1,614 Program Pembangunan Belia akan dilaksanakan di seluruh negara dengan melibatkan penyertaan belia seramai 212,230 orang. Bagi sesetengah tahun pertama 2008 iaitu dari bulan Januari sehingga Jun, kementerian telah berjaya melaksanakan sebanyak 872 program dengan melibatkan penyertaan belia seramai 205,414 orang belia.

Selain itu, bagi memperbanyakkan lagi aktiviti pembangunan belia di semua peringkat, KBS tahun ini juga telah memperkenalkan Program Pengupayaan Persatuan Belia di semua peringkat. Sehingga Jun, sebanyak 3,686 persatuan telah dikenal pasti untuk diberikan bantuan pelaksanaan aktiviti di bawah program ini.

Sementara itu melalui Bahagian Pembangunan Rakan Muda pula, sepanjang tahun 2008 kementerian telah merangka untuk melaksanakan sejumlah 2,363 program dengan melibatkan penyertaan seramai 618,381 orang dan bagi setengah tahun pertama 2008 sebanyak 581 program telah berjaya dilaksanakan dan telah memberi manfaat kepada 80,462 orang belia yang berumur antara 15 hingga 25 tahun.

Walau bagaimanapun, harus disedari bahawa Program Pembangunan Belia bukan hanya tertumpu kepada aspek pembinaan kepimpinan, keusahawanan mahupun pembangunan sendiri melalui aktiviti atau latihan yang bersifat formal sahaja, sebaliknya kementerian ini turut merangka Program Pembangunan Belia yang melibatkan aktiviti kesukanan dan kecergasan. Ini kerana sama ada kita sedar atau tidak, majoriti golongan yang terlibat dengan aktiviti sukan yang dirangka oleh kementerian ini adalah golongan belia.

Untuk tujuan tersebut, bagi tahun 2008 kementerian menyasarkan untuk melaksanakan sebanyak 1,391 program sukan dan kecergasan yang akan melibatkan penyertaan seramai 616,885 orang. Bagi tempoh Januari...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa belia bukan saja fokus kepada satu-satu perkara tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menyebut tentang pembangunan moral. Ini kerana baru-baru ini saya terdengar satu kumpulan baru yang wujud dipanggil 'pengkid', di mana gadis-gadis muda yang cuba menyerupai lelaki dengan memakai pakaian yang *fit* dan dada mereka sudah menjadi macam lelaki dan kumpulan ini semakin merebak di Kuala Lumpur. Semakin hari semakin ramai.

Jadi apakah perkara-perkara ini tidak diambil tindakan? Apakah kementerian tidak memberi perhatian dalam isu-isu ini.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Omar bin Faudzar. Sebenarnya kementerian ini juga memang mengambil berat juga termasuklah moral.

Dalam program-program yang kita laksanakan termasuklah kawasan-kawasan Parlimen juga, Y2Y sendiri pun mempunyai perancangan. Banyak program yang telah diambil kira di mana Pejabat Kementerian Belia dan Sukan Daerah akan juga bekerjasama dengan pejabat Ahli Parlimen sendiri dan akan berbincang juga tentang apakah program yang sesuai akan dijalankan di sesuatu kawasan yang dinamakan Y2Y itu. Jadi sebenarnya semua aspek yang dikatakan 'pengkid', kita ada ambil kira juga dalam semua program tersebut.

Jadi bagi tempoh Januari sehingga Jun 2008, sejumlah 627 program telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 180,111 orang. Secara kesimpulannya, bagi tahun 2008 atas matlamat untuk memperbanyakkan Program Pembangunan Belia, KBS telah merangka untuk melaksanakan sejumlah 5,368 program dengan sasaran penyertaan seramai 1.5 juta orang. Walau bagaimanapun sehingga Jun 2008, sejumlah 2,080 program telah berjaya dilaksanakan dengan melibatkan penyertaan seramai 472,987 orang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan berkaitan dengan pertanyaan mengenai status Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 telah diwartakan pada 26 Julai 2007 dan telah mula dikuatkuasakan pada 31 Disember 2007 bagi Semenanjung Malaysia. Akta ini diperkenalkan bertujuan untuk mendaftarkan pertubuhan belia, menggalakkan dan memudahkan pembangunan belia dari aspek pendidikan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia, menubuhkan Majlis Perundingan Belia Negara dan menubuhkan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Dalam pelaksanaan salah satu tujuan utama akta ini iaitu mendaftarkan pertubuhan belia, kementerian telah mewujudkan pejabat pendaftaran pertubuhan belia. Selain urusan pendaftaran pertubuhan belia, pejabat ini juga berperanan dalam memperkuat kuasa akta ini termasuk mengawal selia hal-hal berkaitan pertubuhan belia yang telah didaftarkan.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya cuma nak tanya KBS. Sekiranya KBS tubuhkan satu unit yang dinamakan ROY kalau tidak salah saya *Registry of Youth*. Apa perbezaannya persatuan belia yang telah ditubuhkan sebelum wujudnya ROY dan apa perbezaan di antara belia yang telah ditubuhkan melalui ROS dengan ROY. Terima kasih.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. ROY tadi saya sudah katakan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia di mana bagi pertubuhan-pertubuhan belia yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun. Sebelum ini memang mereka daftar di bawah ROS sebab sebelum itu Kementerian Belia dan Sukan masih tidak ada Unit Pendaftaran Pertubuhan.

Apa yang saya nak jelaskan di sini ialah sekiranya pertubuhan belia ini yang saya katakan 18 hingga 40 tahun ini sebagai satu pertubuhan belia yang telah kita katakan itu kalau

didaftar di bawah ROY, maknanya mereka ini tidak perlu lagi daftar di ROS. Ini kerana ROY itu didaftar di bawah kementerian akan di bawah jagaan tadi saya kata kawal selia keseluruhannya.

Maka maknanya pertubuhan belia ini akan dijaga oleh Kementerian Belia dan Sukan, dipantau dan dibantu apa-apa perancangan buat masa ini. Semua program-program yang dilancarkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan akan bantu mereka iaitu pertubuhan-pertubuhan ini di bawah jagaan kita dan akan disalurkan termasuk peruntukan sumber, termasuk untuk membantu mereka untuk merancang pelbagai program yang dijalankan.

Jadi perbezaan di antara ROY dan ROS ialah ROY akan dijaga oleh kementerian. Maknanya pertubuhan belia tersebut. ROS secara terus tidak akan dijaga atau diberi bantuan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Itu satu perbezaan.

■1640

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī:** Tuan Yang di-Pertua saya pohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada ribuan program yang telah pun dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan juga penyertaan lebih daripada jutaan belia-belia di Malaysia. Saya ingin bertanya dari segi kecenderungan, keterlibatan beliawanis dalam program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, apakah peratusan kerana kita melihat angka yang lebih besar di kalangan wanita yang masuki ke IPTA. Dan juga adakah angka ini akan juga tertera dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Itu yang pertama.

Yang kedua daripada keseluruhan pegawai belia daerah yang ditempatkan di seluruh negara, berapakah pegawai belia yang terdiri daripada wanita kerana ini dengan sendirinya membantu kegiatan beliawanis di daerah-daerah?

Yang ketiga berkaitan dengan suri rumah. Angka untuk umur belia adalah 18 hingga 40 tahun dan ini merupakan angka di mana wanita biasanya menjadi suri rumah dan tahap ini mereka akan mempunyai anak-anak kecil. Bagaimana perancangan di peringkat kementerian untuk menggalakkan wanita-wanita dan beliawanis-beliawanis ini terlibat dengan program, kerana mereka dalam masa yang sama juga menjadi suri rumah dan terlibat dengan penjagaan anak. Terima kasih.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Kementerian Belia dan Sukan tidak pernah pun membeza-bezakan atau program yang dirancangan adalah untuk semua tanpa mengira beliawanis ataupun pada siapa-siapa. Jadi yang penting ialah apa yang kita mahu satu tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan ialah untuk menjalankan atau melaksanakan, merancang program-program yang boleh membawa manfaat kepada belia dan beliawanis. Jadi kita galakkan semualah, dan kalau boleh semualah bantu juga untuk mengambil bahagian.

Bagi angka, saya tidak ada angka di sini mungkin kita cuba dapatkan secara bertulislah. Akan tetapi kalau untuk pegawai pula saya rasa itu bukan satu masalah sebab pegawai kerajaan ini adalah melalui pelantikan ataupun dia ada prosedur untuk permohonan untuk dilantik sebagai pegawai. Jadi kalau Yang Berhormat katakan pegawai wanita itu, kalau boleh kita galakkanlah jika ada tempat kosong. Galakkan semua wanita kemukakan permohonan, saya rasa itu tidak ada masalah diskriminasi antara kita lantik pegawai lelaki atau perempuan, itu perkara yang tidak wujud.

Dan untuk suri rumah tangga, saya tidak ada satu angka yang tepat mungkin saya cuba macam mana kalau dapat jawab secara bertulislah.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Untuk suri rumah saya bukan mahu angka tetapi pohon pelan tindakan yang dibuat oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Kita ambil maklumlah apa yang dicadangkan terima kasihlah pada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua sehingga 17 Julai 2008 sebanyak 595 permohonan pendaftaran pertubuhan belia telah diterima dan sebanyak 244 permohonan telah diluluskan.

Mengenai soalan dari Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah supaya JAKIM bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk membendung atau mengatasi masalah gejala sosial di kalangan belia seperti pertukaran jantina dan seks bebas. Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih atas cadangan yang dikemukakan tersebut.

Walau bagaimanapun suka dimaklumkan bahawa sememangnya pada masa kini telah terbentuk jalinan kerjasama antara Kementerian Belia dan Sukan dan JAKIM. Antara tujuan jalinan kerjasama ini adalah bagi merangka dan melaksanakan secara bersama-sama program pembangunan belia khususnya dari aspek pembinaan sahsiah. Bagi tujuan untuk mengukuhkan aspek jalinan kerjasama berkenaan, JAKIM telah mendapatkan seorang pegawai hal ehwal Islam secara kader di Bahagian Pembangunan Belia.

Kementerian Belia dan Sukan melalui pegawai yang ditempatkan di tempat tersebut, pelbagai program pembinaan sahsiah belia telah dapat dilaksanakan. Sebagai contohnya bagi tahun 2008 Kementerian Belia dan Sukan merancang untuk melaksanakan 97 Program Pembangunan Sahhsiah Belia. Dan daripada jumlah tersebut sebanyak 27 program telah dapat dilaksanakan bagi tempoh Januari hingga Jun 2008 dengan melibatkan penyertaan belia seramai 14,000 orang.

Antara program yang dilaksanakan secara bersama antara Kementerian Belia dan Sukan dan JAKIM ialah Maulud Nabi, Program Mesra, Bengkel Belia Hadhari, Seminar Islam Hadhari, Halaqah - TV9, dengan izin dan Forum Perdana Ehwal Islam, berkaitan dengan isu belia. Jadi mengenai cadangan daripada Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun supaya Program Pembangunan Modal Insan untuk belia perlu memberi penekanan terhadap aspek etika nilai moral dan kerohanian yang utuh.

Kementerian Belia dan Sukan mengucapkan terima kasih atas cadangan yang telah dikemukakan tersebut. Untuk makluman Ahli Dewan Program Pembangunan Modal Insan belia yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan sememangnya telah memberikan penekanan kepada aspek pembinaan nilai etika dan kerohanian serta sahsiah dalam semua program yang dilaksanakan. Pendekatan-pendekatan kepada aspek pembinaan nilai etika dan kerohanian ini sememangnya selari dengan keperluan dalam Teras Keempat Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional iaitu teras pembangunan sosial.

Melalui teras ini matlamat pembangunan, nilai etika bagi belia adalah untuk membentuk satu identiti budaya golongan belia Malaysia yang melalui intervensi pembangunan sosial yang berteraskan nilai dan keperibadian yang utuh.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Tuan Yang di-Pertua mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam konteks ini Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin mencadangkan, Kementerian Belia dan Sukan bolehkah lantik beberapa orang pegawai di setiap daerah yang mewakili berbilang kaum, supaya pegawai ini boleh bincang dengan pihak Jabatan Belia peringkat daerah ataupun negeri untuk mengadakan program-program yang sesuai dengan pembangunan modal insan ini.

Saya amat percaya dan yakin bahawa semua program yang telah diatur oleh Kementerian Belia dan Sukan penglibatan kaum-kaum lain tidak menggalakkan. Jadi saya pohonlah supaya lantik pegawai di setiap daerah dan aturkan program-program yang sesuai dengan kaum masing-masing. Terima kasih.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Itu adalah satu cadangan yang baik, bukan pertimbangan, tetapi dalam usaha Kementerian Belia dan Sukan untuk mendapat atau menambah pegawai-pegawai terutamanya di tempat-tempat yang diperlukan, mewujudkan lebih lagi pergerakan belia di kawasan-kawasan tertentu. Katakan kalau di kawasan atau rakyat tersebut lebih bilangan katakan kaum-kaum Cina, India, maka kementerian sedang berusaha untuk mendapatkan pegawai-pegawai di kawasan tersebut untuk membantu menjayakan program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Memang Kementerian Belia dan Sukan sentiasa ambil perhatian dan pandangan. Dan program-program yang dirancangan adalah untuk belia kita sebab belia-belia kita adalah bakal pemimpin negara dan adalah aset kepada negara kita. Jadi kita amat mengambil berat terhadap apa yang dirancangan, dan kami akan ambil maklum serta akan usahakan apa yang disuarakan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan tersebut semua program dan aktiviti golongan belia akan dijadikan sebagai alat atau intervensi sosial untuk membentuk nilai dan tingkah laku belia yang diperlukan oleh negara.



Justeru itu pada masa kini dapat dilihat bahawa semua program pembangunan belia yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan telah menerapkan unsur-unsur pembangunan dan pembinaan nilai etika, kerohanian, sahsiah, jati diri, patriotisme dalam semua program tersebut sama ada dalam bentuk modul, penyampaian program mahupun melalui hebahan-hebahan di media-media massa.

■ 1650

Tuan Yang di-Pertua, contoh program tersebut adalah seperti Program Jati Diri Kesukarelaan Nasional. Program ini bertujuan untuk membentuk semangat kesukarelaan di kalangan belia di samping menerapkan nilai-nilai kerohanian dan jati diri yang tinggi. Sementara itu di dalam teras pembangunan belia dalam tempoh pelaksanaan Malaysia kesembilan KBS telah dan akan memberikan penekanan kepada usaha mengupayakan belia bagi meningkatkan peranan mereka dalam masyarakat memupuk perpaduan serta membina nusa dan bangsa. Sehubungan dengan itu program yang akan dilaksanakan secara meluas adalah untuk mewujudkan golongan belia yang mempunyai kualiti kepimpinan yang baik serta mendekatkan mereka dengan kemahiran keusahawan dan pengetahuan. Penekanan juga akan diberikan kepada usaha membangun individu berwibawa yang mempunyai nilai kerohanian dan moral yang tinggi bagi melahirkan personaliti yang unggul.

Tuan Yang di-Pertua mengenai pertanyaan Ahli Yang Berhormat Senator Tan Sri Amirsham A. Aziz mengenai pembangunan sukan dari aspek kehidupan aktif dan sihat. Pembangunan sukan merupakan salah satu teras utama perkhidmatan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Sememangnya diakui bahawa sukan dapat menyumbang kepada kehidupan yang aktif dan sihat. Dasar sukan negara itu sendiri telah menggariskan bahawa sukan dapat menyumbang kepada penggalakan pertandingan yang sihat. Muhibah, toleransi, kesefahaman dan pembinaan kualiti moral dan fizikal yang memberi atau landasan yang selesa untuk mengintegrasikan pelbagai kumpulan etnik kepada satu bangsa yang bersatu padu serta juga untuk memupuk maruah bangsa dan negara.

Melihat kepada aspek tersebut sukan sememangnya mempunyai kesan-kesan manfaat yang amat besar. Setiap individu, masyarakat dan seterusnya negara dalam aspek kehidupan aktif dan sihat ini. Maka bagi peringkat individu sukan menyumbangkan kepada pembentukan sahsiah kesedaran diri termasuk semangat pertandingan. Peningkatan tahap kesihatan dan kecergasan fizikal, penggunaan masa kesenangan yang berfaedah dan bermakna dan sebagainya.

Untuk Maklumat Yang Berhormat Senator melalui gaya hidup yang aktif seperti ini seseorang individu akan lebih sensitif terhadap kesejahteraan dirinya dalam mana ia memahami sebenarnya kenikmatan penglibatannya dan semangat pertarungan. Segala aktiviti ini dilakukan di dalam persekitaran dan keupayaannya sama ada secara individu di dalam suasana kekeluargaan di kalangan sahabat handai, di dalam kumpulan-kumpulan sukarelawan ataupun di

dalam suasana komuniti yang berlainan. Bagi peringkat masyarakat pula sukan membantu kepada penggalakan pembinaan kualiti fizikal dan moral rakyat yang sesuai dengan aspirasi nasional. Pewujudan persekitaran bagi memupuk perhubungan komuniti yang lebih baik di dalam negara dan peningkatan tahap kesihatan komuniti dan produktiviti dan sebagainya. Kepada peringkat antarabangsa pula aktiviti sukan ini memberi ruang serta peluang dalam membantu negara untuk mencapai kecemerlangan sukan pada peringkat yang lebih tinggi.

Peningkatan maruah bangsa dan memupuk persahabatan di kalangan lain-lain negara. Mengenai saranan agar mempertingkatkan latihan atlit untuk kecemerlangan sukan negara. Kementerian Belia dan Sukan bersama Majlis Sukan Negara sememangnya menjadikan hasrat untuk mempertingkatkan prestasi sukan di negara ini sebagai satu agenda penting di kementerian. Penubuhan jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk meningkatkan prestasi sukan di negara ini. Walaupun sukan negara menunjukkan peningkatan prestasi sukan di peringkat antarabangsa tetapi kerajaan tidak boleh berpuas hati dan usaha yang lebih giat perlu dilakukan untuk memastikan prestasi sukan negara akan lebih konsisten di peringkat antarabangsa.

Pelajar melihat sukan sebagai satu perkara yang penting kerana ianya merupakan satu cara yang lebih mudah dan berkesan dalam menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum, agama dan latar belakang. Di samping itu sukan juga mampu mempertingkatkan imej negara kita melalui pencapaian cemerlang atlit atau pasukan-pasukan di pertandingan-pertandingan antarabangsa. Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara sentiasa menggalakkan badan-badan sukan yang berdaftar khususnya persatuan-persatuan sukan kebangsaan bekerja bersama-sama untuk menyediakan program-program latihan jangka sederhana dan jangka masa panjang bagi memastikan atlit-atlit sukan prestasi tinggi negara dapat berlatih dengan lebih berkesan dengan sokongan kewangan dan perkhidmatan yang sistematik dan saintifik.

Cabaran utama ialah bagi memastikan atlit-atlit elit menerima sukan sebagai kerjaya profesional masing-masing. Seorang atlit elit memerlukan latihan enam hingga lapan jam sehari dan ini memerlukan atlit-atlit negara kita menjalani latihan secara sepenuh masa. Melalui pendekatan ini berbagai-bagai skim latihan telah diwujudkan iaitu skim latihan elit sepenuh masa, program pendedahan latihan luar negara, program *attachment* dengan izin, atlit berlatih di luar negara di samping skim ataupun program-program lain yang akan menyokong latihan atlit tersebut seperti program kejurulatihan, program pertandingan dalam dan luar negara, program khidmat sokongan sains sukan, program khidmat sokongan perubatan sukan, program khidmat sokongan kebajikan atlit dan sebagainya.

Di samping itu Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Kementerian Pelajaran, Majlis Sukan Negeri-negeri, peserta sukan kebangsaan dan

Persatuan Sukan Negeri telah merangka dan melaksanakan beberapa program khusus yang bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru supaya boleh mewakili negara ke peringkat yang tertinggi. Program-program ini dilaksanakan bagi memastikan negara kita tidak ketandusan atlit-atlit yang berbakat walaupun masih kecil jumlahnya. Program pembangunan atlit adalah tertumpu kepada usaha untuk mengenal pasti atlit-atlit yang berbakat di peringkat akar umbi. Ini dilakukan melalui beberapa program seperti berikut:-

- (i) Program Kenal Pasti Bakat;
- (ii) Program Cari Juara dan sebagainya.

Selepas melalui proses melalui mengenal pasti bakat tersebut, anak-anak yang berbakat dalam sukan akan di serapkan di bawah program pembangunan atlit dilaksanakan di seluruh negara khususnya bertempat di sekolah-sekolah. Dengan kepakaran jurulatih luar negara dan jurulatih tempatan atlit-atlit yang berbakat ini akan dapat dilatih sehingga ke peringkat yang cemerlang supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa. Di antara program pembentukan bakat yang ada ialah seperti berikut:-

- (i) Program Latihan *Multi Literal*;
- (ii) Program Tunas Cemerlang;
- (iii) Program Tunas Cemerlang 2;
- (iv) Program Bakat dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai saranan agar penglibatan persatuan sukan dipertingkatkan. Di dalam perkara ini pihak kementerian sememangnya mengakui bahawa peranan yang dimainkan oleh persatuan-persatuan sukan cukup besar dalam aspek pembangunan sukan negara. Atlit yang berjaya dilahirkan melalui persatuan-persatuan sukan yang mempunyai pentadbiran dan pengurusan yang baik. Sehubungan dengan itu salah satu strategi dasar sukan negara telah menggariskan bahawa hubungan dengan persatuan sukan cukup penting dalam pembangunan sukan negara. Pelbagai badan sukan bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dan kerajaan-kerajaan negeri untuk membangunkan sukan dalam negara.

Satu jentera penyelarasan yang menyeluruh dalam bentuk jawatankuasa tetap adalah perlu untuk atau bagi menentukan perhubungan yang lebih rapat di kalangan organisasi tersebut. Kementerian Belia dan Sukan akan menggalakkan sukan massa dan aktiviti-aktiviti legasi yang berlandaskan kepada konsep Malaysia cergas dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan dan legasi yang berdaftar dengan pejabat Pesuruhjaya Sukan manakala Majlis Sukan Negara akan membantu dan menyelaraskan pembangunan sukan berprestasi tinggi bersama-sama persatuan-persatuan sukan yang terlibat bagi meningkatkan prestasi atlit-atlit sukan negara di dalam pertandingan peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

#### ■1700

Amalan perkongsian pintar di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan persatuan-persatuan sukan dalam melaksanakan pelbagai program atau aktiviti sukan MASSA

sememangnya telah terjalin sekian lama. Perkara ini adalah salah satu daripada pelan strategik kementerian yang di dukung sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan Negara dalam mencapai matlamat untuk merakyatkan sukan.

Pihak Kementerian Belia dan Sukan sememangnya memerlukan kerjasama dan komitmen penuh daripada persatuan-persatuan sukan dalam merencanakan agenda pembangunan sukan negara daripada peringkat akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah banyak berkongsi pandangan dan mengemukakan cadangan terhadap kementerian saya. Saya juga berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator kerana begitu prihatin terhadap usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan belia negara agar lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Begitu juga sokongan yang ditunjukkan terhadap program-program anjuran kementerian dalam melahirkan golongan belia berprestasi tinggi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sukacita saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

#### **5.01 ptg.**

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu izinkan saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ataupun MOSTI mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang menyentuh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Seramai lima orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu mengenai dasar, program dan strategi yang dilaksanakan oleh kementerian dan oleh itu izinkan saya mengambil peluang ini untuk menjelaskan segala isu-isu yang telah dibangkitkan dan kesemuanya sedang ditangani bagi memastikan Malaysia mampu menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, penyelidikan dan pembangunan R&D telah diberikan keutamaan oleh kerajaan di mana jumlah perbelanjaan kasar R&D ataupun GEORD (*General Expectation on Research and Development*) dengan izin, keseluruhannya mencapai 0.64% daripada keluaran negara kasar pada 2006 dan dijangka meningkat pada sekurang-kurangnya 1.5% menjelang tahun 2010. Untuk Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, peruntukan keseluruhan MOSTI adalah sebanyak RM5.894 bilion yang mana peruntukan bagi dana R&D adalah sebanyak RM2.591 bilion, terdiri daripada peruntukan untuk *Science Fund*, *Techno Fund*, *Innovation Fund* dan lain-lain dana R&D yang berkaitan seperti untuk meningkatkan kerjasama R&D dan latihan kepakaran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan amat menyedari bahawa keupayaan kita untuk menghadapi dan mengharungi cabaran globalisasi amat bergantung

keupayaan kita untuk meningkatkan tahap inovasi negara. Kerajaan telah pun menggubal model inovasi negara dalam usaha memacu pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan inovasi. Model ini mengutamakan aspek inovasi dengan menerapkan pendekatan seimbang iaitu di antara inovasi berpandukan teknologi dan inovasi berpandukan pasaran. Model ini memberi tumpuan kepada tiga matlamat utama iaitu untuk:-

- (i) menjana ilmu pengetahuan baru;
- (ii) mencipta kekayaan dan kemakmuran kepada negara dan rakyat; dan
- (iii) mewujudkan kesejahteraan dalam masyarakat.

Ini adalah selaras dengan peranannya untuk membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan, khususnya melalui bidang bioteknologi, industri dan teknologi maklumat dan komunikasi ataupun ICT. Model Inovasi Negara ini adalah satu usaha kerajaan untuk menghasilkan teknologi baru yang dapat membantu meningkatkan eksport barangan dan pelaburan dalam negara. Ia juga menggabungkan dengan faktor-faktor lain seperti tenaga pekerja yang bersedia memasuki industri, sumber kewangan, pembangunan keusahawanan, pasaran dan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan.

Melalui modal ini, adalah menjadi hasrat kerajaan agar sasaran inovasi kita dapat mencapai sekurang-kurangnya 5% pengkomersilan output R&D selain membangunkan syarikat-syarikat dan usahawan *techno* baru berasaskan sains dan teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin dan Yang Berhormat Senator Tuan Chih Tiang Chai, telah menyentuh mengenai cadangan kegunaan sumber tenaga alternatif iaitu tenaga solar sebagai sumber utama penjanaan tenaga menggantikan minyak yang dikhuatiri akan kehabisan sumber tidak lama lagi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya menyedari akan keperluan mencari sumber-sumber tenaga baru sebagai langkah jangka panjang dan alternatif kepada sumber tenaga bahan api sedia ada yang bukan sahaja semakin terhad sumbernya, bahkan juga semakin tinggi dari segi kosnya. Lantaran itulah, maka sumber tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy* dengan izin, telah ditambah sebagai salah satu bahan api dalam dasar bahan tenaga kelima atau *fifth fuel policy*, selain minyak, gas, hidro dan arang batu. Bagi negara Malaysia, penghasilan tenaga boleh diperbaharui boleh diperolehi daripada sumber-sumber seperti solar, *biomass*, angin, mini hidro, geoterma dan ombak.

MOSTI telah menumpu kepada R&D tenaga alternatif sejak Rancangan Malaysia Ketujuh melalui geran-geran penyelidikan seperti *Intensification of Research in Priority Areas* ataupun CRIPA, *Science Fund*, *Techno Fund*, *Commercialization of R&D Fund* ataupun CRDF, dan *Technology Acquisition Fund* ataupun TAF. Sehingga kini, MOSTI telah membiayai sebanyak 106 buah projek berkaitan tenaga bernilai RM49.5 juta yang dijalankan oleh universiti dan institusi penyelidikan tempatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM10.05 juta telah

diperuntukkan sehingga kini khusus bagi tujuan pembiayaan projek penyelidikan melibatkan tenaga solar dan aplikasi tenaga solar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian telah menubuhkan pasukan petugas ataupun *task force* untuk memberi fokus kepada hasil-hasil R&D yang berpotensi dapat dikembangkan ataupun *roll outs* secara pilot projek. Antara pelan tindakan yang telah dirancang oleh *task force* ini adalah seperti berikut:-

- (i) mengenal pasti projek-projek R&D berpotensi yang telah dibangunkan dengan pembiayaan MOSTI supaya teknologi tersebut boleh roll out secara pilot projek dalam masa terdekat terutamanya kepada community grass roots;
- (ii) mengenal pasti dan memupuk SME untuk memajukan aplikasi teknologi sedia ada kepada pilot *scale* terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman selain menilai dan memberi khidmat nasihat kepada SME dalam mengkomersialkan teknologi yang dibangunkan; dan
- (iii) mempertingkatkan sistem pengurusan dan perkongsian maklumat R&D, teknologi tenaga diperbaharui dan teknologi pengeluaran makanan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mempergiatkan aktiviti R&D tenaga solar, kementerian juga telah mengenal pasti beberapa aspek yang akan diberikan penekanan seperti berikut:-

- (i) penggunaan tenaga solar dalam bidang pertanian khususnya di kawasan pedalaman untuk pengeringan hasil-hasil pertanian, pemanasan dan penyejukan dalam perumahan dan industri dan untuk pengangkutan;
- (ii) perolehan teknologi solar panel dari luar negara dan inovasikan untuk diadaptasikan kepada keadaan tropika. Kajian lanjut perlu dijalankan terhadap jenis bahan yang digunakan, *coating* dan sebagainya bagi mewujudkan potensi untuk pasaran negara-negara tropika;
- (iii) menjalankan R&D pada sistem peralatan *auxiliary* ataupun sokongan yang akan digunakan untuk menukar arus terus, *direct current* ataupun DC ke arus pulang alik, *alternate current* ataupun AC;
- (iv) menjalankan analisis kitar hayat ataupun *life cycle analysis* solar panel bagi mengenal pasti potensi untuk mengitar semula bahan-bahan yang digunakan dan menghasilkan solar panel berdasarkan konsep sifar sisa buangan ataupun *zero waste*. Setakat ini tidak banyak negara yang menumpu terhadap bidang ini; dan
- (v) mengkaji kaedah penyimpanan tenaga ataupun *energy storage* seperti bateri bagi menyimpan tenaga yang telah diubah dengan lebih berkesan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, SIRIM Berhad ialah salah sebuah agensi di bawah MOSTI. Ketika ini telah pun membangunkan sistem *grid connected solar photovoltaic* yang berasaskan penggunaan tenaga solar dan juga penggunaan tenaga elektrik daripada TNB, yakni maksudnya pada waktu siang sistem ini menggunakan tenaga elektrik daripada panel solar.

■1710

Manakala pada waktu malam sistem ini menggunakan tenaga TNB. Pembayaran bil penggunaan tenaga elektrik akan dikira mengikut pihak mana yang lebih banyak menggunakan tenaga elektrik iaitu nilai lebihan bersih setelah ditolak penggunaan masing-masing. Jika panel solar menyalurkan lebih banyak unit kepada TNB berbanding dengan unit yang digunakan daripada TNB maka TNB akan membayar lebihan bersih kepada panel solar.

Penyelidikan berkaitan solar akan diteruskan dan menumpukan kepada pembangunan solar sel dan sistem sokongan untuk meningkatkan kecekapan sistem dan mengurangkan kos pemasangan. Kecekapan kos melibatkan jangka hayat solar panel dan tenaga elektrik yang boleh dihasilkan adalah menjadi harapan kerajaan agar sumber tenaga baru seperti tenaga solar dapat menjadi alternatif bekalan tenaga negara untuk digunakan secara mampan selain mengurangkan kebergantungan negara terhadap sumber tenaga bahan bakar, fosil.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung cadangan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi supaya pertandingan inovasi dipergiatkan di peringkat sekolah rendah dan hadiah pertandingan dinaikkan untuk meningkatkan kreativiti murid-murid selain memberi pendedahan tentang penciptaan dan rekaan pada peringkat awal pendidikan. Pihak kementerian sebenarnya telah pun melaksanakan cadangan tersebut.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi juga sentiasa berusaha memberi pengiktirafan kepada usaha inovasi dan kreativiti di kalangan rakyat termasuk kanak-kanak sekolah. Anugerah Inovasi Negara satu program anugerah utama di bawah MOSTI telah diwujudkan sebagai satu pengiktirafan kepada penjana inovasi. Salah satu daripada kategori ialah bagi peringkat sekolah yang dibuka kepada sekolah-sekolah menghasilkan ciptaan asas atas inisiatif sendiri.

Penilaian akan dibuat berdasarkan kepada keaslian dan daya cipta produk serta penggunaan dan impak kepada produk-produk yang dihasilkan. Pemenang kategori ini akan menerima sijil penghargaan, sebuah trofi dan hadiah wang tunai berjumlah RM20,000. Bagi tahun 2007 misalnya Sekolah Menengah Teknik Kuala Lumpur telah dipilih sebagai pemenang bagi penciptaan sistem sensor ultrasonik bagi mengesan kenderaan di belakang mereka. Hasil rekaan tersebut telah direka oleh pelajar-pelajar tingkatan lima dan empat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Akademik Sains Malaysia...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya mohon...

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Boleh saya selesaikan keseluruhan topik ini? Selain daripada itu Akademik Sains Malaysia (ASM) di bawah MOSTI juga menganjurkan beberapa program anugerah yang ditujukan kepada pelajar-pelajar sekolah iaitu seperti berikut:-

- (i) Anugerah *National Science Championship*. Anugerah ini khusus untuk pelajar sekolah rendah dari tahun tiga hingga tahun enam untuk bertanding mencipta rekaan yang membuka minda pelajar untuk meminati sains dan melibatkan bidang reka cipta berkaitan dengan teknologi; dan
- (ii) Anugerah *National Science Challenge*. Program ini merupakan pertandingan sains yang dijalankan khusus untuk pelajar tingkatan menengah atas. Pertandingan dijalankan di peringkat awal, di peringkat negeri dan seterusnya di peringkat kebangsaan.

Seterusnya kita juga mengadakan pameran sains dan kejuruteraan antarabangsa peringkat sekolah menengah. ASM juga membantu Kementerian Pelajaran dalam membimbing para pelajar dan menghasilkan projek ataupun inovasi untuk dipertandingkan di Amerika Syarikat.

Jadi selain itu untuk makluman Yang Berhormat, Multimedia Development Corporation (MDeC) satu lagi agensi di bawah MOSTI juga menyediakan pertandingan dan anugerah inovasi juga boleh dimanfaatkan oleh kalangan pelajar sekolah. Antaranya adalah seperti anugerah MSC Malaysia Asia Pacific ICT Award ataupun MSC Malaysia APICTA.

Program APICTA ini merupakan program anugerah tahunan oleh MDeC yang memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada usaha daya cipta dan daya kreatif cemerlang yang ditonjolkan oleh para pelajar, individu dan SME yang menyumbang kepada pembangunan teknologi maklumat ataupun aplikasi ICT di Malaysia. Terdapat 18 kategori dipertandingkan dan dua daripadanya adalah untuk penyertaan rekaan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Para pemenang ini akan diberi peluang untuk mewakili Malaysia bertanding di peringkat antarabangsa yang dianjurkan setiap tahun. Sebagai contoh projek di Sekolah Menengah Foon Yew Johor yang bertajuk Robotic Palm telah memenangi anugerah merit dipertandingkan APICTA 2007 yang dilangsungkan di Singapura.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini juga untuk tahun ini MSC Malaysia APICTA telah dibuka untuk pencalonan dan pertandingan dan tarikh tutup ialah 31 Julai 2008 dan bagi yang berminat bolehlah melayari laman web [www.msccapicta.com.my](http://www.msccapicta.com.my). Ya, Senator.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah pun menjadi proaktif dengan mengadakan pertandingan-pertandingan seperti yang telah dinyatakan tadi. Walau bagaimanapun, memandangkan kerajaan telah memperuntukkan lebih daripada RM5 bilion khas



untuk kementerian ini bagi menggalakkan inovasi di kalangan rakyat, adakah pihak kementerian bercadang untuk memberikan nilai hadiah yang lebih cache kepada pelajar-pelajar yang terlibat dengan pertandingan-pertandingan ini memandangkan untuk pemenang di Sukan Olimpik kita menyediakan RM1 juta. Untuk akademi-akademi macam One in a Million kita juga memberikan hadiah RM1 juta kepada pemenangnya. Jadi mereka yang terlibat ini semuanya adalah belia.

Jadi di dalam konteks ini adakah pihak kerajaan akan bersedia untuk menambahkan jumlah nilai hadiah daripada RM20,000 tadi mungkin boleh ditingkatkan kepada RM500,000 mungkin perlu ada pembahagian antara pelajar dan sekolah demi menggalakkan seluruh sekolah menyertai inovasi yang telah dijalankan oleh kerajaan. Terima kasih.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pandangan Yang Berhormat itu kita akan ambil maklum tetapi untuk makluman keseluruhan peruntukan RM5 bilion itu diagihkan kepada banyak perkara terutamanya berkaitan *research* dan *development* termasuk juga peruntukan-peruntukan dana bagi *commercialization*. Sebenarnya banyak lagi pertandingan lain yang diadakan contohnya MDeC sekarang ini juga mengadakan bagi sesi tahun kedua IT Greatest Challenge. Ini terbuka bukan sahaja di peringkat sekolah tapi terbuka pada peringkat orang ramai di mana pertandingan ada empat kategori. Pertama, kategori *animation* ataupun animasi di mana lima pemenang akan dianugerahkan hadiah, sebanyak 50 orang setiap pemenang dan mereka bukan sahaja akan memasuki pertandingan tetapi mereka akan didedahkan dengan *mentorship* program selama enam bulan dan kategori ini sebenarnya sudah ditutup untuk pertandingan. Sudah dibuka tapi tempoh untuk memasuki pertandingan sudah ditutup. Namun begitu ada tiga lagi yang masih dibuka untuk pendaftaran iaitu permainan komputer ataupun *casual computer games* di mana tiga pemenang akan diberi hadiah RM50,000 seorang dan *mentorship* program selama dua bulan. Jadi ini permainan komputer selama 30 hingga 45 minit.

Yang satu lagi ialah komik digital ataupun *digital comic*. Tujuannya ialah untuk kita mencipta atau menggalakkan kreativiti di kalangan anak-anak kita terutamanya menghasilkan cerita-cerita yang berasaskan kepada tradisi dan kebudayaan tempatan kita. Misal kata di Melaka sudah buat kisah Hang Tuah misalnya telah dianimasikan dan ini *mentorship* juga enam bulan dan ilustrasi komik 44 muka surat dan komik digital yang berkaitan.

Yang akhir sekali ialah kandungan mudah alih ataupun *mobile content* di mana lima pemenang akan dihadiahkan setiap seorang RM50,000 dan *mentorship* programnya pun lima bulan. Ini terbuka dan tarikh tutup pertandingan ialah 31 Julai 2008.

Selain daripada itu dari segi hadiah yang lain untuk pelajar-pelajar sekolah terutamanya kita bukan sahaja melihat a menilai daripada wang ringgit tetapi yang lebih penting ialah untuk menarik menanam minat mereka dalam bidang sains teknologi dan inovasi. Sebab itu bagi pemenang peringkat sekolah akan dibawa keluar negara untuk melihat, melawat negara yang maju dalam bidang teknologi ini dan mereka akan dibawa melawat kepada syarikat-syarikat

ataupun institusi yang berkaitan dengan pembangunan teknologi. Ini lebih penting supaya mereka akan dapat menambah minat mengembangkan minda mereka dan akan dapat idea untuk balik mengembangkan minat mereka dalam bidang inovasi ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga mencadangkan supaya hak cipta patut diberikan kepada pelajar yang telah berjaya mencipta satu produk baru. Kementerian sememangnya sentiasa menggalakkan supaya setiap reka cipta dan inovasi yang dihasilkan oleh semua pihak termasuk pelajar sekolah di paten dan didaftarkan. Insentif serta bantuan pembiayaan akan terus disediakan bagi tujuan ini.

#### ■1720

Kajian akan dibuat bagi mengurangkan kos pendaftaran paten supaya ia mampu ditanggung oleh pengusaha kecil. Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek penyelidikan dan pembangunan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim telah menimbulkan persoalan berhubung tindakan susulan yang diambil oleh kementerian terhadap penemuan-penemuan baru yang dihasilkan oleh rakyat di sebalik pelbagai pengiktirafan yang telah diperolehi. Manakala Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar pula telah membangkitkan akan keperluan mempertingkatkan penemuan-penemuan baru daripada R&D.

Matlamat pembiayaan R&D adalah untuk menjana kekayaan negara dengan melengkapkan hasil-hasil R&D supaya hasil tersebut dapat dikomersialkan atau diguna pakai dan seterusnya menghasilkan keluaran-keluaran baru. Ini bermakna kita dapat melengkapkan dan meneruskan rantai nilai daripada ilmu sains kepada teknologi melalui R&D dan seterusnya kepada C ataupun pengkomersialan. MOSTI memberi tumpuan kepada langkah-langkah untuk mengatasi jurang-jurang yang wujud dalam penyambungan rantai nilai dengan melaksanakan bidang-bidang pra R&D, prapengkomersialan dan akhirnya pengkomersialan output R&D. Berikutan itu beberapa inisiatif pembiayaan R&D, MOSTI telah pun berjaya mengkomersialkan beberapa hasil R&D. MOSTI juga sedang menyediakan garis panduan pengkomersialan hasil-hasil R&D yang dibiayai oleh kerajaan bagi meningkatkan pengkomersialan hasil-hasil R&D di samping menyediakan dasar pemberian royalti kepada para saintis yang berjaya mengkomersialkan hasil penyelidikan mereka.

Kerajaan menyedari untuk memastikan matlamat pengkomersialan *output* R&D berjaya dicapai adalah penting bahawa penglibatan syarikat-syarikat swasta di dalam aktiviti R&D diberikan penekanan. Sebagai usaha memperbaiki penglibatan industri swasta maka dana MOSTI sedia ada khususnya *Techno Fund* mewujudkan mekanisme pembiayaan yang menggalakkan aktiviti R&D yang diterajui pasaran menerusi penubuhan dan penekanan kerjasama antara institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi dengan pihak industri swasta. Ia merupakan salah satu langkah yang perlu dalam memastikan hasil penyelidikan mampu dieksploitasi oleh pihak industri.

Dalam hal ini institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi digalakkan berkolaborasi dengan industri dalam melaksanakan aktiviti R&D berdasarkan prinsip perkongsian risiko ataupun *risk sharing*. Industri akan mengenal pasti dan menyediakan laluan bagi projek-projek berpotensi dari aspek pengkomersialan untuk dibawa ke pasaran di samping melalui *spin off* ataupun pelesenan. Ini menggalakkan pembudayaan aktiviti R&D di peringkat industri dan seterusnya mendorong pelaburan ke atas aktiviti tersebut oleh pihak swasta. Sehingga kini terdapat sebanyak 80 projek yang dijalankan secara usaha sama antara institusi penyelidikan dengan industri daripada 128 projek penyelidikan *Techno Fund* yang diluluskan oleh MOSTI. Di samping itu sebanyak 699 projek usaha sama institusi penyelidikan dan industri di bawah *Science Fund* juga telah dibiayai.

Menyentuh tentang keupayaan R&D negara, untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sejak Rancangan Malaysia Kelapan hingga kini melalui pembiayaan dana *Intensification of Research in High Priority Areas* yang kini dikenali sebagai *Science Fund* dan *Techno Fund* sebanyak 148 projek telah dikenal pasti berpotensi untuk dikomersialkan. Daripada jumlah ini sebanyak 179 paten telah didaftarkan dan 53 projek telah dikomersialkan. Melalui projek-projek ini juga kita juga telah berjaya menghasilkan 1,685 graduan ijazah lanjutan.

Bagi memastikan hasil R&D dapat dimajukan hingga ke peringkat komersial, penekanan khusus telah diberikan pada usaha untuk mempertingkatkan kolaborasi di antara institusi penyelidikan dengan pihak industri. Malah bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan kriteria ini merupakan salah satu prasyarat bagi mempertimbangkan permohonan geran-geran pembiayaan R&D. Selain itu MOSTI juga menyediakan *Commercialization of R&D Fund* (CRDF) bagi membiayai aktiviti-aktiviti pengkomersialan. Di samping itu terdapat juga syarikat-syarikat modal teroka ataupun *venture capital* di bawah Kementerian Kewangan yang menyediakan dana bagi membantu para penyelidik untuk mengkomersialkan produk-produk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini juga mengucapkan terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Rahman Bakar melihat Program Angkasawan Negara sebagai sesuatu yang begitu positif khususnya di dalam menjana minat baru di kalangan para pelajar baru sekolah. Seterusnya telah mencadangkan agar program tersebut diteruskan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan sejak awal lagi memang menyedari akan potensi besar sektor angkasa sebagai sektor masa hadapan yang merentas pelbagai bidang sains, teknologi dan industri. Sektor ini bukan sahaja dapat dimanfaatkan sebagai pemacu ekonomi dan pembangunan negara melalui penerokaan bidang baru dan inovasi malah ia juga menepati strategi menempatkan negara bergiat di peringkat serantau.

Sebagaimana kita sedia maklum, bagi program angkasawan ini kita sudah maklumkan bahawa setakat ini kerajaan masih di peringkat mengkaji. Maknanya untuk program sama ada

kita akan menghantar angkasawan kedua bergantung pada satu peruntukan. Kedua, bergantung pada *cost benefit analysis* yang bakal kita telah selesai laksanakan. Insya-Allah kita akan kemukakan kepada Kabinet untuk dibentangkan bagi mendapat keputusan Kabinet dan juga bergantung pada sejauh mana kerjasama di antara *Roscosmos*, NASA, ASSA ataupun JASA dalam kita bekerjasama dengan mereka supaya kos dapat kita jimatkan ataupun kurangkan kalau kita meneruskan program angkasawan yang kedua ini dan juga kerjasama dengan institusi serta IPT peringkat dalam negeri dan juga luar negara berkaitan dengan kajian-kajian yang bakal kita lakukan supaya perkongsian ini akan dapat menentukan berapakah kos sebenarnya yang akan kita tanggung untuk kita teruskan projek angkasawan kedua ini. Namun demikian, dalam apa keadaan pun kita akan melihat kepada maklum balas daripada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan ini dan juga daripada para saintis kita dan keseluruhan rakyat Malaysia sebelum kita memutuskan berkaitan dengan program ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya MOSTI sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas minat serta keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai usaha program dan strategi Kementerian ini. Seterusnya MOSTI berharap dengan kerjasama dan keprihatinan dari Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan dapat membantu Kementerian dalam mencapai matlamat dan visi negara kita. Untuk itu saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sukacita saya jemput Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**5.27 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan pelbagai pandangan, ulasan dan cadangan yang bernas dan ia akan diambil kira sebagai input dalam pelaksanaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya akan menggulung isu-isu am yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini merangkumi isu-isu agama, rasuah, penajaan biasiswa dan pendatang asing tanpa izin. Dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi dan Yang Berhormat Senator Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah menyentuh isu-isu yang berkaitan agama.

Tan Sri Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yang di-Pertua itu sudah betul tu.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz Md. Nawi mencadangkan agar ditubuhkan Mahkamah Kewangan Islam mengikut zon bagi memudahkan umat Islam menyelesaikan kes yang tidak dapat diselesaikan melalui Mahkamah Tinggi dan mahkamah sivil berhubung dengan isu perbankan Islam dan syariah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah Perlembagaan Persekutuan Jadual 9 Senarai 1 Persekutuan, perkara-perkara mengenai kewangan dan perbankan Islam terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Justeru itu apa-apa pertikaian yang dibangkitkan akan diputuskan oleh Mahkamah Sivil. Bagaimanapun cadangan mewujudkan Mahkamah Tinggi Sivil dan mahkamah yang lebih tinggi daripadanya yang mengandungi komposisi Hakim Sivil dan Syariah atau *mix bench* yang mempunyai kepakaran dalam kewangan dan perbankan Islam memerlukan pindaan sewajarnya dibuat kepada peruntukan dalam Perlembagaan persekutuan mengenai penubuhan mahkamah, pelantikan dan kelayakan hakim serta peruntukan berkaitan dalam Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Peruntukan yang sedia ada tidak mengizinkan cadangan ini dilaksanakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan sekarang hendak pinda Perlembagaan pun sudah susah.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Mengambil masa yang panjang, Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan itu juga usaha-usaha menyediakan hakim-hakim yang mempunyai kepakaran tersebut ataupun *capacity building* perlulah dilaksanakan. Adalah diharapkan dengan pelaksanaan tindakan-tindakan tersebut hasrat kerajaan menjadikan negara sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa dapat direalisasikan sepenuhnya.

#### ■ 1730

Yang Berhormat seterusnya ingin mengetahui pelan tindakan untuk menggalakkan golongan muda untuk mengerjakan haji. Bagi tujuan menggalakkan golongan muda Islam menunaikan fardu haji, Tabung Haji telah mengadakan sistem pendaftaran haji terbuka sejak tahun 1994 di mana semua umat Islam tanpa mengira peringkat umur boleh mendaftar untuk menunaikan fardu haji dan membuat pilihan tahun pemergian mereka ke tanah suci.

Hasilnya pada hari ini, bilangan terkumpul umat Islam di negara ini yang telah membuat pendaftaran haji mengikut tahun pilihan mereka adalah lebih daripada 330,588 orang. Daripada jumlah tersebut, 105,271 adalah mereka yang mendaftar pada tahun 2007.

Di samping itu, Tabung Haji telah melancarkan Kelab TaHa dengan kerjasama akhbar Berita Harian pada 10 April 2008 sebagai menggantikan Program Skim Hadiah Galakan Sekolah-Sekolah Malaysia. Tujuan utama adalah untuk menanam minat menabung di kalangan para pelajar serta menambah minat mereka terhadap laungan Kaabah di samping memberi manfaat kepada para penabung muda melalui program-program kelab.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator juga mencadangkan agar Tabung Haji dan institusi kewangan Islam yang lain dapat memberikan pinjaman kewangan ataupun *Qardul Hassan* kepada semua orang muda daripada umur 25 tahun ke atas untuk membiayai kos mengerjakan haji atau umrah.

Untuk makluman Yang Berhormat, Akta Tabung Haji 1995 tidak boleh memberi pinjaman kepada mana-mana individu bagi tujuan pinjaman peribadi dan juga untuk menunaikan haji dan umrah seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Bagi institusi-institusi kewangan

yang lain, ianya tertakluk kepada bidang kuasa perbankan masing-masing. Lagipun Yang Berhormat, mengerjakan ibadat haji adalah tertakluk kepada kemampuan. Bukan sahaja dari segi fizikal tetapi diambil kira juga daripada segi-segi yang lain dan seorang yang hendak menunaikan fardu haji dituntut untuk menyelesaikan hutang terlebih dahulu dan bukannya berhutang sebelum menunaikan haji.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Saya pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sudi menjawab soalan yang telah saya kemukakan.

Berkenaan dengan ini, saya ada menyatakan dalam perbahasan pada tempoh hari mengenai apakah keputusan Majlis Fatwa berhubung dengan pinjaman ataupun pembiayaan kepada mereka yang ingin bergelar 'haji'. Ini kerana kita melihat senario yang berlaku sekarang, orang muda boleh meminjam sampai RM350,000.00 untuk membina rumah ataupun membeli kereta sehingga berharga RM200,000.00.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Jadi, kalau hendak menyelesaikan keseluruhan hutang dengan gaya hidup yang mewah bahawa mereka berminat atau pun mengatakan diri mereka bahawa fardu untuk pergi menunaikan haji adalah benda yang tidak tepat.

Oleh yang demikian sebagai sebuah kerajaan yang berteraskan Islam, sepatutnya kita menggalakkan ataupun memberikan peluang kepada mereka dan memberikan satu penyelesaian apakah cara yang mereka ini akan pergi dalam waktu yang muda dan bukan menunggu sehingga habis hutang sampai masuk kepada usia mereka 60 tahun? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanyakan soalan. Sebenarnya kalau merujuk kepada Majlis Fatwa, Majlis Fatwa tidak cenderung untuk memberikan hutang kepada mereka-mereka yang ingin menunaikan haji.

Saya mungkin bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat yang mengatakan bahawa dalam hari ini banyak orang membuat hutang untuk kereta dan sebagainya. Yang Berhormat kena faham bahawa soal kereta, rumah dan sebagainya adalah keperluan untuk kehidupan. Sedangkan tuntutan haji mempunyai satu klausa bahawa [*Menyebut dalam bahasa Arab*] dalam Rukun Islam kita iaitu bagi yang mampu. Bagi yang mampu, tidak perlu sampai berhutang kerana ia adalah tertakluk kepada kemampuan kita.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Laluan sekali lagi.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap perkara ini tidak mengelirukan sesiapa kerana dalam keperluan. Dia ada *Dharuriyat, Hajiyat, Tahsiniyat*.

Jadi dalam keadaan ini, kalau kita mengatakan bahawa RM300,000.00 untuk kereta adalah satu *Dharuriyat*, adalah perkara yang tidak benar. Jadi dalam kaedah ini dalam kita

hendak mendidik rakyat, sepatutnya kaedah *Tahsiniyat* itu dikurangkan terutamanya dalam keadaan kita ingin mengatasi masalah kenaikan harga minyak. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, kalau kita bercakap tentang *Dharuriyat*, *Hajiyat* dan *Tahsiniyat*, iaitu keperluan dan juga kepada kemewahan dan sebagainya, hanya individu tertentu sahaja yang boleh menentukan sama ada ini keperluan ataupun merupakan lebih kepada kemewahan dan sebagainya.

Jadi sebenarnya bila kita bercakap tentang persoalan untuk memberi hutang untuk mengerjakan haji, seperti mana saya sebutkan tadi, kalau bagi institusi kewangan yang lain, mungkin sekarang ini Bank Islam Malaysia misalnya ataupun Bank Rakyat ada memberi pinjaman untuk umrah sahaja tetapi tidak lagi kepada menunaikan haji kerana Majlis Fatwa sendiri Yang Berhormat tidak cenderung ke arah tersebut.

Jadi Yang Berhormat juga mencadangkan agar kerajaan menyediakan satu penyelesaian praktikal agar umur warga emas yang diberi keutamaan untuk mengerjakan haji diturunkan kepada 50 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan ini belum dapat dilaksanakan kerana bilangan mereka yang berumur dalam lingkungan 60 tahun hingga 70 tahun ke atas masih tinggi. Sekiranya kesemua yang berumur dalam lingkungan 60 tahun hingga 70 tahun ke atas diberi keutamaan, bermakna mereka akan membentuk lebih daripada 50%. Maknanya orang membuat haji tahun ini semuanya orang tua-tua belaka. Orang-orang muda tidak dapat pergi juga. Ia bercanggah dengan kenyataan Yang Berhormat pada peringkat awal. Langkah ini akan menafikan mereka yang mengikut giliran dan akan menyulitkan urusan operasi kerana pergerakan mereka terutama sekali kemuncak haji ini memerlukan keupayaan fizikal. Oleh itu Tabung Haji masih memberikan pertimbangan dan keutamaan kepada mereka yang berumur dalam lingkungan 60 tahun hingga 70 tahun ke atas dalam bilangan yang tertentu supaya dapat diuruskan dengan baik.

Yang Berhormat juga menyarankan agar semua kakitangan awam dan swasta memiliki integriti diri. Pembinaan spiritual manusia tidak boleh diselesaikan melainkan dengan mengikuti agama samawi sebagaimana kepercayaan kepada Tuhan dalam Rukun Negara serta mengutamakan Rukun Islam. Keutamaan solat fardu tidak dapat dinafikan akan melahirkan kakitangan awam dan pekerja yang komited dengan tugas, amanah dan bertanggungjawab serta patuh kepada kepimpinan.

Untuk makluman Yang Berhormat, solat adalah salah satu daripada cara pengukur dan kaedah untuk menerapkan integriti tetapi bukan satu-satunya cara untuk berbuat demikian. Kalau kita merujuk kepada Perlembagaan Malaysia, Akta 8(2), dalam perkara kesamarataan. Saya bacakan Akta ini, "Kecuali sebagaimana yang dibenarkan dengan nyata oleh Perlembagaan ini tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara semata-mata atas alasan agama, ras,

keturunan, tempat lahir atau jantina dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan kepada apa-apa jawatan atau pekerjaan di bawah sesuatu pihak berkuasa awam atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pemerolehan, pemegangan dan pelupusan harta atau berhubung dengan penubuhan atau perjalanan apa-apa pertukangan, perniagaan, profesion, kerjaya atau pekerjaan”.

Jadi Yang Berhormat, kalau kita merujuk kepada zaman Rasulullah SAW sendiri, pelantikan merujuk kepada kriteria yang tertentu, tidak hanya sekadar untuk melaksanakan solat sahaja tetapi persoalan hubungan sesama manusia atau *Hablunminallah* dan *Hablunminannas* juga diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga mencadangkan agar kerajaan dapat mempromosikan pelancongan ibadat ke Kelantan di dalam kalendar pelancongan negara sebagai satu acara menarik ke Malaysia iaitu dengan memprogramkan agar masjid yang cantik dan mempunyai sejarah Islam di negara ini dihargai oleh rakyat Malaysia serta pelancong asing.

Yang Berhormat membangkitkan juga tentang promosi program seperti lhya' Ramadhan, Tadarus Perdana, Bulan Solat, Hijrah Rasul dapat menarik pelancong asing serta masyarakat bukan Islam agar dapat memahami budaya dan adat resam masyarakat Islam di negara ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah pun mewujudkan pelan tindakan menghadharikan masjid dalam usaha mempelbagaikan fungsi masjid. Salah satu strategi menghadharikan masjid ialah menjadikan masjid sebagai destinasi pelancongan. Masjid utama di setiap negeri dan masjid bersejarah telah pun kita kenal pasti dan akan disenaraikan sebagai tumpuan dan daya tarikan pelancongan. Masjid-masjid yang terlibat dalam program ini telah dipergiatkan untuk menyediakan pelbagai kemudahan seperti risalah penerangan, keceriaan, kebersihan, tempat letak kereta, bahan pameran dan sebagainya. Ia sebagai penjelasan kepada pelancong dan sebahagian program ini telah mendapat kerjasama dengan Kementerian Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain pula mencadangkan JAKIM berlandaskan al-Quran dan bekerjasama dengan NGO agar dapat menangani gejala homoseksual dan lesbian di negara ini. Disebabkan Yang Berhormat yang bertanyakan soalan itu ada di sini? Oh, ada. Ada di sini, saya akan jawab. Untuk makluman Yang Berhormat, kita memang mengambil langkah-langkah yang bersifat pemulihan dan juga bersifat preventif ataupun pencegahan.

#### ■ 1740

Yang bersifat pemulihan kita mengadakan pusat pemulihan dan Darul Saadah daripada JAWI, dan begitu juga perkara-perkara yang berkaitan dengan homoseksual dan lesbian. Sebenarnya adalah terkandung di bawah kesalahan kesusilaan iaitu salah moral di bawah Akta



356. Di bawah preventif pula ataupun pencegahan Yang Berhormat, kita dengan pertubuhan bukan kerajaan atau JAKIM dengan pertubuhan bukan kerajaan. Sentiasa mengadakan seminar, bengkel, program pendidikan seperti Kelas Fardu Ain dan Al-Quran, Kursus Pengurusan Jenazah yang diberikan. Seperti yang kita adakan di Yayasan *Pink Triangle*, Rumah Sinar Islam, Rumah Perlindungan Pernim, Rumah Titian Kasih dan berbagai-bagai lagi program yang diadakan itu tidak termasuk kaunseling dan khidmat nasihat yang sentiasa diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga menyarankan agar JAKIM dapat memainkan peranannya lebih global bersesuaian dengan cabaran semasa dunia serta dapat memainkan lebih peranan dalam pembangunan modal insan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, JAKIM sentiasa memainkan peranan dalam menjalankan aktiviti dakwah di dalam dan di peringkat antarabangsa selari dengan cabaran semasa dunia. Program-program kursus, seminar, bengkel kepada semua lapisan masyarakat terus diadakan melalui media elektronik dan juga media cetak bagi mendidik rakyat.

Pembangunan modal insan pula JAKIM berperanan untuk menubuhkan Darul Quran yang melatih seramai 850 orang pelajar di peringkat sijil dan diploma. Begitu juga melatih kakitangan kerajaan, swasta, pemimpin masyarakat, petugas agama seperti guru KAFA, imam masjid dan surau, para pendakwah di beberapa pusat latihan JAKIM seperti di ILIM, Pusat Latihan Dakwah Kundasang Sabah, Pusat Latihan Sarawak, Pusat Pemantapan Akidah Jelebu, Negeri Sembilan dan begitu juga pelbagai kursus yang berasaskan kepada bina takwa, bina insan dan tasawur Islam diadakan.

Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn, membangkitkan isu rasuah. Begitu juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada kementerian kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa ada banyak rumah yang boleh menempatkan mereka yang mungkin akhlaknya tidak berapa baik dan sebagainya. Saya cuma hendak tahu, adakah JAKIM ini dia buat tindakan ataupun apa-apa hanya melalui aduan? Maknanya kalau kita adu, kemudian disiasat dan barulah mereka ini ditempatkan di rumah-rumah yang disediakan. Walaupun JAKIM rasa tidak perlu menengok. Bila nampak benda itu memang tidak patut ada, umpamanya macam kita tengok sekarang ini penglibatan anak muda kita khasnya dalam perwatakan mereka daripada lelaki jati jadi kepada perempuan. Hari ini berleluasa. Jadi adakah JAKIM hendak tunggu orang ini pergi ke rumah itu baru diberikan bimbingan, tanpa ada penyiasatan ataupun

tengok, nampak sahaja benda itu terus panggil dan beri nasihat sebagai orang Islam? Itu soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maknanya bertindak secara proaktiflah?

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya sepertimana yang saya sebutkan tadi. Tindakan kita ini ada dua. Satu, dari segi aduan yang telah dibuat oleh orang ramai. Kita akan mengadakan siasatan dan sekiranya perkara ini memang di bawah kesalahan syariah maka undang-undang, kuat kuasa akan diambil. Dan ini kita bersama-sama dengan polis dan juga Kementerian Dalam Negeri dan pelbagai pihak yang lain seperti RELA bersama-sama dalam operasi ini.

Dalam masa yang sama kita juga mengambil tindakan pencegahan, tetapi Yang Berhormat kita dalam bidang dakwah ini, kita perlu mendekati kerana pendekatan kita ini adalah lebih kepada mendidik daripada mengambil tindakan undang-undang. Jadi mana-mana yang dapat kita didik dan kita perbetulkan kedudukan mereka kita akan betulkan. Cuma seperti mana yang saya sebut tadi, walaupun kita ada pusat pemulihan dan sebagainya, kita tidak boleh mendapatkan perintah mahkamah untuk memaksa mereka kerana pusat pemulihan kita ini lebih berdasarkan kepada sukarela. Mereka yang telah ditangkap sekiranya secara sukarela mahu untuk dipulihkan, maka akan ditempatkan di pusat-pusat pemulihan ini untuk kita menjalankan pemulihan kepada mereka. Dan dalam masa yang sama kita akan sentiasa turun padang untuk menangani segala isu-isu yang berkaitan dengan isu sosial.

Ada satu program baru yang telah dibuat oleh pihak JAKIM iaitu Salam Hadhari, dan juga Masih Ada Yang Sayang. Di mana kita juga turut menziarahi Lorong Haji Taib misalnya Yang Berhormat untuk mengadakan pemantauan dan sebagainya. Akan tetapi begitu yang kita sebut bahawa kita tidak ada dari segi perintah mahkamah untuk memaksa mereka ini berada dalam pemulihan, tetapi ia adalah lebih kepada sukarela.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bercakap, maksud saya sekarang ini umpamanya kita tengok permasalahan yang berlaku hari ini. Sebagai orang Islam kita tahu setiap kemungkaran itu akan dilaknat oleh Allah SWT. Jadi, sekarang ini maksud saya bukan yang ditangkap di Lorong Haji Taib itu. Itu memang sudah terjebak teruk.

Tapi yang saya maksudkan adakah JAKIM tidak mempunyai hak untuk memberikan teguran membina. Khasnya kalau kita tengok di rancangan-rancangan televisyen kita hari ini. Saya tidak tahu nama pelakon itu. Pelakon yang selalu buat kelakar itu. Dia ini orang lelaki ada anak pinak, tetapi bila berlakon di televisyen dia berlagak seperti pondan. Maknanya tidak adakah kuasa JAKIM untuk memberi nasihat kepada Jabatan Penyiaran supaya kita elakkan daripada perkara-perkara begini berlaku. Bukan maknanya orang itu untuk terus masuk...

Maknanya benda yang tak patut dipertontonkan oleh rakyat kita. Itu yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya kami di pihak JAKIM menyediakan satu garis panduan. Kita ada satu garis panduan yang kita berikan kepada media. Bagaimana garis panduan untuk hiburan, garis panduan untuk drama dan sebagainya yang memang tidak dibenarkan. Dari segi penguatkuasaan undang-undang, kita tidak mempunyai kuasa undang-undang tetapi kita mengeluarkan satu garis panduan yang pada harapan kita kementerian-kementerian berkenaan akan akur dan tunduk kepada garis panduan.

Kalau Yang Berhormat merujuk kepada aksi-aksi lelaki menjadi wanita atau sebaliknya memang telah pun ada dalam garis panduan yang menghalang supaya perbuatan demikian dipamerkan. Akan tetapi terpulang kepada kementerian tersebut untuk menepatinya ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambung kepada isu-isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain. Ahli Yang Berhormat Senator Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn dan juga Yang Berhormat Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam. Membangkitkan isu rasuah. Bagaimanapun kedua-dua Ahli Yang Berhormat tidak hadir dalam Dewan ini. Saya mohon daripada Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab secara bertulis.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin telah membangkitkan isu mengenai pemberian biasiswa kerajaan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam dan mencadangkan supaya pemberian biasiswa dibuat berasaskan sistem merit, bagi menggantikan sistem kuota yang sedang diamalkan. Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, kriteria bagi penajaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam yang diguna pakai pada masa ini adalah berdasarkan sistem merit. Kriteria yang diambil kira adalah kecemerlangan akademik iaitu 70% daripada jumlah wajaran penyertaan pelajar dalam program kokurikulum 10%, prestasi semasa temu duga 10%, dan latar belakang sosioekonomi atau keluarga 10%.

Yang Berhormat Senator Tuan Maijol bin Mahap membangkitkan isu mengenai pendatang asing tanpa izin di Sabah dan mencadangkan penubuhan satu Suruhanjaya Diraja bagi mengatasi masalah tersebut. Yang Berhormat ada di dalam Dewanakah?

**Tuan Maijol bin Mahap:** Ada.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Yang Berhormat ada. Saya jawab untuk makluman Yang Berhormat. Jemaah Menteri telah mewujudkan satu Jawatankuasa Kabinet Khas Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan masa ini Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah/Labuan di bawah Majlis Keselamatan Negara atau MKN. Jabatan Perdana Menteri pada masa ini bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin di Sabah di bawah

arahan 16 Perdana Menteri. Operasi besar-besaran yang bersepadu bagi membasmi pendatang tanpa izin di Sabah akan dilancarkan pada minggu pertama bulan Ogos 2008.

Sehubungan dengan itu, cadangan penubuhan Suruhanjaya Diraja mengenai pendatang asing adalah tidak perlu, memandangkan kerajaan telah mengambil tindakan sewajarnya. Berhubung dengan masalah pendatang asing tanpa izin juga, Yang Berhormat Senator Tuan Majjol bin Mahap turut menyarankan supaya pusat-pusat tahanan diperbanyakkan supaya dapat menampung lebih ramai pendatang asing tanpa izin. Sementara menunggu proses untuk mereka pulang ke negara masing-masing. Yang Berhormat juga menyeru penglibatan semua jentera kerajaan yang berkenaan selain polis, seperti Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia, RELA, imigresen dan ketua-ketua kampung di Sabah membantu kerajaan dalam membasmi pendatang asing tanpa izin di Sabah.

■1750

Untuk makluman Yang Berhormat, pusat tahanan tambahan bagi menempatkan pendatang asing tanpa izin sedang dalam peringkat perancangan untuk dibina di Papar dan Lahad Datu di Sabah. Sehingga kini terdapat tiga buah pusat tahanan sementara di negeri Sabah iaitu Menggatal, Tawau dan Sandakan bagi menempatkan tahanan pendatang asing tanpa izin sebelum mereka diusir pulang ke negara masing-masing. Dua buah pusat tahanan sementara kini baru dibina masing-masing di Papar dan di Sibuga, Sandakan. Manakala di Tawau, sedang dibesarkan lagi dengan pembinaan enam blok tahanan baru.

Oleh yang demikian, apabila kesemua pusat tahanan sementara yang baru ini siap kelak, lebih ramai tahanan pendatang asing tanpa izin akan dapat ditempatkan. Saya juga mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat Senator...

**Tuan Majjol bin Mahap:** Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ada dua jenis pendatang asing tanpa izin. Satu, mereka yang memang tidak mempunyai dokumen langsung. Inilah yang akan dipulangkan nanti mulai awal bulan depan. Satu lagi kumpulan ialah mereka-mereka, pendatang asing tanpa izin yang memang pendatang asing tetapi sudah mempunyai MyKad, mereka mendapatkan MyKad itu melalui pintu belakang, *through dubious means*, dengan izin. Jadi, apa harapan kerajaan mengenai dengan kumpulan kedua tadi itu, yang sudah menetap di Sabah, ada MyKad tetapi diperolehi melalui pintu belakang.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini kalau Yang Berhormat tanya tentang pendatang asing tanpa izin, kita memang ada dua kategori, yang keduanya yang disebut sebagai pendatang laur negara yang memang pada awalnya halal, kemudian menjadi haram. Ini, dia datang dengan dokumen yang sah, kemudian, setelah itu dia duduk dengan dokumen yang tidak sah.

Apa Yang Berhormat rujukkan tadi ialah, dari segi zahirnya memang sah sebab dia mempunyai *MyKad*, tapi sebab dia main belakang ni, Yang Berhormat, jadi, kita jangan main belakang Yang Berhormat. Jadi, yang ini dari segi dasarnya kalau kita lihat, dia memang

mempunyai dokumen yang sah untuk dia tinggal di sini, tetapi mendapatkannya secara haram dan ini mungkin kita boleh rujuk kepada Kementerian Dalam Negeri kerana kesalahan dari segi pendaftaran atau pun Jabatan pendaftaran Negara.

Saya menyambung soalan daripada Yang Berhormat Senator juga yang menyeru penglibatan semua jentera kerajaan yang berkenaan selain polis, seperti Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia, RELA, imigresen dan ketua-ketua kampung di Sabah bagi membantu kerajaan dalam membasmi pendatang asing tanpa izin di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, agensi-agensi penguatkuasaan ini sebenarnya telah lama bekerjasama dalam membasmi masalah pendatang asing tanpa izin di negeri Sabah. Contoh utama adalah Ops. Bersepadu yang telah dijalankan selama ini yang melibatkan kerjasama agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia, RELA, Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah Labuan, Jabatan Pendaftaran Negara dan Imigresen dalam urusan berkaitan bidang kuasa masing-masing.

Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia juga turut bekerjasama dalam membanteras kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini. Dalam hubungan tersebut, Pasukan Agensi Penguat Kuasa Maritim Malaysia sentiasa melakukan rondaan di laut sebagai *visible deterrent*, dengan izin, bagi mengawal perairan negara. Di samping itu, Agensi Penguat kuasa Maritim Malaysia juga sentiasa meningkatkan jaringan maklumat perisikan untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai pergerakan *vessel* pembawa pendatang asing tanpa izin agar tindakan memintas akan dapat dilaksanakan. Operasi pengawasan juga dibantu dengan sistem pengawasan laut bagi memantau setiap pergerakan *vessel* yang mencurigakan di Perairan Selat Melaka.

Yang Berhormat Senator Dato' Musa Haji Sheikh Fadzir membangkitkan isu mengenai sesetengah pihak yang cuba mempertikaikan hak sesuatu kaum lain. Ini dilihat melalui tindakan Majlis Peguam yang telah mengadakan Forum Ketuanan Melayu yang mempertikaikan hak-hak keistimewaan orang Melayu padahal perkara ini tidak perlu dibangkitkan oleh mana-mana kaum kerana telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Yang Berhormat Senator Dato' Musa ada dalam Dewan kah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada, Dato' ada.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Ada Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Yang Berhormat, terima kasih kerana sedia menunggu. Untuk makluman Yang Berhormat, sikap sesetengah pihak yang mempertikaikan hak-hak keistimewaan orang Melayu di bawah Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan adalah tidak wajar. Ianya merupakan satu perkembangan yang tidak sihat bagi negara ini yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa, kaum dan agama. Tindakan ini bukan sahaja menyentuh hak keistimewaan orang Melayu, bahkan juga menyentuh hak istimewa kaum bumiputera di

Sabah dan Sarawak. Ini bererti, golongan ini bukan sahaja telah menyinggung perasaan orang Melayu, bahkan turut menyinggung perasaan kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Kedudukan hak istimewa orang Melayu dan kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak ada kaitannya dengan Kontrak Sosial yang telah dipersetujui oleh tiga kaum utama Persekutuan Tanah Melayu ketika itu, kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India. Dua elemen utama Kontrak Sosial adalah seperti berikut;

- (i) penerimaan orang Melayu terhadap sebilangan besar penduduk bukan Melayu sebagai rakyat secara jus soli berdasarkan kelahiran di mana seramai kira-kira 800,000 orang bukan Melayu secara automatik telah menjadi warganegara sekali gus berhak untuk mendapat hak sebagai warganegara termasuk hak untuk mengundi; dan
- (ii) pengiktirafan kaum Cina dan India terhadap hak istimewa serta kepentingan kaum Melayu di negara ini. Hak keistimewaan tersebut telah dimaktubkan di dalam Perlembagaan Negara. Justeru, mempertikaikan hak keistimewaan Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak boleh diertikan sebagai mempertikaikan asas penggubalan Perlembagaan Negara.

Tindakan mempertikaikan hak keistimewaan orang Melayu ini sudah semestinya tidak mendatangkan kebaikan kepada mana-mana pihak kerana ianya boleh menimbulkan keresahan di kalangan masyarakat Melayu yang telah pun berkorban dengan penerimaan kaum Cina dan India sebagai warganegara melalui cara jus soli.

Mempertikaikan Perkara 153 merupakan perkara yang mempunyai kecenderungan menghasut yang mana di tegah di bawah Akta Hasutan 1948. Tindakan mempertikaikan Perkara 153 dan 152 ini pernah dilakukan dalam kempen pilihan raya 1969 dan ianya merupakan penyebab berlakunya rusuhan kaum 13 Mei. Sewajarnya, selepas 50 tahun merdeka, rakyat ini menjadi lebih matang dan tidak dengan sewenang-wenangnya membangkitkan perkara yang boleh menyentuh perasaan antara kaum.

Dalam perkara ini, Allahyarham Tun Abdul Razak pernah menyatakan, kalau peristiwa 13 Mei ini hendak dielakkan daripada berlaku lagi, kalau negara ini hendak selamat, mestilah kita pastikan supaya hal-hal yang mungkin menimbulkan ketegangan kaum tidak dipergunakan oleh golongan-golongan oportunistik yang tidak bertanggungjawab. Kita hanya dapat menjamin hal ini dengan mensyaratkan supaya hal-hal ini tidak dapat digunakan oleh penghasut-penghasut perkauman dan komunis dan subversif-subversif yang lain. Ini ada disebut dalam Laporan Majlis Gerakan Negara, Tun Abdul Razak Hussein.

Ungkapan ini memberi erti yang begitu bermakna dan adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat negara ini memelihara sensitiviti perkauman dan menerima hakikat bahawa

tanggungjawab tersebut amat penting bagi menjamin kesejahteraan, keharmonian dan keselamatan negara yang berkekalan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz Md. Nawi mencadangkan supaya semakan dibuat terhadap prosedur pendakwaan untuk melicinkan pendakwaan kes-kes di mahkamah. Untuk makluman Yang Berhormat, prosedur bagi pendakwaan kes di mahkamah ditadbir oleh Kanun Tatacara jenayah. Bagi melicinkan proses pendakwaan kes-kes di mahkamah, semakan terhadap peruntukan KTJ dibuat jika perlu mengikut keperluan semasa. Sebagai contoh, Seksyen 51A yang berkuat kuasa mulai 7 September 2007 mengehendaki pihak pendakwaan mengemukakan dokumen-dokumen yang relevan kepada pihak pembelaan sebelum perbicaraan dimulakan.

Selain itu, Jawatankuasa Kerja Kajian Kes-kes Tertunggak Mahkamah yang mana jawatankuasa ini juga dianggotai oleh Jabatan Peguam Negara, juga ditubuhkan untuk melicinkan pendakwaan kes di mahkamah. Jawatankuasa ini telah mencadangkan supaya perkara seperti *plea bargaining*, *criminal case management* dan *pre-child conference* diperkenalkan dalam prosedur pendakwaan jenayah di mahkamah untuk membantu mempercepatkan proses perbicaraan kes di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan dan saranan untuk perhatian kerajaan. Walau bagaimanapun. Mana-mana isu yang telah dibangkitkan tetapi telah tidak dirangkum dalam jawapan penggulungan ini, akan dipertimbangkan oleh agensi yang berkaitan, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

■1800

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih lagi sekali kerana terpaksa saya menggulung perbahasan yang terakhir dalam keadaan mata sayu dan wajah layu dan tertinggal beberapa sahaja di sini. Saya ucapkan ribuan terima kasih kerana Jabatan Perdana Menteri merupakan yang induk dalam pewarnaan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumkan segala aspek yang perlu di perkasa demi masa hadapan negara. Dalam konteks ini, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dan mungkin Tuan Yang di-Pertua, ada lebih kurang 30 Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan ini.

Jabatan Perdana Menteri merupakan satu jabatan yang begitu penting dalam merangka Rancangan Malaysia Kesembilan. Maka, ada banyak perkara kecil yang mungkin saya akan tinggalkan tetapi yang induk itu izinkan saya berbicara.

Yang pertama, Rancangan Malaysia Kesembilan yang diwarnakan atau yang telah dirangka pada 2006, mempunyai lima teras yang merupakan inti pati kepada pembangunan hala tuju negara. Yang pertama ialah meningkatkan ekonomi dan rangkaian nilai. Itu yang disebut sebagai mikro ekonomi. Sekarang kita banyak dipukul oleh ribut krisis ekonomi dunia dan ini merupakan fokus daripada ramai Ahli-ahli Parlimen khususnya soal berkaitan dengan inflasi, soal berkaitan dengan bantuan kepada golongan-golongan miskin dan sebagainya.

Maka, saya akan cuba untuk menjawab seberapa banyak yang boleh supaya maklumat-maklumat yang bakal diberi akan jadi panduan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan sampai ke peringkat akar umbi. Seterusnya yang kedua, perkara yang berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru. Penyusunan semula masyarakat dan mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi di kalangan warga Malaysia. Ketiga itu adalah berkaitan dengan inovasi dan juga teras ketiga, inovasi dan pengetahuan yang merupakan induk kepada hala tuju Perdana Menteri kita yang banyak menceritakan mengenai pembangunan modal insan. Seterusnya adalah berkaitan dengan *sustainable quality of life* dengan izin Tuan Yang di-Pertua iaitu kemapanan kualiti hidup, berkaitan dengan pendidikan kesihatan, alam sekitar dan sebagainya. Akhir sekali perkara yang dilaung-laungkan ataupun dibisik-bisikan ataupun marah-marah oleh Ahli-ahli Parlimen - sistem penyampaian iaitu berkaitan dengan *delivery system*.

Inilah lima perkara yang merupakan induk kepada Rancangan Malaysia Kesembilan. Semua perkara ini telah dihujahkan dan dibahaskan oleh Ahli-ahli Parlimen yang boleh kita ceritakan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini menghadapi krisis ekonomi dari segi krisis makanan, krisis tenaga, dan krisis alam sekitar. Maka, dalam keadaan begini sudah tentunya beberapa perancangan pada awal dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, terpaksa dikaji semula di peringkat separuh penggal. Sudah dua setengah tahun, kena kaji balik kerana pada 2008 dipukul oleh beberapa perubahan yang terpaksa kita *adjust* balik dengan izin supaya dana negara dapat digunakan semaksimumnya untuk output kesejahteraan masyarakat.

Dalam konteks ini, saya ingin melihat bahawa dalam konteks jangka pendek ini kita melihat *social safety net* adalah dalam bahasa Melayu dipanggil sebagai rangkaian jaringan keselamatan sosial di mana kita hendak menjaga rakyat jelata yang tidak berkemampuan tidak mendapat kesan yang buruk daripada kegawatan ekonomi ini. Itulah fokus Perdana Menteri kita dan Jabatan Perdana Menteri supaya ada golongan-golongan yang tidak mengalami masalah daripada perubahan-perubahan ini. Yang kedua adalah untuk menjamin dan memastikan bahawa matlamat kita untuk pembangunan negara di peringkat jangka masa panjang dan jangka masa sederhana itu dapat diamalkan.

Saya berbalik kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Maijol Mahap yang mencadangkan supaya kerajaan meningkatkan usaha memajukan tanah terbiar yang boleh dibangunkan untuk tujuan pertanian di Sabah Sarawak khususnya untuk memberi manfaat kepada penduduk pedalaman. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Kajian Separuh



Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, program pembangunan tanah terbiar terus diberi tumpuan. Program pembangunan kawasan tumpuan pertanian, program pembangunan pemulihan tanaman sagu, koko dan lada dan program penyatuan dan pemulihan tanah juga akan dilaksanakan oleh FELCRA untuk tujuan menggunakan tanah-tanah yang terbiar. Seterusnya ada agensi-agensi kerajaan seperti Lembaga Getah Sabah, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak, dan juga PELITA iaitu Lembaga Pembangunan Lindungan Tanah Sarawak yang akan mengambil bahagian dalam proses menggunakan tanah-tanah terbiar untuk nilai produktif yang lebih tinggi.

Maka, dalam konteks ini kita juga mengadakan Dasar Jaminan Makanan Negara khususnya untuk padi, beras, ternakan, perikanan, dan sayuran. Untuk perkara-perkara lain bersamaan dengannya akan saya ceritakan pada soalan-soalan ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui telah membangkitkan masalah yang dihadapi oleh petani di pedalaman Sabah dan Sarawak berikutan peningkatan kos input pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini bukan sahaja berlaku di Sabah Sarawak, tetapi juga dirasakan di negeri-negeri yang ketinggalan sedikit seperti di Kedah, Kelantan, Terengganu, negeri Perak dan beberapa negara yang masih ketinggalan dari segi pembangunan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang melaksanakan beberapa langkah segera untuk mengurangkan bebanan petani akibat peningkatan kos input pertanian. Yang pertama, intensif pengeluaran yang pertama untuk tanaman sayuran, buah-buahan, dan akuakultur. Saya ada terlalu banyak senarai di sini, tidak payah saya baca. Kalau Yang Berhormat inginkan maklumat-maklumat ini, boleh mendapatkan daripada saya. Memang terperinci. Percayalah jawatankuasa di peringkat Jabatan Perdana Menteri terlalu peka dan ingin memberi bantuan yang semaksimum untuk mengurangkan beban para petani di kawasan-kawasan pedalaman. Selain daripada itu, kerajaan juga menyediakan peruntukan geran yang lebih besar untuk melaksanakan projek-projek pertanian moden, *intensive cultivation* di kawasan pertanian sedia ada termasuk menyediakan bekalan input pertanian. Kerajaan juga membekalkan peruntukan khusus bagi membekalkan dan kepelbagaian pertanian, pendapatan pertanian melalui pelbagai agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Manakala pesawah akan terus diberikan subsidi baja serta jaminan harga minimum yang lebih tinggi. Untuk makluman Yang Berhormat, subsidi diesel melalui *fleet card* juga telah diberikan.

Contohnya petani itu akan juga terlibat dalam pemasaran dan apabila berlakunya pemasaran, maka terlibatlah *transporters* dengan izin dan juga *suppliers* yang memberikan barang-barang seperti baja, racun dan sebagainya dan kos ini telah meningkat dengan begitu mendadak. Maka, kerajaan mencari jalan bagaimana hendak membantu pihak ini mengurangkan

kos pembeliannya supaya produktivitiya akan dapat dipertingkatkan, jualannya akan dapat memberikan manfaat dan keuntungan. Baru-baru ini satu tan metrik sayuran diberi RM81 sebagai subsidi. Ini adalah satu yang dialu-alukan oleh para petani. Saya di Cameron Highlands, baru-baru ini kita juga ada mengadakan banyak dialog di antara Menteri Pertanian dan juga Menteri Pengguna, Dato' Shahrir Abdul Samad dan Dato' Mustapa bin Mohamed dan daripada hasil perbincangan, mereka dapat *close the gap*.

Kemungkinan ada banyak *gap* di mana ada pihak-pihak tertentu seperti di pasar borong yang mengambil kesempatan ke atas hal-hal seperti ini. *Transporters* yang ingin mengambil peluang dengan memberi permit mereka kepada orang lain tetapi dia pula mengambil subsidi petrol diesel. Kita kena tengok bagaimana kita boleh mengatasi masalah-masalah ini supaya golongan-golongan petani tidak diperkotak-katikkan demi keuntungan semata-mata. Itulah hala tuju kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui berpendapat bahawa belum ada pembangunan projek tanaman padi di Sarawak yang menggunakan peruntukan Kerajaan Pusat. Untuk perhatian Yang Berhormat, Kerajaan Pusat sememangnya telah menyalurkan banyak peruntukan melalui agensi-agensi yang sedia ada. Satu perkara yang menjadi isu di Sabah, Sarawak atau di Sarawak mengenai pertanian ini adalah masalah pengairan. Ini memerlukan dana yang tinggi ataupun peruntukan yang tinggi. Maka, Jabatan Pengaliran dan Saliran Sarawak, Jabatan Pertanian Sabah dan Lembaga Pertubuhan Peladang terlibat dalam penyaluran peruntukan-peruntukan untuk projek-projek ini. Manakala dalam Kajian Separuh Penggal Malaysia Kesembilan, peruntukan telah ditambahkan sebanyak RM125 juta untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Di tambah lagi supaya infrastruktur dapat dipertingkatkan di kawasan-kawasan penanaman padi di Sarawak.

#### ■1810

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin mencadangkan agar kerajaan memiliki BERNAS bagi mengawal keluaran beras dan memberi keutamaan kepada rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, peranan BERNAS ini kadang-kadang perlu kita tahu. Apa sebabnya BERNAS diwujudkan? BERNAS diwujudkan sebagai satu badan untuk memastikan bahawa negara Malaysia tidak kekurangan beras. Maka mereka menjadi satu badan untuk memastikan bahawa mereka mempunyai *stockpile*. Syaratnya 92,000 metrik tan perlu ada setiap masa supaya krisis beras ini tidak berlaku.

Kalau baru-baru ini ada pula masalah-masalah ini, adalah oleh sebab tindakan-tindakan peniaga yang tidak bertanggungjawab yang mahu mengaut keuntungan yang keterlaluan daripada keadaan semasa, itulah sebabnya. Seterusnya, rasionalnya adalah untuk obligasi sosial. Beras adalah satu perkara yang tidak boleh dilepaskan dalam kaedah penawaran dan permintaan, *supply and demand factors* dengan izin. *Cannot play a role in deciding the price and*

*deciding the supply and this will bring imbalance to the nation because rice is a major commodity, it's very essential* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Maka mereka menggunakan kaedah tertentu seperti 40 syarikat yang di francais kan untuk memastikan bahawa saluran itu dapat disampaikan ke peringkat akar umbi. Akan tetapi ada juga saya setuju kekurangan di sana sini dari segi pelaksanaan. Maka itu adalah soal kuat kuasa dan pemantauan. Maka hasil daripada ini, saya rasa BERNAS memang berkesan sebagai satu badan yang diswastakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ahmad Rusli Iberahim telah membangkitkan bahawa dasar pertanian yang diperkenalkan dibuat tanpa perancangan yang menyeluruh dan ini menyebabkan dasar tersebut gagal menyelesaikan masalah petani dan tidak membantu meningkatkan pendapatan mereka. Ini adalah satu kenyataan yang *ambiguous*. Dasar selalunya dirangka dengan adanya input-input daripada pelbagai agensi, sesuatu dasar tidak dibuat sewenang-wenangnya. Ia melibatkan proses daripada peringkat bawah, dari peringkat JKK, agensi-agensi pertanian di peringkat daerah, dari daerah ke agensi-agensi, di peringkat negeri dan di peringkat persekutuan.

Maka setelah dibuat segala kajian ini dan maklum balas inilah, baru dasar-dasar dibuat. Maka kita mungkin keliru ...

**Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Iberahim:** Mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi pandangan sedikit bersabit dengan pandangan yang telah pun saya kemukakan dalam Dewan yang mulia ini ialah, saya bagi satu contoh; di kalangan rakyat telah menerima beberapa dasar tetapi kita telah merdeka lebih dari 50 tahun. Di antaranya ialah Dasar Buku Hijau dan diutarakan oleh pihak kerajaan. Dasar yang dianjurkan oleh beberapa agensi kerajaan persekutuan misalnya, sistem 2L di bawah Jabatan Pertanian.

Kita bersyukur kerana kita telah dan sebahagian besar daripada rakyat telah menikmati bantuan dan sebagainya. Akan tetapi setelah 50 tahun kita mencapai kemerdekaan, jawapan daripada agensi-agensi kerajaan khususnya dari sistem pemasaran misalnya. Pada hari ini kita lihat penanaman pokok buah-buahan secara bermusim misalnya durian, rambutan, duku ataupun dokong yang pernah digalakkan oleh agensi-agensi pertanian.

Akan tetapi yang menimbulkan kemusykilan kepada kita Tuan Yang di-Pertua ialah saban hari dan saban tahun di kalangan rakyat masih lagi tidak dapat meletakkan soal pemasaran pada buah-buahan ini. Seheinggakan sampai satu peringkat hasil daripada *convince* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *convince* daripada pihak kerajaan sampai satu peringkat para petani sanggup menebang pokok getah menanam pokok rambutan. Sampai satu peringkat para petani menebang pokok getah menanam duku ataupun dokong.

Namun pihak kerajaan dengan tidak secara bersungguh-sungguh apabila disebut kepada Jabatan Pertanian, Pertanian pula menghalakan persoalan ini kepada FAMA, masing-masing untuk menyelamatkan diri tetapi kedudukan rakyat masih lagi tidak terbela kerana pada

anggapan saya sepatutnya kerajaan masing-masing bertanggungjawab melalui jabatan memastikan industri hiliran, *downstream* dengan izin, supaya memastikan penghasilan para petani ini dapat dipasarkan. Tidak laku di Malaysia tetapi di Thailand laku. Kenapa kita masih lagi meletakkan perkara ini apabila setiap kali jawapan daripada kerajaan, FAMA menyediakan pemasaran.

Saya hendak beritahu pada Dewan yang mulia ini, berapa kali pegawai FAMA menyelamatkan hasil buah-buahan para petani? Rambutan, dokong, durian sehinggakan RM10 lebih daripada dua bakul buah-buahan. Sekian.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Yang Berhormat kerana teguran tadi. Saya mengakui bahawa ada kelemahan pelaksanaan di peringkat akar umbi. Keberkesanan pelaksanaan di peringkat ini terletak kepada satu, petani itu sendiri dan juga pegawai-pegawai yang diamanahkan untuk menjalankan tugas. Maka baru-baru ini kerajaan ingin memperkasakan perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi di peringkat persekutuan. Di mana sistem pemantauan projek dua yang berasaskan *outcome based approach (OBA)* dengan izin dan *key performance indicators (KPI)* telah diperkenalkan baru-baru ini.

Dan dua tiga tahun yang lalu, Kementerian Pertanian sendiri telah mengalami metamorfosis, perubahan evolusi di mana kementerian itu tidak dilihat sebagai satu kementerian hanya untuk menggalakkan petani tanam. Maka isu-isu berkaitan dengan pertanian ini seperti penjenamaan, *branding*, pemasaran telah dijadikan satu perkara yang begitu penting sekarang. Itu sebab kementerian itu dinamakan semula sebagai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, asas tani di mana komponen perniagaan juga dimasukkan sebagai komponen penting.

Maka ia daripada mula ke akhir dilihat sebagai holistik - *approach* nya, pendekatannya mungkin sudah berubah. Maka mungkin ia di peringkat bayi, berilah peluang sedikit supaya perkara ini dapat diuji di peringkat akar umbi dan membantu golongan-golongan petani. Saya setuju apa yang dikatakan perbezaan antara Thailand dengan Malaysia di peringkat ini. Di kawasan saya sendiri di Kuala Lipis, ada masalahnya, tidak boleh jual rambutan, lebat semua tetapi tidak boleh dipasarkan. Maka saya terimalah pandangan-pandangan dari Yang Berhormat dengan baik dan akan saya bawa kepada pihak-pihak tertentu.

Yang Berhormat Senator Maijol Mahap sekali lagi ingin mendapat kepastian daripada kerajaan sama ada pembinaan paip gas sepanjang 180km dari Kimanis ke Bintulu akan diteruskan. Untuk makluman Yang Berhormat, Petronas pada masa ini sedang dalam proses menyediakan pelan induk jangka panjang untuk pembangunan industri hiliran, *downstream* minyak dan gas di Sabah. Dalam hubungan ini, Petronas sedang meneliti secara terperinci cadangan pembinaan saluran paip gas dari Kimanis, Sabah ke Bintulu, Sarawak dengan mengambil kira kepentingan untuk mengimbangi pembangunan industri gas negara untuk jangka panjang serta keperluan pembekalan gas untuk memenuhi permintaan tempatan khususnya di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berkaitan dengan teras kedua seperti keupayaan pengetahuan inovasi. Sehubungan ini, saya rasa untuk ini tidak ada soalan-soalan yang diajukan.

■1820

Banyak telah dijawab oleh timbalan menteri daripada MOSTI. Berhubung dengan Teras 3, ketidaksamaan sosial ini, isu kemiskinan. Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain dan Ahli Yang Berhormat yang lain juga menyentuh pengukuran kemiskinan pada masa ini yang berasaskan pendapatan garis kemiskinan (PGK). Perkara ini telah pun disentuh oleh timbalan menteri daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, saya ingin mengatakan bahawa tahap kemiskinan adalah RM1,500 dan PGK itu bergantung kepada tempat-tempat yang berbeza-beza.

Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah banyak menceritakan bagaimana kerajaan bukan sahaja melihat garis kemiskinan itu dari sudut yang dikatakan beberapa Ahli Yang Berhormat tadi, tetapi juga memberitahu mengenai beberapa bantuan yang sedia ada untuk membantu golongan-golongan miskin.

Yang Berhormat Senator Puan Loga Chitra Govindasamy dan Yang Berhormat Senator Tuan Maijol Mahap pula membangkitkan mengenai pendaftaran data dan ketepatan data kemiskinan. Saya setuju bahawa data ini ada dua, tiga kementerian yang gunakan. Satu, kerajaan tempatan yang mempunyai data kemiskinannya sendiri. Maka sekarang Jabatan Perdana Menteri, kita sudah pun mewujudkan satu program yang cukup penting iaitu e-kasih yang akan jadi pangkalan data tunggal sebagai rujukan untuk tujuan perancangan dan pelaksanaan program pembasmian kemiskinan.

Oleh kerana mungkin ukuran yang digunakan oleh pelbagai kementerian itu berbeza-beza, maka ini telah pun dijalankan di peringkat akar umbi dan pada pertengahan tahun 2008 ini akan dihabiskan kajiannya, dipanggil sebagai *focus group*. Mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum mengenai hal ini. Dengan adanya e-kasih ini, pangkalan data sedia ada seperti pangkalan data sistem Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) yang menempatkan maklumat kemiskinan tegar luar bandar oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan pangkalan data *Urban Poverty Information System* (UPIS) iaitu maklumat kemiskinan bandar oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menjadi sub set kepada e-Kasih.

Maka percantuman ini sedang dijalankan supaya kita mempunyai satu pangkalan data yang induk untuk mengkaji dan juga digunakan sebagai ukuran. Maka saya tidak nafikan bahawa ukuran atau nilai ini akan berubah dari semasa ke semasa melihat kepada keadaan inflasi, harga barangan dan sebagainya. Maka ini memang sudah berlaku. Katakan dua, tiga

tahun yang lalu, setahun yang lalu, kemiskinan itu mempunyai ukuran yang berbeza, sekarang sudah berbeza, tetapi ini akan berubah-ubah mengikut masa.

Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin pula membangkitkan supaya kerajaan mempunyai sasaran khusus yang hendak dicapai berkaitan dengan pekali *Gini*. Pekali *Gini* ini dia menggunakan kaedah-kaedah ekonomi. Kita menggunakan kaedah *Gini coefficient index* dengan menggunakan *Lorenz curve*. Maka kita menggunakan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *cumulative income share versus cumulative household share*. Maka kita di peringkat kerajaan di sini untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan memang telah menetapkan sasaran dari segi pencapaian pekali Gini iaitu mengurangkan pekali Gini ini kepada 0.35 menjelang tahun 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita bandingkan ini *Gini coefficient* ini, Malaysia di tahap yang boleh dibanggakan. Contohnya 0.441 pada tahun 2007 berbanding katakan Singapura, 0.485 pada tahun yang sama. Macam *Germany*, 0.283 dan kalau kita perhatikan negeri China, 0.469. So, dengan izinnya, *we are all right, heading well*. Maka saya rasa dari semasa ke semasa kerajaan akan juga memantau pekali Gini ini.

Berhubung dengan penyusunan semula hak milik, Yang Berhormat Senator Puan Heng "Sui" Kie telah mencadangkan supaya strategi bantuan mengkomersialkan idea kreatif dan inovatif diberikan bukan sahaja kepada golongan bumiputera atau graduan bumiputera yang berbakat, tetapi harusnya diberi kepada semua pihak yang lain di peringkat nasional. Maka untuk makluman Yang Amat Berhormat, *sorry*, Ahli Yang Berhormat. Untuk ini saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada MOSTI telah banyak menjawab.

Sebanyak RM2.6 bilion disediakan, RM2.591 bilion disediakan untuk pelbagai dana di peringkat dana pendidikan pembangunan RMK-9 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, maka ini dibuka untuk semua. Cuma saya dimaklumkan bahawa ianya tidak dimaksimumkan. Saya memohon supaya dana-dana ini dapat dilihat balik dan digalakkan pihak-pihak yang bukan bumiputera sama-sama terlibat. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, separuh penggal ini diadakan *clause* ini ataupun kandungan ini kerana ada golongan bumiputera yang banyak tertinggal. Maka perlu mereka dijanakan balik supaya memenuhi hasrat kerajaan.

Selain daripada itu kita ada juga CRDF, kita ada SMIDEC dan juga banyak lagi dana dalam kementerian-kementerian lain yang perlu digunakan untuk tujuan ini. Berhubung dengan isu penurunan pemilikan ekuiti kaum India yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat... – oh, beliau tidak ada di sini – Yang Berhormat Tuan Rawisandran, oleh kerana saya pun daripada MIC, saya jawab sedikitlah supaya dapat dijadikan dokumen dalam Hansard nanti.

Maka untuk makluman Yang Berhormat, kita masih tertinggal sedikit dalam hal ini, maka kerajaan berhasrat untuk menggunakan institusi-institusi yang sedia seperti PNB dan sebagainya untuk memastikan bahawa hasrat ini ataupun dasar ini dapat dikabulkan. Dalam konteks ini satu Jawatankuasa Kabinet telah diwujudkan untuk kita melihat mekanisme-mekanisme bagaimana kita meningkatkan lagi ekuiti India untuk mencapai 3% menjelang tahun 2020.

Berhubung dengan penyusunan semula guna tenaga, Yang Berhormat Senator Puan Seng "Siu" Kie mencadangkan supaya kerajaan tidak....

**Puan Heng Seai Kie:** Yang Berhormat, nama saya Heng Seai Kie ya...

**Tuan S. K. Devamany:** Oh, Puan Heng Seai Kie, maafkan saya. Maafkan saya. Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie mencadangkan supaya kerajaan tidak menguatkuasakan syarikat awam yang tersenarai melaporkan komposisi sumber manusia mengikut kumpulan etnik untuk semua peringkat pekerjaan, tetapi mengesyorkan maklumat berkenaan diperolehi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, hasrat ini ataupun hala tuju ini untuk memastikan supaya kita balik kepada spirit Dasar Ekonomi Baru supaya kita mengimbang kembali sosioekonomi untuk menyusun semula guna tenaga. Maka dalam konteks ini perkara ini bukan satu perkara yang baru. Hal ini sudah sedia ada bahawa peruntukan ini sudah pun diberi dalam Akta Pekerjaan pada 1955 di mana syarikat-syarikat perlu memberi sekiranya diminta oleh Kementerian Sumber Manusia untuk membekalkan data-data berkaitan dengan sumber tenaga kerja mereka. Maka perkara ini bukanlah sesuatu yang baru.

Cuma kerajaan tidak terlalu memaksa hal ini. Maka mungkin kalau kerajaan memerlukan data-data ini mereka akan tanya untuk tujuan-tujuan pembangunan dan penyusunan semula masyarakat. Berhubung dengan pembangunan koridor pertumbuhan, Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui mencadangkan agar satu jawatankuasa pelaksana diwujudkan bagi memastikan setiap perancangan dan pemantauan dapat diadakan bagi mencapai matlamat dan sasaran pembangunan. Sayugia diingatkan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa kerajaan begitu rapi dalam merancang koridor-koridor ini.

Kalau kita perhatikan perancangannya telah berlaku dari sejak 2006 dan kita baru menghabiskan *framework*, dengan izin, rangka untuk memastikan bahawa pemangkinan itu dan juga pembangunan koridor itu dapat dilanjutkan dengan begitu berjaya. Dengan izin, *we were careful, very careful but very sure* supaya masalah-masalah dahulu tidak kembali. Maka itu sebabnya kita nampak *master plan* ini diwujudkan oleh fasilitator, pemula cara-pemula cara seperti Khazanah Nasional Berhad untuk *Iskandar Development Region* (IDR) dan Sime Darby untuk NCER, Petroleum Nasional Berhad (Petronas) untuk *East Coast Economic Region* (ECER). Untuk Sabah dan Sarawak oleh kerajaan negeri, baru digazet menjadi enakmen tetapi di Sabah belum lagi. Sarawak baru habis.

#### ■1830

Ini mengambil masa dan hala tujunya melibatkan banyak pihak-pihak seperti Kerajaan Pusat, PFI iaitu Private Financial Initiative, GLC dan juga *private sector* terlibat. Semua pihak ini perlu disatukan supaya mereka memahami bahawa hala tuju kerajaan bukan dinaungi ataupun

dipikul oleh satu iaitu Kerajaan Pusat tetapi merupakan tanggungjawab semua pihak yang ingin menjadikan Malaysia cemerlang, gemilang dan terbilang. Saya memberi kepastianlah bahawa jawatankuasa pelaksana akan memantau ini secara rapi. Seterusnya, pendekatan pembangunan ini akan berterusan sampai 2025 dan 2030. So, ia akan mengambil jangka masa yang panjang. Kita baru dua setengah tahun, saya dalam peringkat masa kita akan tahu dia punya bentuk dan keberkesannya.

Yang Berhormat Senator Puan Heng Seai Kie memohon penjelasan mengapa peranan GLC telah dipertingkatkan dalam membangun, memupuk dan menambah bilangan usahawan *and enterprise* bumiputera. Untuk perhatian Yang Berhormat, peranan GLC dalam menambah bilangan usahawan dan *enterprise* bumiputera ditingkatkan memandangkan GLC sememangnya mempunyai keupayaan dalam melaksanakan fungsi tersebut berdasarkan kejayaannya dalam pelbagai program keusahawanan. Untuk makluman Yang Berhormat, bila kita nampak GLC-GLC ini, mereka mampu menjalankan kegiatan ekonomi gergasi yang tidak mampu dilakukan oleh entiti-entiti kecilan supaya kita *become global players*.

Kejayaan Sime Darby, kejayaan Petronas, kejayaan Khazanah menjadi bukti bahawa Malaysia telah meletakkan diri mereka di peta dunia dalam ekonomi antarabangsa kerana adanya keupayaan sebegini dari segi pengurusan, dari segi dana, dari segi kepakaran, dari segi R&D. Maka perlulah GLC-GLC ini untuk menggerakkan pembangunan ekonomi sebegini. Kalau tidak kita akan jadi golongan-golongan kecilan dan picisan yang tidak akan diendahkan oleh gergasi-gergasi ekonomi dunia.

Yang Berhormat Senator juga memohon penjelasan kerajaan mengenai kewajaran GLC bersaing dengan syarikat bukan bumiputera tempatan. GLC yang mempunyai kapasiti perniagaan yang lebih besar sepatutnya bersaing di pasaran global dan bukannya di pasaran tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, ramai daripada syarikat bukan bumiputera terlibat juga di dalam GLC-GLC Malaysia. Saya ingin memberi contoh. Contohnya di dalam Khazanah Nasional Berhad, Proton, Modenas, EON, Penerbangan Malaysia Berhad, UDA, Putrajaya Holding, Silterra Sdn. Bhd, Astro, DRB Hicom, dan EUM terlibat.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Maka bererti bukan sahaja kerajaan dalam GLC memberi hanya saham kepada bumiputera. Contohnya kalau kita perhatikan Telekom Malaysia Berhad, 36% dimiliki oleh kerajaan, 64% dimiliki oleh bukan bumiputera dan bumiputera. Maka, ada syarikat-syarikat lain yang terlibat. Ini menunjukkan bahawa *distribution*, pengagihannya memang ada, cuma kita tidak nampak. Kita mempunyai satu konsep bahawa GLC hanya fokus kepada kerajaan dan kerajaan dimiliki oleh bumiputera. Maka kita kena kikiskan pandangan sebegini dan melihatnya dari perspektif yang mikro.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang bercakap bagi pihak kerajaan pada petang ini bukan bumiputera.



**Puan Heng Seai Kie:** Saya minta laluan.

**Tuan S. K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, kita cakap yang benar.

**Puan Heng Seai Kie:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah salah faham tentang persoalan yang telah saya kemukakan. Saya bangkitkan ialah kenapakah syarikat GLC yang telah pun diberi pelbagai keutamaan. Maksudnya mereka itu yang berdaya saing yang seharusnya bersaing di pasaran global diberi peluang untuk bersaing di pasaran tempatan. Maksudnya, tidak kira sama ada dia itu ialah GLC bukan bumiputera ataupun GLC bumiputera. Di sini ialah *why GLC should be given a chance*, dengan izin untuk merebut peluang perniagaan IKS tempatan? Sekian, terima kasih.

**Tuan S. K. Devamany:** Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini dia di Jabatan Perdana Menteri terlalu kerap...

**Tuan S. K. Devamany:** Saya selalu panggil Perdana Menteri Yang Amat Berhormat. So, benda itu selalu dalam *Post Cabinet* kita bincangkan, maka benda itu telah tersangkut dalam lidah. Saya mohon maaf ya.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin mengatakan bahawa GLC memang tidak banyak terlibat dalam perkara-perkara berkaitan dengan perniagaan IKS, industri kecil dan sederhana kerana matlamat IKS berbeza dengan matlamat GLC. GLC lebih besar, maka kalau ada pun secara tidak langsung secara hiliran tetapi tidak secara induk. Itu satu. Yang kedua, saya memang setuju bahawa kita harus menggunakan wadah GLC untuk pembangunan ataupun perniagaan besar-besaran di peringkat antarabangsa tetapi kalau adanya peluang dan lembaga itu berpendapat bahawa peluang itu perlu diteroka semaksimum kerana mempunyai beberapa kepakaran, maka tidak juga kita boleh berhentikan. Saya menerima pandangan Yang Berhormat dengan hati yang terbuka dan saya akan sampaikan kepada pegawai-pegawai saya supaya mereka boleh mencerna benda ini untuk masa depan.

Yang Berhormat Senator Yip Kum Fook mencadangkan agar kerajaan memansuhkan syarat-syarat jawatankuasa pelaburan asing untuk pembelian hartanah. Untuk perhatian Yang Berhormat, secara umumnya antara syarat-syarat yang pernah dikenakan bagi pembelian hartanah di Malaysia adalah seperti syarat ekuiti, syarat modal berbayar, syarat guna tenaga, syarat pembangunan hartanah iaitu sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah nilai bahan binaan dan alat kelengkapan yang terdiri daripada bahan tempatan yang kini sudah dimansuhkan dan pendaftaran hartanah di bawah nama syarikat tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengenaan syarat ini sudah boleh juga di *revert* balik dengan izin, dengan adanya rayuan. Sekiranya mereka mempunyai alasan-alasan yang konkrit bahawa pelaburan mereka mempunyai manfaat kepada kedua-dua pihak iaitu kerajaan dan mereka, sudah tentunya mereka akan dipertimbangkan oleh jawatankuasa yang sedia ada. Maka kes-kes ini, *case to case basis* dan pernah dilakukan. Saya mohon supaya kalau

sekiranya Yang Berhormat ada masalah ini, jumpa dengan Jawatankuasa Pelaburan Asing supaya berbincang dengan perkara-perkara ini.

Memang ada pengecualian kerana fail itu terlalu tebal, tidak boleh saya cerita satu persatu. Terlalu banyak perkara-perkara dan saya tengok hampir hendak tidur rata-rata Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mahu mempercepatkan keadaan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu dakwaan menimbulkan sangkaan.

**Tuan S. K. Devamany:** Saya mohon maaf Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebilangan Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh Teras 4 Misi Nasional iaitu kemapanan kualiti hidup. Baik Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi meminta kerajaan menimbang semula keputusan pembatalan projek mega di Pulau Pinang. Beliau tidak ada di sini, maka boleh bincang bersama saya. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga lagi sekali meminta kerajaan untuk memendekkan masa perjalanan kereta api.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mahukah Yang Berhormat guna kesempatan walaupun Ahli Yang Berhormat tiada untuk menjelaskan isu tersebut?

**Tuan S. K. Devamany:** Okey, kalau itulah permintaan Tuan Yang di-Pertua saya akan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan permintaan saya, saya bertanya tidak mahukah Yang Berhormat guna kesempatan ini?

**Tuan S. K. Devamany:** Boleh, tetapi Tuan Yang di-Pertua, soalnya adalah berkaitan dua projek sahaja iaitu projek jalan lingkaran luar Pulau Pinang dan projek monorel. Perkara itu sudah banyak disebut dalam surat khabar, tidak perlu kita jelaskan. Ini ditanyakan untuk tujuan-tujuan undang di sebalik batu. Ini adalah politik.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju mega projek di Pulau Pinang ditangguhkan. Pertama, sekarang ini Pulau Pinang adalah di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat. Masa dulu, Pakatan Rakyat ini iaitu DAP sendiri meminta supaya PORR ini atau lingkaran ini dibatalkan. Mereka tidak setuju, ada pula kempen anti-PORR. Jadi, saya rasa hari ini saya pelik kenapa daripada Kelantan ini hendak suruh mega projek di Pulau Pinang ini diteruskan. Jadi saya setuju Yang Berhormat supaya mega projek di Pulau Pinang ditangguhkan. Terima kasih.

■1840

**Tuan S. K. Devamany:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya berterima kasihlah kerana pandangan itu, tetapi kerajaan tidak pernah menganaktirikan mana-mana negeri atas dasar ideologi politik mereka, kerana rakyat adalah begitu penting sekali, maka kalau kita tengok pembangunan koridor Tuan Yang di-Pertua, pengagihan wang itu begitu merata dan seimbang, maka sukacita dimaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa projek Bukit Bendera bernilai RM40 juta masih berlanjutan.

Kalau kerajaan mahu dia boleh tarik balik projek itu tetapi masih ada lagi. Maka pada masa akan datang projek ini akan dipertimbangkan semula, cuma dari segi keutamaan projek itu tidak diletakkan di atas, kita akan pertimbangkan balik.

Kerajaan tidak akan menganaktirikan negeri-negeri dan rakyat kita atas dasar ideologi politik negeri masing-masing. Maka Yang Berhormat Puan Hajah tidak payah saya jawab yang itu. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain mencadangkan supaya langkah-langkah berkesan diambil oleh kerajaan agar kepentingan rakyat dapat dipertahankan dan beban rakyat dapat dikurangkan akibat peningkatan harga minyak.

Baik, ini saya ingat Tuan Yang di-Pertua, saya perlukan sedikit masa kerana ini sangat penting untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat dan juga orang awam. Langkah pertama kerajaan untuk mengatasi masalah ini, memang harga minyak sekarang serius, maka satu meningkatkan jaringan keselamatan sosial atau *social safety net*.

Ia melalui bantuan kepada golongan miskin yang memerlukan termasuk bantuan kepada warga emas, elaun kepada pekerja kurang upaya, program peningkatan kualiti hidup Orang Asli, perluasan skop dan operasi amanah ikhtiar Malaysia ke kawasan bandar, sekarang dari luar bandar kita sudah bawa AIM ke bandar dan meningkatkan kadar kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM400 kepada hingga RM700 sebulan.

Kedua, mengekalkan subsidi gas untuk memasak pada RM1.75 sen sekilogram.

Ketiga, mengekalkan tarif elektrik semasa bagi isi rumah yang menggunakan 200 kilowatt.

Keempat, mengekalkan beras super tempatan 15% sebagai beras yang dikawal harga di antara RM1.65 sen sekilogram hingga RM1.80 sen sekilogram. Di samping itu menetapkan harga siling beras *super special* tempatan 5% pada RM2.80 sen sekilogram dan beras *super special* tempatan 10% pada RM2.70 sen sekilogram.

Kelima, Tuan Yang di-Pertua memberi rebat tunai RM625 bagi kereta persendirian 2000 cc ke bawah, jip dan *pick-up* 2500 cc dan ke bawah serta RM150 bagi motosikal persendirian berkapasiti enjin sehingga 250 cc.

Keenam, meningkatkan kuota dan *fleet card* banyak lagi perkara di dalam *flit card* tetapi tidak payah saya menerokanya.

Mengekalkan subsidi diesel pada RM1.45 sen seliter dan NGV pada 68 sen seliter. Baik, inilah beberapa langkah untuk membantu rakyat menangani krisis harga minyak ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, teras kelima saya akan habiskan sedikit sahaja lagi, saya minta kesabaran daripada rakan-rakan taulan saya di belakang.

Teras kelima iaitu mengukuhkan keupayaan inflasi dan pelaksanaan juga merupakan komponen penting dalam memastikan pembangunan dapat dilaksanakan, inilah menjadi isu pelaksanaan. Maka Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin meminta kerajaan supaya memantau

pemberian pelbagai subsidi kepada golongan petani bagi memastikan subsidi tersebut dinikmati oleh kumpulan sasar.

Untuk perhatian Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sedar bahawa kecekapan sistem penyampaian subsidi kepada petani perlu ditingkatkan. Diakui bahawa ada beberapa kekangan di situ, keberkesanan projek-projek ini akan dinilai melalui pelbagai kadar termasuk *outcome based approach* seperti Yang Berhormat cakap tadi dan *key performance index indicators* dan juga perkara ini ditentukan oleh sistem pemantauan projek dua.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui menyarankan supaya kerajaan mempercepatkan penyaluran peruntukan projek-projek pembangunan di Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Sarawak baru digazet dan diadakan enakmen dan di Sabah belum lagi. Maka apabila perkara ini sudah dibuat, jadi perkara-perkara pergerakan projek itu akan berjalan dengan cepat dan lancar kerana Sabah, Sarawak berbeza dengan Persekutuan.

Tiga koridor di sini Iskandar dengan Utara, dengan Pantai Timur diluluskan oleh Parlimen, tetapi di Sabah dan Sarawak kita perlukan kelulusan di peringkat negeri. Maka itu sebabnya kita mengambil masa untuk memastikan bahawa segala prasyarat perundangan dapat disempurnakan sebelum projek dapat diamalkan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi bersama saya sehingga lewat petang ini untuk penggulungan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan pun berterima kasih kepada Yang Berhormat sambil mengucapkan tahniah kerana bukan sahaja menguasai subjek Yang Berhormat tetapi dengan izin *also having a patience for it*. Terima kasih. [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Usul disetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok Khamis 24 Julai 2008.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.46 petang.***